# DRAF 2 Prinsip & Kriteria (P&C) RSPO 2023

## Tempoh ulasan awam: 1 Jun hingga 30 Jun 2023

NOTA.
Draf 2 RSPO P&C 2023 ini ialah:
1) Bermaksud untuk ulasan umum dan TIDAK digunakan untuk semakan pematuhan pelaksanaan.
2) Bab Pengenalan dan Mukadimah bertujuan untuk maklumat dan bukan untuk mengulas.
3) Terdapat penunjuk dengan pilihan yang ditangkap untuk ulasan dengan justifikasi khusus mengenai pilihan yang paling tepat kepada tujuan yang menyampaikan kepada hasil yang dimaksudkan.

# Pengenalan

Dokumen ini ialah dokumen utama dalam sistem pensijilan RSPO yang mengandungi Prinsip dan Kriteria bagi penghasilan minyak sawit yang lestari. Prinsip dan Kriteria ini mengandungi Mukadimah, 7 Prinsip dan Kriteria serta Penunjuk yang berkaitan; dan satu Tafsiran Istilah.

Mukadimah mengandungi maklumat penting tentang Pensijilan RSPO, dan disusun dalam seksyen-seksyen seperti berikut:
1. Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)
2. Prinsip dan Kriteria (P&C)
3. Skop
4. Interpretasi Nasional (NI)
5. Interpretasi dan Pertikaian
6. Tanggungjawab terhadap Pematuhan
7. Pematuhan Pensijilan
8. Dokumen dan Rujukan Berkaitan

*Istilah* yang diberikan definisi disediakan dalam Definisi Istilah ditulis dalam huruf condong.

# Tarikh Berkuat Kuasa

P&C RSPO 2023 telah diterima pakai oleh keahlian RSPO di Perhimpunan Agung ke-x di [lokasi] pada [tarikh] berkuatkuasa serta-merta. P&C RSPO 2023 ini hendaklah digunakan bagi semua aktiviti pensijilan baharu selepas [tarikh diterima pakai].

Entiti yang diperakui sedia ada boleh terus diperakui selepas [tarikh diterima pakai] dan sebelum pelengkapan Interpretasi Nasional (NI) P&C 2023 yang berkenaan, dengan menjalankan maksimum satu lagi Audit Pemantauan Tahunan (ASA) terhadap P&C 2018 (atau NI P&C 2018 yang berkenaan), tetapi mestilah menunjukkan pematuhan terhadap P&C RSPO 2023 pada ASA yang seterusnya.

Semakan dan ulang kaji berikutnya terhadap P&C RSPO hendaklah dilakukan dalam lingkungan kitaran lima tahun mengikut SOP Tetapan Piawaian RSPO.
Proses semakan seterusnya terhadap P&C RSPO hendaklah dilakukan pada tahun 2026 (tiga tahun dari tarikh P&C ini diterima pakai), dengan tujuan untuk melengkapkan sebarang semakan yang perlu dalam tempoh dua tahun dari proses itu.

# MUKADIMAH

## 1 Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)

RSPO ialah sebuah organisasi bukan untuk keuntungan dengan keahlian antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2004 dan menyatukan pihak-pihak berkepentingan dari tujuh sektor industri minyak sawit - pengeluar kelapa sawit, pemproses dan pedagang minyak sawit, pengilang barangan pengguna, peruncit, bank dan pelabur, organisasi bukan kerajaan (NGO) berkenaan alam sekitar atau pemuliharaan alam, dan NGO berkenaan sosial atau pembangunan - untuk membangunkan dan melaksanakan piawaian global bagi pengeluaran minyak sawit yang lestari.

Pengeluaran minyak sawit lestari merangkumi pengurusan dan operasi yang sah, berdaya maju dari segi ekonomi, sesuai dengan alam sekitar dan bermanfaat dari segi sosial. Untuk memastikan kredibiliti dakwaan kelestarian minyak sawit, semua ahli RSPO yang mengambil pemilikan sah dan mengeluarkan atau mengendalikan produk kelapa sawit lestari diperakui RSPO perlu diperakui RSPO. Pensijilan RSPO memastikan bahawa semua pengguna menyumbang kepada pengeluaran Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO), dan dengan itu mengurangkan impak negatif dari segi sosial dan alam sekitar daripada penanaman lazim kelapa sawit. Teras kepada proses ini ialah Prinsip dan Kriteria (P&C) RSPO, iaitu satu set piawaian yang ketat untuk pengeluaran minyak sawit lestari yang mesti dipatuhi oleh ahli-ahli RSPO.

RSPO terus komited terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban. RSPO menyediakan sistem untuk memastikan bahawa ahli-ahli yang diperakui RSPO mematuhi piawaian.

## 2 Prinsip & Kriteria RSPO

Set Prinsip & Kriteria pertama RSPO telah diterima pakai untuk pelaksanaan rintis pada November 2005 dan berkuat kuasa sepenuhnya sebagai Piawaian pada November 2007. Prinsip & Kriteria RSPO 2007 kemudiannya dikemas kini pada 2013 dan 2018.

P&C RSPO 2023 ialah hasil daripada semakan semula yang komprehensif terhadap P&C 2013 yang bermula pada Januari 2022 dan telah dilengkapkan pada Oktober 2023. P&C RSPO 2023 telah diterima semasa Perhimpunan Agung oleh ahli-ahli RSPO pada [tarikh]. Semakan P&C 2023 telah dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Penetapan dan Semakan Piawaian RSPO 2020. SOP ini, sebaliknya, dibangunkan mengikut Kod Amalan Baik ISEAL bagi Penetapan Piawaian Sosial dan Alam Sekitar, Versi 6 Disember 2014.

Prinsip RSPO merupakan peraturan penting atau elemen pengurusan dan operasi yang sah, berdaya maju dari segi ekonomi, sesuai dengan alam sekitar dan bermanfaat dari segi sosial. Penunjuk ini memberikan cara untuk menilai sama ada sesuatu Kriteria itu telah dipenuhi, menjurus kepada suatu Prinsip. Ini adalah asas bagi skim pensijilan RSPO dan bersama-sama dengan Mukadimah dan Definisi Istilah, membentuk teras bagi pakej piawaian yang komprehensif.

Prinsip, Kriteria dan Penunjuk adalah normatif; manakala Garis Panduan dan Nota Prosedur pula berbentuk informatif. Penunjuk Kritikal dikenal pasti dan ditandai 'C' di sebelah nombor penunjuk masing-masing.

Panduan bertujuan untuk menyediakan maklumat tambahan yang membantu pemahaman, pelaksanaan dan pengauditan. Panduan khusus juga telah dimasukkan bagi sesetengah Penunjuk untuk kejelasan, serta perkara-perkara tertentu untuk dibincangkan dalam Interpretasi Nasional. Nota Prosedur bertujuan untuk menunjukkan waktu dan pada bahagian mana wujudnya metodologi atau elemen piawaian yang masih dalam pembangunan untuk menjelaskan istilah, syarat dan prosedur sebelum metodologi atau elemen tersebut dimuktamadkan.

P&C RSPO 2023 perlu digunakan bersama dengan dokumen berkaitan lain yang setiap **prosedur**, **alat**, **panduan** dan **manual** yang berkaitan diberikan dalam lingkungan penunjuk serta ditandakan dengan huruf Tebal dan Digariskan.

# 3 Skop

Prinsip dan Kriteria RSPO (P&C RSPO) terpakai bagi pengeluaran minyak sawit lestari di seluruh dunia. P&C RSPO ini meliputi impak alam sekitar dan sosial pengeluaran minyak sawit dan input segera kepada pengeluaran, seperti benih, bahan kimia dan air, dan impak sosial yang berhubung dengan buruh ladang dan hubungan komuniti.

P&C RSPO terpakai pada semua syarikat peringkat pengeluaran, iaitu semua kilang, yang tidak termasuk di bawah definisi pengilang bebas seperti yang digariskan dalam Piawaian Pensijilan Rantai Bekalan (SCC) RSPO; dan semua penanam, yang tidak memenuhi definisi Pekebun Kecil Bebas atau keperluan keterterapan seperti yang digariskan dalam Piawaian Pekebun Kecil Bebas (ISH) RSPO dan oleh itu tidak boleh menggunakan Piawaian ISH RSPO. Ini dirujuk sebagai *Unit Pensijilan* di seluruh dokumen ini.

P&C RSPO terpakai pada penanaman sedia ada, serta perancangan, penempatan tapak, pembangunan, pengembangan dan penanaman baharu.

Prinsip & Kriteria ini terpakai pada semua jenis FFB dan pengeluar minyak sawit yang berbeza. Penunjuk Khusus yang dibangunkan terpakai pada kilang-dengan-ladang-sendiri tertentu; penanam tanpa kilang dengan pegangan tanah lebih besar daripada 500 hektar; penanam sederhana tanpa kilang dengan pegangan tanah antara 50.1 hektar hingga 500 hektar; dan pekebun kecil skim dengan pegangan tanah di bawah 50.1 hektar.

# 4 Interpretasi Nasional (NI)

Prinsip & Kriteria ini ialah dokumen generik. Penunjuk dan panduan yang terkandung dalam dokumen Prinsip & Kriteria generik ini boleh disesuaikan untuk digunakan oleh setiap negara melalui proses Interpretasi Nasional, untuk menyokong pelaksanaan di tempat berkenaan. RSPO menggalakkan semua negara pengeluar minyak sawit supaya mematuhi P&C generik ini, walau bagaimanapun jika ahli sesebuah negara itu nampak keperluan untuk mempunyai NI, proses boleh dimulakan. Sehingga suatu NI telah dibangunkan dan diterima pakai secara rasmi oleh Lembaga Gabenor (BoG) RSPO, piawaian yang terpakai ialah P&C RSPO generik.

Proses Interpretasi Nasional (NI) sesebuah negara hanya boleh dimulakan sebaik sahaja memperoleh kelulusan bertulis daripada Sekretariat RSPO, standard. development@rspo.org. Melihat pada proses NI yang intensif yang lazimnya berjalan selama lebih dari 12 bulan; dan dengan mempertimbangkan kitaran semakan 5 tahun P&C, semua proses semakan semula atau pembangunan NI yang dimulakan mesti dilengkapkan tidak lewat dari 36 bulan dari tarikh P&C diterima pakai. Tiada proses NI yang boleh dimulakan selepas 24 bulan dari tarikh P&C diterima pakai.

Sekiranya P&C generik dikemas kini (diterima pakai oleh Lembaga Gabenor (BoG) RSPO), kemas kini yang berkenaan untuk menyokong NI mesti dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyokongan atau pengemaskinian P&C generik. Sebarang kemas kini atau semakan semula perlu menyokong NI (iaitu akibat perubahan penting dalam konteks undang-undang kebangsaan), dalam tempoh yang sama dengan tempoh kitaran berkesan P&C sedia ada, seperti proses kemas kini/semakan semula hendaklah dimulakan oleh negara dalam Kumpulan Kerja NI. Kelulusan bertulis mestilah diperoleh melalui Sekretariat RSPO.

Proses NI mestilah dipandu oleh **Prosedur Operasi Standard untuk Penetapan dan Penyemakan Piawaian RSPO**.

## 5 Interpretasi

Versi bahasa Inggeris dokumen P&C RSPO generik ini akan sentiasa mengatasi versi terjemahan yang lain sekiranya ada pertikaian antara versi bahasa Inggeris dengan versi terjemahan yang lain atau sekiranya versi berlainan itu tidak konsisten.

Apabila piawaian RSPO berbeza daripada undang-undang tempatan, yang lebih tinggi/lebih ketat daripada kedua-duanya akan sentiasa diguna pakai dan NI dikehendaki membangunkan senarai undang-undang yang terpakai.

## 6 Pematuhan Pensijilan

Pematuhan dengan P&C RSPO dan semua keperluan seperti yang digariskan dalam dokumen berkaitan adalah diperlukan untuk membolehkan sijil dianugerahkan. Kewajipan bagi memastikan pematuhan dengan Prinsip, Kriteria dan Penunjuk terletak pada individu atau entiti yang dirujuk oleh pemegang sijil sebagai 'Ahli RSPO'. Ahli RSPO bertanggungjawab terhadap keputusan, dasar dan pengurusan aktiviti yang berkaitan dengan *Unit Pensijilan (UoC)*. Berikutan itu, *UoC* dikehendaki mengambil tindakan pembetulan sekiranya berlaku kejadian pelanggaran Prinsip, Kriteria dan/atau Penunjuk.

Pematuhan mestilah ditunjukkan dengan bahagian normatif P&C, iaitu Prinsip, Kriteria dan Penunjuk. Ketidakpatuhan (NC) akan dibangkitkan di peringkat Penunjuk oleh juruaudit. Bahagian informatif disediakan untuk membantu pelaksanaan Penunjuk, tetapi bahagian ini bukan normatif, dan ketidakpatuhan tidak boleh dibangkitkan terhadap bahagian ini.

NC digredkan kepada dua kategori, NC minor dan major. Sebarang NC yang dibangkitkan terhadap penunjuk Kritikal (C) akan digredkan sebagai NC major dan membawa kepada Permintaan Tindakan Pembetulan (CAR) major.

Ketidakpatuhan terhadap penunjuk tanpa penandaan (C) akan digredkan sebagai NC Minor dan membawa kepada Permintaan Tindakan Pembetulan (CAR) minor.

# 7 Rujukan

Dokumen-dokumen berikut adalah relevan bagi penggunaan dokumen ini dan versi terakhir semua dokumen akan sentiasa mengatasi versi yang lain.

- Prosedur Penanaman Baru (NPP)
- Keperluan dan Panduan Sistem Pengurusan untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB
- Peraturan mengenai Komunikasi Pasaran dan Tuntutan
- Sistem Pensijilan untuk P&C dan Piawaian ISH

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Konsep 3R (Kurangkan-Guna Semula-Kitar Semula) | Konsep 3R (Kurangkan-Guna Semula-Kitar Semula) ialah turutan langkah-langkah tentang cara menguruskan sisa dengan betul. Keutamaan teratas adalah Kurangkan, iaitu mengurangkan penghasilan sisa, kemudian Guna Semula, dan kemudian Kitar Semula, untuk memberikan bahan buangan peluang kedua sebelum dilupuskan secara kambus tanah. | https://waste4change.com/blog/waste4change-supports-3r-reduce-reuse-recycle-green-concept/ |
| Penyalahgunaan kerentanan | Mengambil kesempatan atas seorang pekerja yang tidak berpengetahuan tentang undang-undang tempatan/negara, bahasa, mempunyai peluang terhad terhadap mata pencarian, tergolong dalam kumpulan agama atau etnik minoriti, kurang upaya atau had-had lain yang menyebabkan pekerja itu dianggap rentan. | Disesuaikan daripada 11 Penunjuk ILO berkenaan Buruh Paksa |
| Komuniti Terjejas | Semua Komuniti yang mungkin terjejas secara langsung dan dengan ketara oleh pembangunan yang dicadangkan, iaitu mereka dengan pegangan tanah dan hak pengguna lain, dalam kawasan yang terjejas, mesti disertakan dalam proses penilaian dan proses FPIC. Komuniti lain yang hanya mungkin terjejas secara tidak langsung, contohnya oleh perubahan jangka panjang yang mungkin berlaku pada peruntukan perkhidmatan ekosistem akibat penggunaan air dalam operasi, juga perlu diambil kira. | Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022 |
| Perjanjian | Suatu aturan (lazimnya tidak rasmi) antara dua pihak atau lebih yang tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang. | RSPO P&C 2023 |
| Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) | Keperluan oksigen biokimia (BOD juga dikenali sebagai keperluan oksigen biologi) adalah jumlah oksigen terlarut (DO) yang dikehendaki (iaitu diperlukan) oleh organisma biologi aerob untuk menguraikan bahan organik yang wujud dalam suatu sampel air pada suhu tertentu dalam tempoh waktu tertentu. | P&C 2023 |
| Agen kawalan biologi | Merujuk pada penggunaan organisma semula jadi atau diubah, produk gen, untuk mengurangkan kesan organisma yang tidak diingini dan untuk memilih organisma yang diingini seperti tanaman, serangga bermanfaat, dan mikroorganisma. | Singh, S., Kumar, V., Dhanjal, D.S., Singh, J. (2020). Agen Kawasan Biologi: Diversity, Ecological Significances, and Biotechnological Applications. In: Singh, J., Yadav, A. (eds) Natural Bioactive Products in Sustainable Agriculture. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-15-3024-1_3 |
| Rasuah | Rasuah ialah pemberian haram atau tidak beretika atau usaha melobi yang dilakukan untuk mempengaruhi kelakuan penerima. Rasuah boleh jadi wang, barangan, hak dalam tindakan, hartanah, keutamaan, keistimewaan, emolumen, objek berharga, kelebihan, atau sekadar janji untuk mencetuskan atau mempengaruhi tindakan, undi, atau pengaruh seseorang dalam kapasiti rasmi atau awam. | https://en.wikipedia.org/wiki/Bribery |
| Kanak-kanak | Istilah kanak-kanak terpakai pada semua individu di bawah usia 18 tahun. | Konvensyen Usia Minimum ILO, 1973 (No. 138)<br>Konvensyen Bentuk Terburuk Buruh Kanak-kanak, 1999 (No. 182) |
| Buruh kanak-kanak | Buruh kanak-kanak adalah kerja yang merampas zaman kanak-kanak, potensi dan maruah seorang kanak-kanak, dan memudaratkan perkembangan fizikal dan mental mereka. Istilah ini terpakai pada:<br><br>• Semua kanak-kanak di bawah usia 18 tahun yang terlibat dalam “bentuk terburuk buruh kanak-kanak” (berdasarkan Konvensyen ILO No. 182)<br>• Semua kanak-kanak di bawah usia 12 tahun yang mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi; dan<br>• Semua kanak-kanak berusia 13 hingga 14 tahun yang terlibat dalam kerja yang lebih daripada kerja ringan.<br><br>ILO mentakrifkan kerja ringan sebagai kerja yang tidak berkemungkinan memudaratkan kesihatan atau perkembangan kanak-kanak dan tidak berkemungkinan menjejaskan kehadiran mereka di sekolah atau latihan vokasional.<br><br>Mereka yang di bawah usia 18 tahun tidak sepatutnya terlibat dalam kerja berbahaya yang boleh menjejaskan fizikal, mental atau kesejahteraan moral mereka, sama ada kerana sifat ataupun keadaan yang diperlukan untuk melaksanakan kerja itu. Bagi pekerja muda di atas usia minimum yang sah tetapi di bawah umur 18 tahun, hendaklah ada had untuk jam bekerja dan kerja lebih masa; bekerja di tempat tinggi dan berbahaya; dengan mesin, kelengkapan dan alat yang berbahaya; mengangkut muatan berat; pendedahan terhadap bahan atau proses berbahaya; dan keadaan sukar seperti kerja pada waktu malam. | Konvensyen Usia Minimum ILO, 1973 (No. 138) |
| Pemulihan buruh kanak-kanak | Pemulihan buruh kanak-kanak merujuk kepada proses mengeluarkan kanak-kanak daripada situasi buruh kanak-kanak untuk memastikan alternatif yang selamat dan mencukupi untuk mereka, seperti mengintegrasikan mereka semula ke dalam sistem pendidikan atau, jika umur mereka melebihi umur minimum untuk bekerja, mewujudkan peluang untuk mereka bekerja dalam pekerjaan yang tidak berbahaya. | https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/---ipec/documents/instructionalmaterial/wcms_ipec_pub_27555.pdf |
| Komuniti | Komuniti merujuk pada Orang Asal, Orang Asli, Komuniti Tempatan (termasuk wanita, kanak-kanak, dan orang kurang upaya), orang tersingkir, migran, dan pengguna tanah yang lain. | RSPO P&C 2018 |
| Maklumat sulit | Maklumat sulit termasuk data kewangan seperti kos dan pendapatan, dan butiran tentang pelanggan dan/atau pembekal. Data yang menjejaskan privasi peribadi juga hendaklah dirahsiakan. Maklumat sulit termasuk maklumat yang sekiranya didedahkan akan mengakibatkan kesan negatif terhadap alam sekitar atau sosial. | Diambil daripada P&C 2013 |
| Sistem penyelesaian konflik | Suatu sistem untuk menyebarkan, menyelesaikan dan memulihkan perselisihan, konfrontasi dan ketegangan antara UoC dan Komuniti. | Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022 |
| Kontrak | Merupakan jenis perjanjian khusus yang melalui syarat dan elemennya adalah terikat dari segi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan dalam mahkamah undang-undang. | RSPO P&C 2023 |
| Penggantian kontrak | Amalan menggantikan atau mengubah syarat pekerjaan yang telah dipersetujui pada asalnya oleh pekerja, sama ada secara bertulis atau secara lisan, yang mengakibatkan keadaan lebih teruk atau manfaat yang kurang. Perubahan kepada perjanjian atau kontrak pekerjaan dilarang kecuali perubahan ini dibuat untuk memenuhi undang-undang tempatan dan memberikan syarat yang sama atau lebih baik. | Laporan ILO kepada Jawatankuasa penyemak dakwaan ketidakpatuhan oleh Qatar berkenaan Buruh Paksa |
| Pekerja kontrak | Pekerja kontrak merujuk pada individu yang terlibat dalam kerja sementara, atau kerja untuk tempoh waktu tertentu. Ini juga merujuk pada pekerja yang tidak diambil secara langsung oleh syarikat, tetapi diambil bekerja oleh kontraktor atau perunding yang mempunyai kontrak langsung dengan syarikat. | ILO, Bentuk Pekerjaan Tidak Standard |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Kontraktor | Individu, firma, organisasi, atau syarikat yang menandatangani kontrak untuk menyediakan bahan atau buruh untuk memberikan perkhidmatan atau melakukan kerja. | RSPO P&C 2023 |
| Kerja teras | Kerja teras merujuk kepada aktiviti perniagaan yang penting bagi Unit Pensijilan. Semua aktiviti pertanian dan perkilangan dianggap sebagai kerja teras. | RSPO P&C 2023 |
| Ikatan hutang | Ikatan hutang bermaksud kerja sebagai bayaran kepada hutang. Ikatan hutang juga dikenali sebagai buruh terikat atau perhambaan hutang, iaitu apabila pekerja diberitahu bahawa mereka boleh membayar hutang mereka sendiri atau hutang ahli keluarga dengan bekerja untuk membayarnya. Ikatan hutang wujud apabila pekerja (kadangkala dengan keluarga mereka) dipaksa bekerja untuk seorang majikan demi membayar balik hutang mereka sendiri atau hutang yang mereka warisi. | Rangkaian Perniagaan Global ILO tentang Buruh Paksa/ Lihat juga https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/WCMS_DOC_ENT_HLP_FL_EN/lang--en/index.htm |
| Penipuan | Penipuan berkait dengan kegagalan untuk menyampaikan apa yang telah dijanjikan kepada pekerja, sama ada secara lisan atau bertulis. Amalan perekrutan yang memperdayakan boleh termasuk janji palsu berkaitan keadaan kerja dan gaji, tetapi juga berkaitan jenis kerja, keadaan perumahan dan keadaan hidup, pemerolehan status migrasi tetap, lokasi kerja atau identiti majikan. | Disesuaikan daripada 11 Penunjuk ILO berkenaan Buruh Paksa |
| Pembasmian hutan | Kehilangan hutan semula jadi akibat daripada:<br><br>i) penukaran kepada pertanian atau penggunaan tanah bukan hutan yang lain;<br>ii) penukaran kepada hutan ladang; atau<br>iii) kemerosotan yang teruk dan berterusan. | Draf Inisiatif Rangka Kerja Kebertanggungjawaban (AFI) (Julai 2018). Rujuk definisi AFI yang terkini. |
| Pembangunan | Pembangunan bermaksud aktiviti yang mengganggu tanah, pembangunan struktur (pembinaan, pemasangan atau peluasan bangunan atau struktur lain), dan/atau penciptaan permukaan kalis air pada tapak yang belum dibangunkan sebelumnya, untuk tujuan pengeluaran minyak sawit. | P&C 2023 |
| Aktiviti pembangunan | Merujuk kepada mana-mana penanaman baharu atau operasi, peluasan atau infrastruktur berkaitan ladang yang diuruskan oleh UoC yang boleh menjejaskan atau menimbulkan kebimbangan kepada orang asal, komuniti tempatan dan/atau pengguna tanah yang lain. | Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022 |
| Diskriminasi | Sebarang pembezaan, pengecualian atau pengutamaan yang dibuat berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, agama, pendapat politik, keturunan atau asal usul sosial, yang mempunyai kesan membatalkan atau merosakkan kesamaan peluang atau layanan dalam pekerjaan atau jawatan; Pembezaan, pengecualian atau pengutamaan sedemikian yang lain yang mempunyai kesan membatalkan atau merosakkan kesamaan peluang atau layanan dalam pekerjaan atau jawatan seperti yang mungkin ditentukan oleh Ahli yang terlibat selepas rundingan dengan wakil majikan dan organisasi pekerja, sekiranya yang sedemikian wujud, dan dengan badan-badan lain yang wajar. | Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Konvensyen Diskriminasi (Pekerjaan dan Jawatan), 1958 (No. 111) |
| Domain nyata dan pengambilalihan | Domain nyata ialah kuasa statutori kerajaan untuk mengambil alih harta persendirian untuk kegunaan awam atau untuk kepentingan negara, lazimnya dengan bayaran pampasan mengikut kadar yang ditetapkan oleh undang-undang. Pengambilalihan melibatkan pelucutan hak seseorang terhadap harta mereka tanpa perlu mendapat persetujuan atau kebenaran mereka. | Semakan P&C 2018 |
| Force majeure | Force majeure ditakrifkan sebagai keadaan yang tidak dijangka dan tidak boleh dikawal (seperti cuaca yang melampau, wabak, keganasan, sebarang bentuk peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak), pencerobohan, revolusi, pemberontakan, atau sebarang bentuk tindakan lain yang serupa keadaannya) yang bukan kesalahan mana-mana pihak dan menjadikannya mustahil untuk menjalankan perniagaan seperti biasa. (diambil daripada kamus Merriam Webster) | P&C 2023 |
| Buruh paksa | Semua kerja atau perkhidmatan yang dituntut daripada mana-mana individu di bawah ancaman apa-apa hukuman dan yang tidak ditawarkan secara sukarela oleh individu tersebut. Definisi ini mengandungi tiga elemen:<br>1. Kerja atau perkhidmatan merujuk pada semua jenis kerja yang dijalankan dalam mana-mana aktiviti, industri atau sektor termasuk dalam ekonomi tidak formal.<br>2. Ancaman apa-apa hukuman merujuk pada pelbagai jenis hukuman yang digunakan untuk memaksa seseorang supaya bekerja.<br>3. Tidak secara sukarela: Istilah “ditawarkan secara sukarela” merujuk pada persetujuan bebas dan termaklum seorang pekerja untuk menerima sesuatu kerja dan kebebasannya untuk meninggalkan kerja itu pada bila-bila masa.<br>Ini termasuk apabila majikan atau perekrut membuat janji palsu supaya pekerja menerima kerja yang sebaliknya tidak akan diterima oleh pekerja itu. | Definisi Buruh Paksa ILO<br>ILO, Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (No. 29)<br>ILO, Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (P029)<br>ILO, Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa, 1957 (No. 105)<br>ILO, Saranan Buruh Paksa 2014 (No. 203) |
| Tanah rapuh | Tanah yang mudah terdegradasi (kesuburan menurun) apabila diganggu. Tanah itu terutama sekali rapuh jika degradasi itu menurunkan kesuburan dengan pantas ke tahap yang tidak boleh diterima atau jika perkara ini tidak boleh dibalikkan menggunakan input pengurusan yang boleh dilaksanakan secara ekonomi. (Lihat juga definisi ‘tanah marginal’) | Semakan P&C 2018 |
| Peka Jantina | Untuk memahami dan memberi pertimbangan kepada norma sosiobudaya dan diskriminasi demi memperakui hak-hak, peranan & tanggungjawab berbeza antara wanita dan lelaki dalam komuniti serta hubungan antara mereka. Dasar dan program yang mengambil kira ketelitian berkaitan dengan kehidupan kaum wanita dan lelaki, di samping menyasarkan untuk menghapuskan ketidaksamaan atau ketidakseimbangan antara wanita dan lelaki, dan menggalakkan kesamaan jantina, termasuk pengagihan sumber yang adil. | Disesuaikan daripada Organisasi Pembangunan Pemerkasaan Wanita (WEDO) |
| Keganasan berdasarkan jantina | Tindakan yang memudaratkan yang diarahkan kepada individu atau sekumpulan individu berdasarkan jantina mereka. Hal ini berakar umbi dalam ketaksamaan jantina, penyalahgunaan kuasa dan norma yang memudaratkan. Istilah ini terutamanya digunakan untuk menggariskan hakikat bahawa pembezaan kuasa berstruktur dan berdasarkan jantina meletakkan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam risiko pelbagai bentuk keganasan. Walaupun wanita dan kanak-kanak perempuan mengalami penderitaan yang tidak seimbang daripada keganasan berdasarkan jantina, lelaki dan kanak-kanak lelaki juga boleh menjadi sasaran. | Wanita PBB - https://www.unwomen.org/en/what-we-do/ending-violence-against-women/faqs/types-of-violence#:~:text=Violence%20against%20women%20and%20girls%20is%20defined%20as%20any%20act,public%20or%20in%20private%20life |
| Niat baik | Prinsip niat baik yang menggambarkan bahawa pihak-pihak melakukan setiap usaha untuk mencapai sebuah persetujuan, menjalankan rundingan yang tulen dan membina, mengelakkan penangguhan yang tidak wajar dalam rundingan, menghormati perjanjian yang disimpulkan dan dikenakan dengan niat baik, dan memberikan masa yang mencukupi untuk berbincang dan menyelesaikan pertikaian kolektif. Dalam kes perusahaan multinasional, syarikat sedemikian tidak sepatutnya mengancam untuk memindahkan seluruh atau sebahagian daripada unit operasi dari negara yang terlibat demi mempengaruhi rundingan secara tidak adil. | Soalan Lazim ILO tentang perniagaan dan perundingan kolektif |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Gas rumah hijau | Gas rumah hijau (GHG) ialah unsur dalam gas atmosfera, semula jadi mahu pun antropogenik, yang menyerap dan melepaskan radiasi pada panjang gelombang tertentu dalam lingkungan spektrum radiasi inframerah termal yang dilepaskan oleh permukaan Bumi, iaitu atmosfera sendiri, dan oleh awan.<br><br>GHG diukur dari segi potensi pemanasan globalnya - impak GHG terhadap atmosfera dinyatakan dalam jumlah yang sama dengan karbon dioksida $CO_2$ ($CO_2e$). Gas-gas rumah hijau dikawal atur oleh Protokol Kyoto termasuk: karbon dioksida ($CO_2$), metana ($CH_4$), nitrus oksida ($N_2O$), Hidrofluorokarbon (HFC), perfluorokarbon (PFC), dan sulfur heksafluorida ($SF_3$). | Pusat Pengagihan Data Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Iklim (IPCC) |
| Penanam | Penanam ialah pemilik warisan, pemilik tanah atau syarikat dengan lebih daripada 500 hektar (terkumpul) tanah yang ditanam dan dituai dengan kelapa sawit. (Lihat juga definisi penanam sederhana, dan pekebun kecil) | RSPO P&C 2023 |
| Jawatankuasa H&S | Sebuah kumpulan yang merangkumi majikan dan pekerja, yang memeriksa pembangunan peraturan keselamatan dan kesihatan serta sistem kerja yang selamat, menyemak keberkesanan program keselamatan dan kesihatan, menjalankan siasatan terhadap trend kemalangan yang berlaku di tempat kerja, menyemak dasar kesihatan dan keselamatan dan membuat saranan. | Disesuaikan daripada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 (akta 514) |
| Sisa berbahaya | Sisa berbahaya ialah sisa dengan sifat-sifat yang menjadikannya berbahaya atau mampu memberikan kesan mudarat terhadap kesihatan manusia atau alam sekitar. | EPA AS, diakses pada Feb 2023 |
| Kerja berbahaya | Kerja berbahaya ialah kerja yang dijalankan dalam keadaan berbahaya; atau "dalam sektor dan pekerjaan yang paling berbahaya, seperti pertanian, pembinaan, perlombongan, atau pemecahan kapal, atau apabila hubungan atau keadaan pekerjaan mewujudkan risiko tertentu, seperti pendedahan kepada agen berbahaya, seperti bahan kimia atau radiasi, atau dalam ekonomi tidak formal." (https://www.ilo.org/safework/areasofwork/hazardouswork/lang--en/index.htm)<br><br>Kerja berbahaya juga ditakrifkan sebagai "apa-apa kerja yang berkemungkinan menjejaskan kesihatan fizikal, mental atau moral, keselamatan atau moral kanak-kanak" dan yang "tidak boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja di bawah umur 18 tahun." (https://www.ilo.org/ipec/facts/ ILOconventionsonchildlabour/lang --en/index.htm) | Artikel 3 (d) Konvensyen ILO berkenaan Larangan dan Tindakan Segera untuk Penghapusan Bentuk Terburuk Buruh Kanak-kanak, 1999 (No. 182) |
| Hutan Stok Karbon Tinggi | Hutan yang telah dikenal pasti menggunakan Kit Alat Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA) | Tapak web HCSA www.highcarbonstock.org |
| Kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV): | Kawasan yang perlu untuk mengekalkan atau meningkatkan satu atau lebih Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV):<br><br>**HCV 1 – Kepelbagaian spesies**; Penumpuan kepelbagaian biologi termasuk spesies endemik, dan spesies nadir, terancam atau dalam bahaya (RTE), yang signifikan pada peringkat global, rantau atau nasional.<br><br>**HCV 2 - Ekosistem aras landskap, ekosistem mozek dan Landskap Hutan Utuh (IFL)**; Ekosistem aras landskap besar, ekosistem mozek dan IFL yang signifikan pada tahap global, rantau atau nasional, dan ekosistem yang mengandungi populasi yang berdaya maju sebagai majoriti terbesar meliputi spesies yang hidup secara semula jadi dalam corak pengagihan dan kelimpahan semula jadi.<br><br>**HCV 3 – Ekosistem dan habitat**; ekosistem RTE, habitat atau refugia.<br><br>**HCV 4 – Perkhidmatan ekosistem**; Perkhidmatan ekosistem asas dalam situasi kritikal, termasuk perlindungan tadahan air dan kawalan hakisan tanah rapuh dan cerun.<br><br>**HCV 5 – Keperluan komuniti**; Tapak dan sumber sangat penting bagi memuaskan keperluan asas komuniti tempatan atau orang asal (untuk mata pencarian, kesihatan, pemakanan, air, dsb.), dikenal pasti melalui penglibatan dengan komuniti-komuniti ini atau orang asal.<br><br>**HCV 6 – Nilai budaya**; Tapak, sumber, habitat dan landskap yang penting dari segi budaya, arkeologi atau sejarah pada tahap global atau negara, dan/atau yang amat penting dari segi budaya, ekologi, ekonomi atau agama/ibadat bagi budaya tradisi komuniti tempatan atau orang asal, dikenal pasti melalui penglibatan dengan komuniti tempatan atau orang asal ini. | Panduan Bersama Rangkaian Sumber Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVRN) untuk Pengenalpastian HCV 2017. |
| Negara Litupan Hutan Tinggi (HFCC) | Negara-negara yang ditakrifkan sebagai mempunyai >60% litupan hutan (berdasarkan data nasional terkini dan dipercayai REDD+); <1% litupan kelapa sawit; trajektori pembasmian hutan yang rendah mengikut sejarahnya tetapi semakin meningkat atau malar; dan diketahui sebagai kawasan sempadan bagi kelapa sawit atau kawasan yang sebahagian besarnya telah ditetapkan untuk pembangunan | Rundingan Tiada Pembasmian Hutan RSPO: HFCC Proforest, 2018 |
| Landskap Litupan Hutan Tinggi (HFCL) | Landskap dengan >80% litupan hutan. Landskap ditakrifkan di bawah Kit Alat HCSA (Modul 5): "Saiz sesuatu landskap boleh ditentukan dengan (a) mengenal pasti legeh atau unit tanah geografi yang mengandungi kelompok ekosistem yang berinteraksi; (b) memilih satu saiz unit yang merangkumi konsesi ladang dan penampan untuk kawasan sekeliling (cth. 50,000 hektar atau 100,000 hektar); atau (c) menggunakan jarak 5 km radius dari kawasan yang diperhatikan (contohnya, konsesi terancang)." | Kit Alat HCSA (v2) |
| Pembela Hak Asasi Manusia (HRD) | Individu, kumpulan dan persatuan yang menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia yang diperakui sejagat dan menyumbang kepada penghapusan berkesan semua jenis pelanggaran hak asasi manusia dan kebebasan asas individu dan kumpulan. Definisi ini merangkumi HRD Alam Sekitar, penyalur maklumat, pengadu dan jurucakap komuniti. Definisi ini tidak merangkumi individu yang melakukan atau menyebarluaskan keganasan. | Dasar RSPO tentang perlindungan HRD, Penyalur Maklumat, Pengadu dan Jurucakap Komuniti (disokong oleh BoG pada 24 Sep 2018) |
| Usaha wajar hak asasi manusia | Usaha wajar hak asasi manusia adalah proses bagi sesebuah perniagaan mengenal pasti, mencegah, mengurangkan dan mengambil kira kesan organisasi mereka terhadap hak asasi manusia. Perkara ini melibatkan tindakan yang diambil oleh syarikat untuk mengenal pasti dan bertindak terhadap risiko hak asasi manusia sebenar dan yang berpotensi untuk pekerja dalam operasinya, rantaian bekalan dan perkhidmatan yang digunakannya. | Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia<br>Ringkasan Laporan Kumpulan Kerja tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia kepada Perhimpunan Agung Oktober 2018 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Identiti Terpelihara | Sebuah kilang itu dianggap sebagai Identiti Terpelihara (IP) jika FFB yang diproses oleh kilang tersebut disumber daripada ladang/estet yang diperakui mengikut Prinsip dan Kriteria RSPO (RSPO P&C), atau mengikut skim Pensijilan Kumpulan.<br>Pensijilan untuk kilang CPO adalah perlu untuk mengesahkan volum dan sumber FFB yang diperakui yang memasuki kilang, pelaksanaan sebarang kawalan pemprosesan (contohnya, jika pemisahan fizikal digunakan), dan volum jualan produk yang diperakui RSPO. Jika sesebuah kilang itu memproses FFB yang diperakui dan tidak diperakui tanpa memisahkannya secara fizikal, maka hanya Modul Imbangan Jisim yang terpakai. | Standard Rantaian Bekalan RSPO 2020 |
| Orang asal | Istilah "Orang Asal" digunakan secara generik untuk merujuk pada sesebuah kumpulan sosial dan budaya yang tersendiri serta rentan, yang mempunyai ciri-ciri yang berikut dalam tahap yang berbeza: (a) pengenalan sendiri sebagai ahli sesebuah kumpulan budaya pribumi yang tersendiri dan pengiktirafan identiti ini oleh orang lain; (b) ikatan bersama kepada habitat yang nyata berbeza dari segi geografi ataupun wilayah leluhur dalam kawasan projek tersebut dan kepada sumber asli dalam habitat dan wilayah ini; (c) institusi budaya, ekonomi, sosial atau politik yang pada adatnya berasingan daripada masyarakat dan budaya dominan; dan (d) bahasa pribumi, lazimnya berbeza daripada bahasa rasmi negara atau rantau tersebut. | Manual Operasi Bank Dunia 4.10 |
| Pensijilan awal | Peringkat permulaan kitaran pensijilan iaitu apabila keputusan pensijilan dan pengeluaran sijil telah dilakukan. | Sistem Pensijilan RSPO untuk Prinsip & Kriteria dan Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO, 2022 |
| Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) | Pelan Pengurusan Bersepadu yang terdiri daripada satu set langkah mitigasi, pemantauan serta langkah-langkah institusi yang diselaraskan dan perlu diambil semasa pelaksanaan dan operasi untuk menghapuskan kesan buruk kepada alam sekitar dan sosial, mengimbangi kesan tersebut atau mengurangkannya ke tahap yang boleh diterima. Tujuan IMP adalah untuk memaksimumkan hasil ekonomi dan kebajikan sosial dengan cara yang saksama tanpa menjejaskan kelestarian ekosistem. | P&C 2023 |
| Protokol saintifik yang diterima antarabangsa | Prosedur berasaskan sains pratakrifan sama ada yang diterbitkan oleh sebuah rangkaian atau kesatuan saintifik antarabangsa, atau yang sering dirujuk dalam kesusasteraan saintifik antarabangsa. | FSC-STD-01-001 V5-2 |
| Ugutan dan gangguan (termasuk ancaman) | Merujuk pada pelbagai tingkah laku yang tidak boleh diterima yang menyebabkan kecederaan fizikal, psikologi, seksual atau ekonomi. Contohnya termasuk | Semakan P&C 2018 |
| Perekrut buruh | Termasuk semua perekrut buruh (perkhidmatan/agensi pekerjaan awam mahupun swasta) dan semua pengantara atau subejen yang menawarkan pengambilan buruh dan perkhidmatan penempatan.  Ini termasuk perekrut buruh di negara-negara asal yang membantu, atau yang disubkontrakkan kepada perekrut buruh yang dilibatkan secara langsung oleh unit pensijilan dan mana-mana perekrut yang dilibatkan oleh subkontraktor tersebut. | RSPO P&C 2023 |
| Pembersihan tanah | Penukaran kegunaan tanah daripada suatu kegunaan kepada yang lain. Pembersihan ladang kelapa sawit yang diuruskan secara aktif untuk menanam semula kelapa sawit tidak dianggap sebagai pembersihan tanah. Dalam unit diperakui yang sedia ada, pembersihan tanah yang kurang daripada 10 hektar **tidak** dianggap sebagai pembersihan tanah baharu. | Semakan P&C 2018 |
| Usaha wajar undang-undang | Istilah 'usaha wajar undang-undang' lazimnya ditakrifkan sebagai penyiasatan, semakan yang dijalankan dan/atau penyelidikan yang dilakukan terhadap sebuah syarikat atau aset perniagaan atau sebuah perniagaan, bagi mengesahkan fakta sesuatu perkara yang dipertimbangkan sebelum memasuki perjanjian dengan suatu pihak. Sebaik sahaja faktanya telah dikumpul dan dianalisis, satu keputusan termaklum boleh dibuat. | RSPO P&C 2023 |
| Pendaftaran sah | Lesen dan/atau kebenaran rasmi daripada pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan bagi sesebuah entiti beroperasi sebagai perusahaan, dengan hak untuk membeli dan menjual produk dan/atau perkhidmatan secara komersial.  Lesen atau kebenaran boleh dikenakan kepada individu, perusahaan milik persendirian atau entiti korporat milik kerajaan. | RSPO P&C 2023 |
| Kerja ringan | Kerja yang tidak mungkin memudaratkan kesihatan atau perkembangan kanak-kanak dan tidak menjejaskan kehadiran mereka ke sekolah atau latihan vokasional. | Konvensyen ILO No. 138 dalam Artikel 7 |
| Penanaman terhad kepada tanah marginal dan rapuh | Jumlah kawasan penanaman di atas tanah marginal dan rapuh dalam pembangunan baharu tidak boleh melebihi 100 hektar. Menyedari bahawa penanam kecil tidak mempunyai banyak pilihan, bagi pembangunan 500 hektar atau kurang, kawasan yang berada di atas tanah rapuh tidak boleh lebih daripada 20% daripada jumlah kawasan. | Diambil daripada P&C 2013, Lampiran 2 |
| Penanaman semula yang terhad di rupa bumi curam | Mana-mana kawasan tanaman berasingan yang bersebelahan dengan rupa bumi curam (>25 darjah) melebihi 25 hektar dan jumlah keseluruhan kawasan penanaman semula di atas rupa bumi curam tidak boleh melebihi 1% daripada kawasan penanaman semula yang dicadangkan. | Diambil daripada P&C 2013, Lampiran 2 |
| Mata pencarian | Cara seseorang atau sesebuah kumpulan mencari rezeki, daripada alam sekitar atau dalam ekonomi, termasuk cara mereka menyara keperluan asas mereka dan memastikan diri mereka serta generasi seterusnya mempunyai akses kepada makanan, air bersih, kesihatan, pendidikan, perumahan dan bahan yang diperlukan untuk hidup dan keselesaan mereka sama ada melalui penggunaan langsung mereka sendiri ke atas sumber asli atau melalui pertukaran, barter, perdagangan atau penglibatan dalam pasaran.<br><br>Mata pencarian termasuk bukan sahaja akses kepada sumber tetapi juga pengetahuan dan institusi yang membolehkan ini berlaku seperti masa untuk penyertaan dan penyepaduan komuniti, pengetahuan, kemahiran, kurniaan dan amalan persendirian, tempatan atau tradisi, aset yang intrinsik kepada cara mencari rezeki tersebut (cth. kebun, ladang, padang rumput, tanaman, ternakan, sumber asli, peralatan, mesin dan harta budaya tidak ketara) serta kedudukan mereka dalam fabrik undang-undang, politik dan sosial masyarakat.<br><br>Risiko kegagalan memperoleh mata pencarian menentukan tahap kerentanan seseorang atau kumpulan terhadap pendapatan, makanan, kesihatan dan jaminan pemakanan. Oleh itu, mata pencarian adalah terjamin apabila mereka mempunyai pemilikan, atau akses kepada sumber dan aktiviti perolehan pendapatan yang terjamin, termasuk rizab dan aset, untuk mengimbangi risiko, mengurangkan kejutan dan menghadapi hal-hal di luar jangkaan.<br><br>(Disusun daripada pelbagai definisi mata pencarian daripada Jabatan Pembangunan Antarabangsa (DfID), Institut Kajian Pembangunan (IDS) dan FAO dan teks akademik daripada: http://www.fao.org/docrep/X0051T/X0051t05.htm). | P&C 2013 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Gaji Sara Hidup | Ganjaran yang diterima oleh pekerja bagi kerja yang dijalankan mengikut waktu biasa di tempat tertentu yang mencukupi untuk menampung taraf hidup yang berpatutan bagi pekerja dan keluarganya. Elemen taraf hidup yang berpatutan termasuk makanan, air, tempat tinggal, pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, pakaian dan keperluan penting lain termasuk peruntukan untuk keadaan yang tidak dijangka. | Gabungan Gaji Sara Hidup Global |
| Komuniti tempatan | Merujuk kepada komuniti di tempat tertentu yang penduduk tempatannya berkongsi kebimbangan bersama tentang kemudahan, perkhidmatan dan alam sekitar setempat, dan yang kadangkala mungkin menyimpang daripada definisi yang biasa ataupun definisi Negara. Umumnya, masyarakat tempatan meletakkan makna tertentu kepada tanah dan sumber semula jadi sebagai sumber budaya, adat resam, sejarah dan identiti, serta bergantung kepada semua aspek ini untuk mengekalkan mata pencarian, pembentukan sosial, budaya dan tradisi, kepercayaan, alam sekitar serta ekologi mereka. | Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022 |
| Kawasan yang diuruskan | Tanah yang mengandungi kelapa sawit dan kegunaan tanah yang berkaitan seperti infrastruktur (cth. jalan), zon riparian dan kawasan pemuliharaan yang diasingkan. | Semakan P&C 2018 |
| Dokumen pengurusan | Dokumen pengurusan ialah maklumat dan bukti berdokumen untuk berinteraksi dengan P&C RSPO. Dokumen ini adalah dalam bentuk manual, prosedur kerja, laporan dan rekod yang tertakluk pada pengauditan dan semakan secara berkala. | Semakan P&C 2018 |
| Tanah marginal | Tanah yang tidak berkemungkinan menghasilkan pulangan ekonomi yang berpatutan bagi tanaman yang dicadangkan pada unjuran wajar nilai tanaman dan kos pembaikan. Tanah terdegradasi bukan tanah marginal jika pembaikannya dan produktiviti yang dihasilkan berkesan kos. (Lihat juga definisi untuk 'tanah rapuh'.)<br><br>Tanah marginal boleh merangkumi tanah berpasir, tanah yang rendah kandungan organiknya, dan tanah berasid sulfat sebenar atau yang berpotensi begitu. Kesesuaian tanah ini juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain termasuk hujan, rupa bumi dan amalan pengurusan. Kawasan-kawasan ini hanya boleh dibangunkan untuk ladang baharu dengan syarat amalan pengurusan terbaik yang mencukupi telah dilaksanakan. Sekiranya gagal, penanaman secara meluas perlu dielakkan di atas tanah ini. | Semakan P&C 2018 |
| Imbangan Jisim | Sebuah kilang dianggap sebagai Imbangan Jisim (MB) jika kilang tersebut memproses FFB dari ladang/estet yang diperakui dan yang tidak diperakui oleh RSPO. Sebuah kilang boleh menerima penghantaran FFB daripada penanam yang tidak diperakui, selain daripada FBB dari pangkalan bekalannya sendiri dan bekalan daripada pihak ketiga yang diperakui. Dalam senario itu, kilang boleh menuntut hanya volum produk kelapa sawit yang dihasilkan daripada pemprosesan FFB yang diperakui sebagai MB. | Piawaian Rantaian Bekalan RSPO 2020 |
| Kesihatan Maternal | Kesihatan maternal merujuk kepada kesihatan wanita semasa hamil, melahirkan anak dan tempoh selepas bersalin. | Pertubuhan Kesihatan Sedunia |
| Penanam Sederhana | Penanam Pertengahan ialah pemilik benefisial, pemilik tanah atau syarikat dengan lebih daripada 50 hektar dan sehingga 500 hektar (terkumpul) tanah yang ditanam dan dituai dengan kelapa sawit. (Lihat juga definisi Penanam dan Pekebun Kecil) | RSPO P&C 2023 |
| Migran | Individu yang berpindah dari tempat tinggal lazimnya, sama ada dalam negara (migran dalaman) atau menyeberangi sempadan antarabangsa (migran antarabangsa), secara sementara atau tetap, dan atas pelbagai sebab. | P&C 2023 |
| Status Pekerja Migran | Pekerja yang telah mendaftar untuk diregularisasi di bawah program rekalibrasi/regularisasi kebangsaan. | RSPO P&C 2023 |
| Undang-undang negara | Peraturan atau kumpulan peraturan yang mengikat yang ditetapkan oleh kerajaan negara berdaulat yang memegang kuasa di seluruh rantau dan wilayah dalam jajahan kerajaan tersebut. Dalam konteks undang-undang antarabangsa, Negara yang menjadi satu pihak kepada perjanjian antarabangsa mestilah memastikan bahawa undang-undang dan amalan negaranya sendiri adalah selaras dengan apa yang dikehendaki oleh perjanjian itu. Undang-undang negara termasuk perundangan subsidiari, peraturan, undang-undang kecil, peraturan, perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan. | Program Alam Sekitar PBB https://leap.unep.org/knowledge/glossary/national-law |
| Ekosistem semula jadi | Semua tanah dengan tumbuhan semula jadi asli, termasuk tetapi tidak terhad kepada hutan asli, tumbuhan riparian, tanah lembap semula jadi, tanah gambut, padang rumput, savanah, dan dataran rumput. | Semakan P&C 2018 |
| Penanaman baharu | Penanaman yang dirancang atau dicadangkan di atas tanah yang belum pernah ditanam dengan kelapa sawit. | NPP 2015 |
| Kerja yang tidak berbahaya | Sila lihat takrifan kerja berbahaya | |
| Operasi | Semua aktiviti yang dirancang dan/atau dilaksanakan oleh unit pengurusan dalam had batasan kilang minyak sawit dan pangkalan bekalannya. | RSPO P&C 2013 |
| Kawasan pemuliharaan lain | Kawasan (sebagai tambahan kepada HCV, hutan HCS dan kawasan pemuliharaan tanah gambut) yang dikehendaki supaya dipulihara oleh P&C RSPO (seperti kawasan riparian dan lereng curam) dan kawasan lain yang ditetapkan oleh unit pensijilan. | Semakan P&C 2018 |
| Pemetaan Penyertaan | Proses pemetaan untuk menunjukkan kaitan antara tanah dan komuniti. Proses ini dilakukan secara bersama oleh Unit Pensijilan dan Komuniti. | Amalan Baik dalam Penyertaan Pemetaan oleh Dana Antarabangsa untuk Pembangunan Pertanian (IFAD) 2009 |
| Pihak-pihak | Sebuah perniagaan atau individu atau kumpulan atau organisasi yang mengikat perjanjian dengan pihak berkontrak yang lain | RSPO P&C 2023 |
| Gambut | Tanah dengan lapisan organik terkumpul yang membentuk lebih separuh daripada 80 cm atau 100 cm bahagian atas permukaan tanah dan mengandungi 35% atau lebih jirim organik (35% atau lebih Kehilangan semasa Penyalaan) atau 18% atau lebih karbon organik. Perhatian untuk pengurusan ladang sedia ada di Malaysia dan Indonesia, definisi yang lebih sempit telah digunakan, berdasarkan peraturan kebangsaan: iaitu tanah dengan lapisan organik yang lebih 50% daripada 100 cm bahagian atasnya mengandungi lebih daripada 65% jirim organik. | PLWG2 Julai 2018 Diterbitkan daripada definisi FAO dan USDA untuk histosol (tanah organik) (FAO 1998, 2006/7; USDA 2014) |
| Racun perosak | Bahan atau campuran bahan yang bertujuan untuk mencegah, memusnahkan, menghalau atau mengurangkan sebarang makhluk perosak. Racun perosak dikategorikan kepada empat bahan kimia pengganti: racun herba; racun kulat; racun serangga dan racun bakteria. | P&C 2013 |
| Pelan | Skim, program, atau kaedah yang terikat masa dan terperinci untuk mencapai objektif dan hasil yang diingini. Pelan mestilah mempunyai sasaran yang jelas dengan garis masa untuk penyampaian, tindakan yang akan diambil dan proses untuk memantau kemajuan, menyesuaikan pelan mengikut perubahan keadaan dan pelaporan. Pelan juga mestilah disertakan dengan pengenalan individu atau jawatan tertentu yang bertanggungjawab bagi penyampaian pelan tersebut. Perlu ada bukti bahawa sumber yang mencukupi tersedia untuk melaksanakan pelan dan pelan itu dilaksanakan sepenuhnya. | P&C 2013 |
| Ladang | Tanah tempat kelapa sawit ditanam. | Semakan P&C 2018 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Hutan primer | Hutan terpulih secara semula jadi daripada spesies pokok asli, dengan tiada tanda-tanda yang jelas akan kewujudan aktiviti manusia dan proses ekologi tidak diganggu dengan teruk. (Definisi FAO diterima pakai)<br>Nota penjelasan<br>1. Termasuk hutan asli dan hutan terurus yang memenuhi definisi ini.<br>2. Termasuk hutan tempat orang asal terlibat dalam aktiviti penjagaan hutan tradisional yang memenuhi definisi ini.<br>3. Termasuk hutan dengan tanda-tanda kerosakan abiotik (seperti ribut, kemarau, kebakaran) dan kerosakan biotik (seperti serangga, makhluk perosak dan penyakit) yang dapat dilihat.<br>4. Tidak termasuk hutan di mana pemburuan, pemburuan haram, pemerangkapan atau pengumpulan telah menyebabkan kehilangan besar spesies asli atau gangguan kepada proses ekologi.<br>5. Beberapa ciri utama hutan asli adalah:<br>- menunjukkan dinamik hutan semula jadi, seperti komposisi spesies pokok semula jadi, kejadian kayu mati, struktur umur semula jadi dan proses pemulihan semula jadi;<br>- kawasan tersebut cukup besar untuk mengekalkan proses ekologi semula jadinya;<br>- tiada campur tangan manusia yang signifikan yang diketahui atau campur tangan manusia yang signifikan pada kali terakhir berlaku cukup lama untuk membolehkan komposisi spesies semula jadi dan proses ekologi untuk terbentuk semula. | RSPO P&C 2023 |
| Profilaksis | Rawatan atau jalan tindakan yang dikenakan sebagai langkah pencegahan. | P&C 2013 |
| Tersedia untuk orang awam | Bermaksud bahawa maklumat/dokumen itu boleh diakses oleh sesiapa sahaja dalam kalangan orang awam, tanpa memerlukan kelayakan, kebenaran atau keistimewaan khas. | P&C 2023 |
| Spesies nadir, terancam atau dalam bahaya (RTE) | Spesies seperti yang ditakrifkan oleh Rangkaian Sumber Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCVRN). | Panduan Bersama HCVRN bagi Pengenalpastian HCV |
| Pensijilan semula | Pembaharuan sijil RSPO sebelum tamat tempoh sijil sah semasa. Audit pensijilan semula RSPO hendaklah dijalankan sekali untuk setiap lima tahun. | Sistem Pensijilan RSPO untuk Prinsip & Kriteria dan Piawaian Pekebun Kecil Bebas RSPO 2022 |
| Yuran perekrutan atau kos berkaitan | Definisi yuran perekrutan dan kos berkaitan, termasuk kos tambahan berkontrak, kos tidak didedahkan, kos yang dinaikkan atau kos haram, memperakui prinsip bahawa pekerja tidak boleh dikenakan bayaran secara langsung atau tidak langsung, sama ada keseluruhan atau sebahagian, apa-apa yuran atau kos yang berkaitan bagi perekrutan mereka. Istilah 'yuran perekrutan' atau 'kos berkaitan' merujuk pada apa-apa yuran atau kos yang timbul dalam proses perekrutan untuk pekerja menjamin pekerjaan atau penempatan, tanpa mengira cara, masa atau lokasi bayaran itu dikenakan atau dikutip. | Prinsip umum dan garis panduan operasi ILO bagi perekrutan adil dan definisi yuran perekrutan dan kos berkaitan (2019) |
| Pemulihan | Pemulihan merujuk pada proses dan juga hasil menangani impak buruk hak asasi manusia. Remedi yang tersedia untuk mangsa mestilah wajar dan mencukupi, setimpal dengan keseriusan pelanggaran dan disesuaikan dengan situasi kes. Bantuan yang disediakan untuk setiap mangsa akan bergantung pada keperluan individu mangsa tersebut.<br><br>Di bawah adalah beberapa contoh pemulihan yang boleh dipertimbangkan oleh unit pensijilan:<br>i) Tempat perlindungan dan penginapan<br>ii) Perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta kaunseling, termasuk sokongan kesihatan mental dan psikososial<br>iii) Pampasan/bayaran balik<br>iv) Bantuan kewangan<br>v) Bantuan undang-undang<br>vi) Bantuan pulang ke tempat asal<br>vii) Bantuan pemaduan kembali | https://publications.iom.int/books/operational-guidelines-businesses-remediation-migrant-worker-grievances |
| Penanaman semula | Pembersihan ladang kelapa sawit yang diuruskan secara aktif untuk menanam semula kelapa sawit. | RSPO P&C 2023 |
| Membaik pulih | Membaik pulih ialah langkah pembetulan yang mengembalikan kawasan yang terdegradasi atau kawasan yang diubah suai dalam ladang kepada keadaan separa semula jadi. | Diambil daripada P&C 2013 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Hak | Hak adalah prinsip kebebasan atau kelayakan dari segi undang-undang, sosial atau etika, mengikut Rang Undang-undang Hak Asasi Antarabangsa, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain yang relevan termasuk Deklarasi PBB tentang Orang Asal, Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Perjanjian Global untuk Migrasi Selamat, Teratur dan Tetap.<br><br>1. Hak adat: Corak penggunaan tanah dan sumber oleh komuniti sejak sekian lama mengikut undang-undang adat, nilai, adat dan tradisi orang asal, termasuk penggunaan bermusim atau berkitar berbanding pemilikan rasmi sah terhadap tanah dan sumber yang dikeluarkan oleh Kerajaan.<br><br>2. Hak undang-undang: Hak yang diberikan kepada individu, entiti dan pihak lain melalui undang-undang dan peraturan yang berkenaan di peringkat tempatan, negara, atau yang disahkan di peringkat antarabangsa.<br><br>3. Hak pengguna: Hak bagi penggunaan tanah dan sumber yang boleh ditakrifkan oleh adat resam tempatan, perjanjian bersama, atau yang ditentukan oleh entiti lain yang memegang hak akses.<br><br>4. Hak yang digambarkan: Orang asal, komuniti tempatan dan pengguna boleh mempunyai hak rasmi atau hak adat terhadap tanah yang tidak didaftarkan atau diperakui oleh kerajaan atau undang-undang negara. Hak yang digambarkan dibezakan daripada tuntutan palsu dengan penglibatan langsung dengan komuniti tempatan, supaya mereka mempunyai peluang yang cukup untuk menjustifikasi tuntutan mereka, dan boleh dipastikan dengan cara terbaik melalui pemetaan penyertaan dengan penglibatan komuniti berhampiran. | Panduan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022 |
| Riparian | Istilah riparian digunakan untuk merujuk kepada tanah yang terletak bersebelahan dengan tasik semula jadi, serta anak sungai dan sungai, walaupun sungai lebih kerap ditemukan dalam konsesi kelapa sawit. | Manual RSPO untuk Pengurusan dan Pemulihan Rizab Riparian 2018 |
| Penilaian risiko | Proses sistematik untuk mengenal pasti dan menilai potensi risiko yang mungkin terlibat dalam suatu aktiviti atau usaha yang diunjurkan.<br><br>Penilaian ini membolehkan pertimbangan sama ada langkah berjaga-jaga yang tersedia sudah mencukupi atau sama ada lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk mencegah mudarat kepada mereka yang berisiko, termasuk pekerja dan orang awam. | Disesuaikan daripada ILO, 5 langkah panduan untuk majikan, pekerja dan wakil mereka tentang menjalankan penilaian risiko di tempat kerja, 2014 |
| Air yang selamat diminum | Air yang selamat diminum, juga dikenali sebagai "air yang boleh diminum" atau "air minuman yang ditambah baik", ialah air yang cukup berkualiti untuk digunakan sebagai air minuman (begitu juga untuk memasak serta membersihkan diri dan kegunaan di rumah) tanpa mendatangkan risiko kepada kesihatan. | ILO WASH |
| Pekebun Kecil Skim | Pekebun, pemilik tanah atau wakil mereka yang **tidak** mempunyai:<br>• Kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan terhadap pengendalian tanah dan amalan pengeluaran; dan/atau<br>• Kebebasan untuk memilih cara mereka menggunakan tanah mereka, jenis tanaman untuk ditanam, dan cara mereka menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka menyusun, menguruskan dan membiayai tanah tersebut).<br>(Lihat juga Pekebun Kecil). | Piawaian ISH RSPO 2019 |
| Gangguan Seksual | Sebarang kelakuan yang bersifat seksual yang tidak diingini, permintaan untuk seks, kelakuan atau isyarat lisan atau fizikal yang bersifat seksual; atau tingkah laku lain yang bersifat seksual yang membuatkan penerimanya merasa terhina, tersinggung dan/atau takut, dan reaksi tersebut adalah wajar dalam situasi dan keadaan itu; atau dijadikan sebagai keperluan dalam pekerjaan atau mencipta suatu persekitaran kerja yang menakutkan, bermusuhan atau tidak wajar. | Disesuaikan daripada Garis Panduan ILO tentang Pencegahan Gangguan Seksual di Tempat Kerja |
| Keganasan seksual | Termasuk rogol, ancaman keganasan dan/atau penderaan seks. Keganasan seksual juga termasuk memaksa (secara langsung atau tidak langsung) pekerja/ahli komuniti supaya terlibat dalam aktiviti seks. | Disesuaikan daripada 11 Penunjuk ILO berkenaan Buruh Paksa |
| Bahan cemar signifikan | Bahan kimia atau biologi yang mempunyai impak buruk yang besar terhadap kualiti air, udara atau tanah termasuk POME, kumbahan dan air sisa yang lain, mendapan, baja, racun perosak, bahan api dan minyak, serta bahan cemar udara, berpandukan peraturan kebangsaan dan standard antarabangsa. | Semakan P&C 2018 |
| Pekebun kecil | Pekebun yang menanam kelapa sawit, kadangkala berserta dengan pengeluaran tanaman sara diri yang lain, dan keluarganya menyediakan majoriti buruh dan kebun itu memberikan sumber pendapatan utama dan kawasan yang ditanami kelapa sawit itu lazimnya di bawah 50 hektar luasnya.<br><br>**Pekebun Kecil Skim**<br>Pekebun, pemilik tanah atau wakil mereka yang **tidak** mempunyai:<br>• Kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan terhadap pengendalian tanah dan amalan pengeluaran; dan/atau<br>• Kebebasan untuk memilih cara mereka menggunakan tanah mereka, jenis tanaman untuk ditanam, dan cara mereka menguruskannya (sama ada dan bagaimana mereka menyusun, menguruskan dan membiayai tanah tersebut).<br><br>**Pekebun Kecil Bebas**:<br>Semua pekebun kecil bebas yang tidak dipertimbangkan menjadi Pekebun Kecil Skim [lihat definisi Pekebun Kecil Skim] dianggap sebagai Pekebun Kecil Bebas. | P&C RSPO 2023<br><br><br><br>Piawaian ISH RSPO 2019<br><br><br><br><br>Piawaian ISH RSPO 2019 |
| Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA) | Suatu proses analisis dan perancangan yang akan dijalankan sebelum penanaman atau operasi baharu. Proses ini menggabungkan data alam sekitar dan sosial yang berkenaan, serta perundingan dengan pihak berkepentingan, untuk mengenal pasti impak yang berpotensi (langsung dan tidak langsung) dan untuk menentukan sama ada impak ini boleh ditangani dengan cara yang memuaskan, iaitu dalam kes itu penyokongnya juga mentakrifkan tindakan khusus untuk meminimumkan dan mengurangkan impak negatif yang berpotensi. | Semakan P&C 2018 |
| Pihak berkepentingan | Individu atau kumpulan dengan kepentingan sah dan/atau yang digambarkan dalam, atau yang mungkin atau mungkin tidak terjejas secara langsung oleh, aktiviti sebuah organisasi dan akibat daripada aktiviti tersebut. Pihak berkepentingan termasuk pembekal, kakitangan dalaman, ahli, Pekerja, Pekebun Kecil, pelanggan (termasuk pemegang saham, pelabur dan pengguna), pengawal selia, Komuniti, pembeli, klien, pemilik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). | RSPO P&C 2018 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Prosedur operasi standard (SOP) | SOP ialah satu set arahan langkah demi langkah yang disusun oleh sebuah organisasi untuk membantu pekerja menjalankan operasi rutin. SOP bertujuan untuk mencapai kecekapan, output berkualiti dan prestasi yang seragam, di samping mengurangkan salah komunikasi dan kegagalan pematuhan. | RSPO P&C 2023 |
| Rupa bumi curam | Kawasan di atas 25 darjah atau berdasarkan proses Interpretasi Nasional (NI). | P&C 2013 Tambahan Lampiran 2 Panduan NI |
| Pembekal | Individu atau organisasi yang membekalkan FFB. | RSPO P&C 2023 |
| Pedagang | Individu atau perniagaan yang membeli dan menjual Buah Tandan Segar (FFB) | RSPO P&C 2023 |
| Pemerdagangan manusia | Perekrutan, pengangkutan, pemindahan, pelindungan atau penerimaan individu, dengan cara ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan lain, penculikan, pemalsuan, penipuan, penyalahgunaan kuasa atau kedudukan kerentanan atau pemberian atau penerimaan bayaran atau manfaat untuk mencapai persetujuan seorang individu mempunyai kawalan ke atas individu yang lain, bagi tujuan eksploitasi. Eksploitasi adalah termasuk, pada tahap minimum, eksploitasi berbentuk pelacuran orang lain atau bentuk eksploitasi seksual yang lain, buruh atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan, pengabdian atau pengeluaran organ. | Protokol PBB untuk Mencegah, Menahan dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak. |
| Orang asli | Individu dan kumpulan individu yang boleh dikenal pasti atau dicirikan seperti berikut:<br>• Orang yang mengakui dirinya sebagai Orang Asli dan diterima sedemikian oleh komuniti mereka<br>• Keadaan sosial, budaya dan ekonomi membezakan mereka daripada bahagian lain dalam komuniti nasional<br>• Status dikawal atur keseluruhannya atau sebahagiannya oleh adat resam atau tradisi mereka sendiri atau oleh undang-undang atau peraturan khas | RSPO P&C 2023 |
| Unit Pensijilan | Unit Pensijilan merupakan kawasan yang dicadangkan bagi pensijilan RSPO, yang termasuk:<br>a) Kilang dan pangkalan bekalannya dan merangkumi tanah (dan estet) yang diuruskan secara langsung dan juga Pekebun Kecil Skim, di mana estet telah dibangunkan secara sah dengan bahagian tanah diagihkan kepada setiap daripadanya.<br>b) Kawasan pengeluaran kelapa sawit yang diuruskan oleh penanam, penanam sederhana, dan/atau pekebun kecil.<br>c) Kawasan pemuliharaan yang diasingkan dalam lingkungan kawasan konsesi di bawah kawalan pengurusan UoC. | RSPO P&C 2023 |
| Hak pengguna | Hak bagi penggunaan tanah dan sumber yang boleh ditakrifkan oleh adat resam tempatan, perjanjian bersama, atau yang ditentukan oleh entiti lain yang memegang hak akses. | RSPO P&C 2023 |
| Keganasan | Sebarang tindakan yang mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan kecederaan atau penderitaan fizikal, seksual atau psikologi, termasuk ancaman akan tindakan sedemikian, paksaan, atau penarikan hak, yang berlaku dalam unit pensijilan. Ini termasuk penggunaan kekerasan sebagai tindakan tatatertib dan/atau sebagai akibat daripada diskriminasi berdasarkan jantina.<br>Keganasan, yang boleh dilakukan sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk:<br>i) Keganasan fizikal<br>ii) Keganasan seksual<br>iii) Keganasan berdasarkan jantina<br><br>Keganasan Fizikal<br>Contohnya termasuk:<br><br>Komuniti<br>i) Penggunaan keganasan fizikal terhadap ahli komuniti dalam menandatangani perjanjian berkaitan dengan pelepasan hak tanah atau sumber<br>ii) Perampasan tanah, pengusiran atau pemindahan semula dengan menggunakan kekerasan<br>iii) Penggunaan kuasa yang melampau oleh anggota tentera atau anggota keselamatan (yang dikontrakkan oleh unit pensijilan) terhadap ahli komuniti<br><br>Keganasan Seksual<br>Termasuk rogol, ancaman keganasan dan/atau penderaan seksual. Keganasan seksual juga termasuk memaksa (secara langsung atau tidak langsung) pekerja/ahli komuniti untuk terlibat dalam aktiviti seksual.<br><br>Keganasan berdasarkan jantina<br>Tindakan memudaratkan yang ditujukan pada individu atau sekumpulan individu berdasarkan jantina mereka. Hal ini berakar umbi dalam ketaksamaan jantina, penyalahgunaan kuasa dan norma yang memudaratkan. Istilah ini terutamanya digunakan untuk menggariskan hakikat bahawa pembezaan kuasa berstruktur dan berdasarkan jantina meletakkan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam risiko pelbagai bentuk keganasan. Walaupun wanita dan kanak-kanak perempuan mengalami penderitaan yang tidak seimbang daripada keganasan berdasarkan jantina, lelaki dan kanak-kanak lelaki juga boleh menjadi sasaran. | Disesuaikan daripada 11 Penunjuk ILO tentang Buruh Paksa & Deklarasi PBB tentang Penghapusan Keganasan terhadap Wanita |
| Pengasingan sukarela | Orang asal dalam pengasingan sukarela ialah orang asal atau segmen orang asal yang tidak mengekalkan hubungan dengan populasi majoriti bukan asal, dan yang umumnya menolak sebarang jenis hubungan dengan orang yang bukan sebahagian daripada kumpulan mereka. Mereka juga boleh jadi orang atau segmen orang yang sebelum itu berhubungan dan yang, selepas hubungan berkala dengan masyarakat bukan asal, telah kembali kepada situasi pengasingan dan memutuskan hubungan yang mereka mungkin telah ada dengan masyarakat tersebut. Selaras dengan prinsip FPIC, RSPO melarang perluasan kelapa sawit ke kawasan orang asal ini. | Suruhanjaya Antara-Amerika mengenai Hak Asasi Manusia, Orang Asal dalam Pengasingan Sukarela dan Hubungan Awal di benua Amerika, 2013 |
| Kumpulan rentan | Mana-mana kumpulan atau sektor dalam masyarakat yang berada dalam risiko lebih tinggi untuk dikenakan pengasingan sosial, amalan mendiskriminasi, keganasan, bencana alam atau bencana semula jadi, atau kesukaran ekonomi berbanding kumpulan lain, seperti orang asal, etnik minoriti, migran, orang kurang upaya, gelandangan, warga tua terasing, wanita dan kanak-kanak. | Semakan P&C 2018 |
| Laluan air | Laluan air ialah saluran semula jadi atau buatan yang melaluinya air mengalir; dan/atau aliran air (seperti sungai, anak air atau anak sungai bawah tanah) | P&C 2023 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| Pemberi maklumat | Individu yang merupakan pekerja atau bekas pekerja yang melaporkan tentang amalan atau tindakan haram, tidak teratur, berbahaya atau tidak beretika oleh majikan yang menyalahi Tatakelakuan RSPO dan dokumen utama yang berkaitan dan yang mungkin berpotensi berisiko untuk dikenakan tindakan balas. Ini termasuk individu yang berada di luar hubungan tradisi pekerja-majikan, seperti pekerja kontrak, pekerja sementara, konsultan, kontraktor, pelatih/pelajar latihan amali, sukarelawan, pelajar yang bekerja sambilan dan bekas pekerja. | Dasar RSPO tentang perlindungan HRD, Penyalur Maklumat, Pengadu dan Jurucakap Komuniti (disokong oleh BoG pada 24 September, 2018) |
| Pekerja | Individu yang melaksanakan kerja untuk sesebuah organisasi. Individu sedemikian termasuk: pekerja, pekerja tetap, pekerja bermusim, pekerja sementara, pekerja harian, pekerja sambilan dan pekerja kontrak, tanpa mengira kewarganegaraan mereka, jenis migran (migran dalaman atau migran antarabangsa), etnik, agama, keahlian kesatuan sekerja dan jantina.<br><br>Pekerja tetap sepenuh masa - Pekerja dengan kontrak untuk tempoh yang tidak ditentukan (iaitu kontrak tidak terhad), yang waktu bekerja mingguan, bulanan atau tahunannya ditakrifkan mengikut undang-undang atau amalan negara berhubung dengan masa bekerja.<br><br>Pekerja harian - Pekerja yang diupah dan dibayar gaji harian, tanpa jaminan bahawa ada lagi kerja tersedia pada masa hadapan<br><br>Pekerja sementara/ Pekerja bermusim - Pekerja yang diambil bekerja hanya untuk tempoh masa tertentu. Ini termasuklah pekerja kontrak jangka tetap, kontrak berasaskan projek atau tugasan, serta pekerja bermusim atau sambilan, termasuk pekerja harian<br><br>Pekerja sambilan - Pekerja yang diambil bekerja dalam tempoh yang sangat singkat atau sekali-sekala dan sekejap-sekejap, biasanya untuk sejumlah jam, hari atau minggu tertentu, dan dibayar upah mengikut terma perjanjian kerja harian atau berkala tersebut.<br><br>pekerja yang bekerja di bawah kontrak pekerjaan untuk tempoh masa tertentu atau tugas tertentu; pekerja yang diambil secara sambilan untuk suatu tempoh yang singkat<br><br>Lihat juga Pekerja Muda seperti yang ditakrifkan di bawah. | RSPO P&C 2023 |
| Organisasi Pekerja | Bermaksud mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana organisasi dalam apa jua bentuk, atau mana-mana agensi atau jawatankuasa perwakilan pekerja, persatuan, kumpulan, atau pelan, yang di dalamnya pekerja mengambil bahagian dan yang wujud, secara keseluruhan atau sebahagiannya, untuk tujuan berurusan dengan majikan berkaitan pelan manfaat pekerja, atau perkara lain berkaitan dengan hubungan pekerjaan; atau mana-mana persatuan benefisiari pekerja yang ditubuhkan sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, untuk tujuan mewujudkan pelan sedemikian. | Cornell Law School - Institut Maklumat Undang-Undang https://www.law.cornell.edu/uscode/text/29/1002#4 |
| Tenaga kerja | Jumlah bilangan pekerja yang digaji oleh unit pengurusan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk pekerja kontrak dan konsultan. | P&C 2013 |
| Bentuk terburuk buruh kanak-kanak | Bentuk buruh kanak-kanak yang paling buruk terdiri daripada:<br>(a) semua bentuk perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan, seperti penjualan dan pemerdagangan kanak-kanak, ikatan hutang dan kehambaan dan buruh paksa atau wajib, termasuk perekrutan kanak-kanak secara paksa atau wajib untuk digunakan dalam konflik bersenjata;<br>(b) penggunaan, pemerolehan atau penawaran kanak-kanak untuk pelacuran, untuk penghasilan pornografi atau untuk persembahan lucah;<br>(c) penggunaan, pemerolehan atau penawaran kanak-kanak untuk aktiviti haram, khususnya untuk pengeluaran dan pengedaran dadah sebagaimana yang ditakrifkan dalam perjanjian antarabangsa yang berkaitan;<br>(d) kerja yang, mengikut sifatnya atau keadaan kerja itu dijalankan, berkemungkinan memudaratkan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak. | ILO, Konvensyen Bentuk Terburuk Buruh Kanak-kanak, 1999 (No. 182) |
| Pekerja muda | Pekerja muda ialah mereka yang melebihi umur minimum bekerja negara tersebut tetapi di bawah umur 18 tahun | Program Antarabangsa ILO bagi Penghapusan Buruh Kanak-Kanak (IPEC), 2009. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 1. Berkelakuan secara beretika dan telus | 1.1 Unit Pensijilan menyediakan maklumat yang mencukupi melalui proses yang telus kepada pihak berkepentingan yang berkaitan tentang isu alam sekitar, sosial dan undang-undang yang relevan dengan Prinsip & Kriteria RSPO, dalam bahasa dan bentuk yang sesuai untuk membolehkan penyertaan yang berkesan dalam membuat keputusan. | 1.1 Unit pensijilan menyediakan maklumat yang mencukupi kepada pihak berkepentingan yang relevan mengenai isu-isu alam sekitar, sosial dan undang-undang yang berkaitan dengan Kriteria RSPO, dalam bahasa dan bentuk yang bersesuaian untuk membolehkan penyertaan berkesan dalam membuat keputusan. | 1.1.1(C) Kecuali maklumat sulit, dokumen pengurusan yang ditetapkan dalam P&C RSPO hendaklah disediakan secara umum tanpa bayaran, dalam bahasa yang sesuai. | 1.1.1(C) Dokumen pengurusan yang dinyatakan dalam P&C RSPO adalah terbuka kepada orang awam. |
| | | | | 1.1.2(C) Maklumat disediakan dalam bahasa yang sesuai dan boleh diakses oleh pihak berkepentingan yang berkaitan. |
| | | | 1.1.2(C) Rekod bagi pihak berkepentingan yang dikenal pasti dengan wakil mereka yang dicalonkan; permintaan maklumat oleh pihak berkepentingan dan maklum balas kepada permintaan hendaklah dikekalkan. | 1.1.3(C) Rekod permintaan untuk maklumat dan maklumbalas dikekalkan. |
| | | | | 1.1.5 Terdapat senarai semasa kenalan dan butiran para pihak yang berkepentingan dan wakil mereka yang dicalonkan. |
| | | | 1.1.3(C) Prosedur perundingan dan komunikasi didokumenkan, didedahkan, dilaksanakan, disediakan, dan dijelaskan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan oleh pegawai pengurusan yang dicalonkan. | 1.1.4(C) Prosedur perundingan dan komunikasi didokumenkan, didedahkan, dilaksanakan, disediakan, dan dijelaskan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan oleh pegawai pengurusan yang dicalonkan. |
| Prinsip 1. Berkelakuan secara beretika dan telus | 1.2 Unit Pensijilan hendaklah komited kepada tingkah laku beretika dalam semua operasi dan transaksi perniagaan. | 1.2 Unit pensijilan berkuasa terhadap etika dalam semua operasi dan transaksi perniagaan. | 1.2.1 Dasar yang komited kepada tatakelakuan yang beretika dalam semua operasi dan transaksi perniagaan hendaklah dibangunkan dan disampaikan kepada semua tahap tenaga kerja dan operasi.<br><br>Dasar ini hendaklah merangkumi, sekurang-kurangnya:<br>(a) Penghormatan terhadap kelakuan perniagaan yang adil;<br>(b) Larangan terhadap semua bentuk rasuah, sogokan dan penipuan penggunaan dana dan sumber; dan<br>(c) Pendedahan maklumat yang sewajarnya mengikut peraturan yang terpakai dan amalan industri yang diterima.<br><br>*Bagi Interpretasi Nasional:<br>Interpretasi Nasional akan menentukan peraturan nasional yang berkaitan dengan antirasuah | 1.2.1 Satu dasar untuk kelakuan etika telah dilaksanakan dan dilaksanakan dalam semua operasi dan transaksi perniagaan, termasuk pengambilan pekerja dan kontrak. |
| | | | 1.2.2 Prosedur dalam menguruskan (sebarang potensi) salah laku etika hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Bukti hendaklah disediakan supaya pekerja sedar akan Tatakelakuan Beretika. | 1.2.2 Sistem telah disediakan untuk memantau pematuhan dan pelaksanaan polisi dan keseluruhan etika amalan perniagaan. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 2. Beroperasi dengan sah dan menghormati hak asasi manusia | 2.1 Terdapat pematuhan dengan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai di peringkat tempatan, negara serta triti antarabangsa.<br><br>*Interpretasi Nasional akan menentukan:<br>(a) semua perundangan yang relevan, termasuk tetapi tidak terhad kepada: peraturan yang mengawal pemegangan tanah dan hak penggunaan tanah, undang-undang adat, buruh, amalan pertanian (cth. penggunaan bahan kimia), alam sekitar (cth. undang-undang hidupan liar, pencemaran), amalan penyimpanan, pengangkutan dan pemprosesan.<br>(b) kewajipan negara di bawah undang-undang atau konvensyen antarabangsa (cth. Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD), Konvensyen Teras ILO, dll.) | 2.1 Terdapat pematuhan dengan semua undangundang dan peraturan antarabangsa tempatan, nasional, dan yang telah ditetapkan. | 2.1.1(C) Unit pensijilan mematuhi keperluan undang-undang yang terpakai. | 2.1.1(C) Unit pensijilan mematuhi undang-undang berkenaan yang ditetapkan. |
| | | | 2.1.2 Sistem berdokumen untuk memastikan pematuhan undang-undang tersedia. Sistem ini bertujuan untuk mengesan perubahan undang-undang dan juga merangkumi penyenaraian dan bukti usaha wajar yang sah bagi semua pihak ketiga yang berkontrak, agensi perekrutan, penyedia perkhidmatan dan kontraktor buruh. | 2.1.2 Mempunyai sistem yang mendokumentasi pematuhan undang-undang tersedia. Sistem ini mempunyai cara untuk mengesan perubahan kepada undang-undang dan ini juga termasuk penyenaraian dan bukti ketekunan wajar undang-undang semua pihak ketiga yang dikontrak, agensi pengambilan, pembekal perkhidmatan dan kontraktor buruh. |
| | | | 2.1.3 (C) Status undang-undang, termasuk hak pemegangan dan pengguna, didokumenkan dengan jelas. Sempadan kawasan ditandakan dan dikekalkan dengan nyata. Pendaftaran undang-undang, atau kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa kerajaan hendaklah tersedia. | 2.1.3 Batasan kawasan berdasarkan pematuhan undang-undang atau yang diberi kuasa jelas ditandakan dengan ketara, dikekalkan, dan tidak ada penanaman melangkaui sempadan sah atau sempadan yang dibenarkan. |
| Prinsip 2. Beroperasi dengan sah dan menghormati hak asasi manusia | 2.2 Unit Pensijilan hendaklah terlibat dengan kontraktor yang sah. | 2.2 Semua kontraktor yang menyediakan perkhidmatan operasi dan membekalkan buruh, dan pembekal buah segar (FFB), mematuhi keperluan undang-undang. | 2.2.1 Senarai pihak yang dikontrak dikekalkan. | 2.2.1 Senarai pihak yang dikontrak dikekalkan. |
| | | | 2.2.2 Semua kontrak, termasuk kontrak bagi pembekalan FFB, mengandungi klausa tertentu untuk memenuhi keperluan undang-undang yang terpakai, dan perkara ini boleh ditunjukkan oleh pihak ketiga. | 2.2.2 Semua kontrak, termasuk untuk bekalan FFB, mengandungi klausa khusus untuk memenuhi keperluan undang-undang yang berkenaan, dan ini boleh ditunjukkan oleh pihak ketiga. |
| | | | 2.2.3 Semua kontrak, termasuk kontrak bagi pembekalan FFB, mengandungi klausa yang melarang buruh kanak-kanak, buruh paksa dan buruh yang diperdagangkan, serta bayaran yuran perekrutan dan kos berkaitan. Tiada pekerja muda yang berumur di bawah 18 diambil bekerja oleh Kontraktor dibenarkan bekerja di UoC. | 2.2.3 Semua kontrak, termasuk untuk bekalan FFB, mengandungi klausa yang tidak membenarkan buruh kanak-kanak, buruh paksaan dan memperdagangkan buruh. Di mana pekerja muda bekerja, kontrak termasuk fasal untuk perlindungan mereka. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 2. Beroperasi dengan sah dan menghormati hak asasi manusia | 2.3 Unit Pensijilan hendaklah menyumber buah tandan segar (FFB) daripada pembekal yang sah. | 2.3 Semua bekalan FFB dari luar unit pensijilan adalah dari sumber yang mematuhi undang-undang. | 2.3.1(C) Bagi semua penyumberan terus FFB, kilang menghendaki:<br>• Maklumat tentang geolokasi asal FFB<br>• Bukti status pemilikan atau hak/tuntutan kepada tanah oleh penanam/pekebun kecil;<br>• Jika terpakai, lesen penanaman/ pengendalian/ dagangan yang sah, merupakan sebahagian daripada koperasi yang membenarkan pembelian dan penjualan FFB | 2.3.1(C) Dalam kes FFB yang disumber secara langsung, penanam sederhana memerlukan:<br>• Maklumat mengenai geo-lokasi asal FFB<br>• Bukti status pemilikan atau hak / tuntutan ke atas tanah oleh penanam / pekebun kecil<br>• Di mana berkenaan, lesen penanaman / operasi / dagangan yang sah, atau merupakan sebahagian daripada koperasi yang membenarkan pembelian dan penjualan FFB. |
| | | | 2.3.2 Bagi semua penyumberan tidak langsung FFB, unit pensijilan hendaklah mendapatkan maklumat tentang geolokasi asal FFB daripada pusat pengumpulan, ejen atau perantaraan lain. | 2.3.2 Bagi semua FFB yang disumber secara tidak langsung, unit pensijilan memperoleh bukti yang disenaraikan dalam Petunjuk 2.3.1 dari pusat kutipan, ejen atau perantara lain.<br>NOTA PROSEDUR: Untuk Prosedur Pelaksanaan bagi 2.3.2, rujuk kepada Lampiran 4. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 2. Beroperasi dengan sah dan menghormati hak asasi manusia | 2.4 Unit Pensijilan, hendaklah melalui perundingan bersama Komuniti dan Pekerja, membangunkan dan melaksanakan sistem untuk menguruskan aduan dan rungutan, serta menyediakan penyelesaiannya. Sistem tersebut hendaklah boleh diakses oleh semua Pihak Berkepentingan. | 4.2 Terdapat sistem yang Dipersetujui bersama dan didokumenkan untuk menangani aduan dan keluhan, akan dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak yang terlibat. | 2.4.1(C) Mekanisme rungutan (yang peka jantina dan kanak-kanak), yang boleh diakses oleh pihak-pihak yang berkenaan, termasuk Komuniti, Pekebun kecil, Pekerja, wakil mereka, pasangan Pekerja dan Pihak Berkepentingan berkenaan yang lain, hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Prosedur sulit dan peka jantina untuk melaporkan kes gangguan seksual dan diskriminasi berdasarkan jantina hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan.<br><br>Ini hendaklah merangkumi elemen-elemen berikut:<br>i) Prosedur untuk mengakses mekanisme rungutan<br>ii) Anggaran garis masa untuk menerima, mengakui, memproses, menyiasat, membalas dan menyelesaikan rungutan<br>iii) Prosedur untuk mengekalkan ketanpanamaan pengadu dan memastikan kerahsiaan<br>iv) Prosedur bagi UoC untuk menyediakan pengadu akses kepada sumber maklumat yang berkaitan, nasihat undang-undang dan teknikal bebas dan mekanisme penyelesaian pertikaian bebas<br>v) Remedi yang sesuai<br>vi) Tiada campur tangan dengan usaha untuk memperoleh remedi sesuai yang lain (kehakiman/bukan kehakiman).<br>vi) Perlindungan daripada tindakan balas atau ugutan akibat daripada penggunaan mekanisme rungutan.<br><br>Aduan kepada mekanisme rungutan tidak akan menghalang pengadu daripada mengemukakan isu yang sama melalui proses undang-undang, jika terpakai. | 4.2.1(C) Sistem yang dipersetujui bersama, yang terbuka kepada semua pihak yang terlibat, untuk menyelesaikan pertikaian dengan cara yang berkesan, tepat pada masanya dan bersesuaian, memastikan anonimiti pengadu , HRD, jurucakap komuniti dan pemberi maklumat, jika diminta, tanpa risiko pengabaian atau intimidasi dan mengikut dasar RSPO yang menghormati HRD.<br><br>5.1.9(C) Unit pensijilan mempunyai mekanisme untuk pekebun kecil membuat aduan dan semua aduan yang dibangkitkan ditangani dalam tempoh yang bersesuaian.<br><br>6.5.4 Mekanisme aduan, yang menghormati identiti dan melindungi pengadu jika diminta, ditubuhkan, dilaksanakan dan disampaikan kepada semua peringkat tenaga kerja. |
| | | | 2.4.2 Unit Pensijilan hendaklah mensosialisasikan dan menyediakan akses (iaitu, tapak web, media sosial, papan kenyataan dll.) prosedur berkaitan mekanisme rungutan kepada Komuniti, Pekebun kecil, Pekerja, wakil mereka, wanita dan kanak-kanak dan pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan lain, semua peringkat Tenaga kerja, operasi, pembekal dan perekrut buruh dalam bahasa yang difahami dan dituturkan oleh mereka, termasuk oleh pihak-pihak yang buta huruf dan kumpulan rentan. Bantuan disediakan untuk pihak-pihak yang berkenaan yang berdepan dengan halangan dalam mengakses mekanisme rungutan. | 6.5.4 Mekanisme aduan, yang menghormati identiti dan melindungi pengadu jika diminta, ditubuhkan, dilaksanakan dan disampaikan kepada semua peringkat tenaga kerja. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 2.4.3 Rungutan yang dibangkitkan akan dibalas dan diselesaikan atau dalam proses penyelesaian. Rekod rungutan yang terkini didokumenkan dan disediakan semasa audit, yang merangkumi:<br>(a) Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan rungutan;<br>(b) Hasil daripada semua proses penyelesaian rungutan; dan<br>(c) Rungutan yang tidak diselesaikan, alasan rungutan tersebut tidak diselesaikan, dan cara rungutan tersebut akan diselesaikan. | PENUNJUK BARU |
| | | | 2.4.4 Pengadu dan wakil mereka sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan rungutan yang dilaporkan. Hasilnya hendaklah disediakan dan disampaikan dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | 4.2.3 Unit pensijilan akan memastikan pihak-pihak yang mengadu akan dimaklumkan tentang kemajuan siasatan, termasuk tempoh masa yang dipersetujui dan hasilnya boleh didapati dan disampaikan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan. |
| Prinsip 2. Beroperasi dengan sah dan menghormati hak asasi manusia | 2.5 Unit Pensijilan mendukung hak asasi manusia dan dilarang daripada melakukan tindakan balas terhadap Pembela Hak Asasi Manusia, Pengadu, Penyalur Maklumat dan jurucakap komuniti yang melaporkan aduan tentang aktivitinya. | 4.1 Satu dasar untuk menghormati hak asasi manusia, termasuk melarang tindak balas terhadap Pejuang Hak Asasi Manusia (HRD), didokumentasikan dan disampaikan kepada semua peringkat tenaga kerja, operasi, rantaian bekalan dan komuniti tempatan dan melarang intimidasi dan gangguan oleh unit pensijilan dan perkhidmatan kontrak, termasuk pasukan keselamatan yang dikontrak | 2.5.1(C) Dasar untuk menghormati hak asasi manusia pekerja, pekerja kontrak, pembekal, komuniti, pembela hak asasi manusia dan pihak berkepentingan hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan oleh Unit Pensijilan dan perkhidmatan keselamatan kontraknya (termasuk tentera persendirian dan syarikat keselamatan). Dasar ini hendaklah merangkumi larangan terhadap:<br>a) Tindakan balas;<br>b) Ugutan, gangguan dan ancaman;<br>c) Keganasan (fizikal, seksual dan berdasarkan jantina) dan penderaan;<br>d) Eksploitasi;<br>e) Diskriminasi - akses kepada pekerjaan, pendidikan dan latihan; dan<br>f) Penahanan, kehilangan dan pembunuhan.<br><br>Dasar ini juga hendaklah menggariskan akses kepada mekanisme rungutan dan pemulihan yang diwujudkan. Dasar ini hendaklah disediakan secara umum dan disosialisasikan kepada semua tahap tenaga kerja dan operasi dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | 4.1.1(C) Satu dasar untuk menghormati hak asasi manusia, termasuk melarang tindak balas terhadap Pejuang Hak Asasi Manusia (HRD), didokumentasikan dan disampaikan kepada semua peringkat tenaga kerja, operasi, rantaian bekalan dan komuniti tempatan dan melarang intimidasi dan gangguan oleh unit pensijilan dan perkhidmatan kontrak, termasuk pasukan keselamatan yang dikontrak.<br><br>4.1.2 Unit pensijilan tidak menimbulkan keganasan atau menggunakan sebarang bentuk gangguan, termasuk penggunaan tentera upahan dan paramilitari dalam operasi mereka. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 3. Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, impak positif dan daya tahan | 3.1 Unit Pensijilan hendaklah mempunyai dan melaksanakan pelan perniagaan yang bertujuan untuk mencapai kedayamajuan kewangan dan ekonomi jangka panjang. | 3.1 Terdapat perlaksanaan pelan pengurusan untuk unit pensijilan yang bertujuan untuk mencapai daya maju ekonomi dan kewangan jangka masa panjang. | 3.1.1(C) Pelan perniagaan (minimum tiga tahun) hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan termasuk, jika terpakai, kes perniagaan untuk Pekebun Kecil Skim yang dibangunkan bersama. | 3.1.1(C) Pelan perniagaan atau pengurusan (minimum tiga tahun) didokumentasikan termasuk, jika berkenaan, kes perniagaan yang dikembangkan bersama untuk Skim Pekebun Kecil. |
| | | | 3.1.2 Program penanaman semula tahunan yang diunjurkan untuk minimum lima tahun hendaklah dibangunkan dan disemak secara tahunan. | 3.1.2 Satu program jangkaan untuk penanaman semula tahunan bagi sekurangkurangnya lima tahun dengan ulasan tahunan, tersedia. |
| | | | 3.1.3 Unit pensijilan mengadakan semakan pengurusan pada selang masa dirancang yang bersesuaian dengan skala dan sifat aktiviti yang dijalankan. | 3.1.3 Unit pensijilan melakukan kajian semula pengurusan pada waktu selang yang dirancang bersesuaian dengan skala dan sifat aktiviti yang dijalankan. |
| Prinsip 3. Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, impak positif dan daya | 3.2 Unit pensijilan memantau secara kerap dan menilai prestasi ekonomi, sosial dan alam sekitar mereka serta membangun dan melaksanakan pelan tindakan yang membolehkan peningkatan berterusan dalam operasi utama. | 3.2 Unit pensijilan memantau secara kerap dan menilai prestasi ekonomi, sosial dan alam sekitar mereka serta membangun dan melaksanakan pelan tindakan yang membolehkan peningkatan berterusan dalam operasi utama. | 3.2.1(C) Pelan tindakan bagi penambahbaikan berterusan dilaksanakan, berdasarkan pertimbangan terhadap impak sosial dan alam sekitar yang utama dan peluang unit pensijilan. | 3.2.1(C) Pelan tindakan untuk penambahbaikan berterusan dilaksanakan, setelah mengambil kira impak sosial dan alam sekitar serta peluang bagi unit pensijilan. |
| | | | 3.2.2 Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan dan penambahbaikan berterusan, laporan tahunan diserahkan kepada Sekretariat RSPO menggunakan templat metrik RSPO. | 3.2.2 Sebagai sebahagian daripada proses pengawasan dan peningkatan berterusan, laporan tahunan akan dikemukakan kepada Sekretariat RSPO menggunakan templat metrik RSPO. |
| Prinsip 3. Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, impak positif | 3.3 Prosedur pengendalian didokumenkan sewajarnya, dilaksanakan dengan konsisten dan dipantau. | 3.3 Prosedur operasi didokumentasikan dengan sewajarnya, dilaksanakan secara konsisten dan dipantau. | 3.3.1(C) Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk unit pensijilan tersedia. | 3.3.1 (C) Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi unit pensijilan tersedia. |
| | | | 3.3.2 Satu mekanisme untuk menyemak pelaksanaan prosedur yang konsisten tersedia. | 3.3.2 Satu mekanisme untuk memeriksa pelaksanaan prosedur yang konsisten sudah tersedia. |
| | | | 3.3.3 Rekod pemantauan dan sebarang tindakan yang diambil dikekalkan dan tersedia. | 3.3.3 Rekod-rekod pemantauan dan apa-apa tindakan yang telah diambil dikekalkan dan tersedia. |
| Prinsip 3. Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, impak positif dan daya tahan | 3.4 Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA) yang komprehensif diambil sebelum penanaman atau pengendalian baharu, dan pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar dilaksanakan dan dikemas kini secara berkala dalam pengendalian berterusan.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan menentukan sebarang keperluan undang-undang negara bersama dengan mana-mana isu lain yang tidak dikehendaki oleh undang-undang tetapi masih dianggap penting. | 3.4 Penilaian komprehensif Dari Penilaian Sosial dan Kesan Alam Sekitar (SEIA) dilaksanakan sebelum penanaman atau operasi baru, dan pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar dilaksanakan dan sentiasa dikemas kini dalam operasi yang sedang dijalankan. | 3.4.1(C) Dalam penanaman atau pengendalian baharu termasuk kilang, suatu SEIA bebas, diambil melalui metodologi penyertaan yang melibatkan pihak berkepentingan yang terjejas, dan melibatkan impak kepada mana-mana pekebun kecil/penanam skim didokumenkan. | 3.4.1 (C) Dalam penanaman atau operasi baru termasuk kilang, SEIA berasingan yang dilakukan oleh pihak yang berkecuali dilaksanakan melalui metodologi penyertaan yang melibatkan pihak berkepentingan yang terjejas, dan kesan dari mana-mana skim pekebun kecil / peladang akan didokumenkan. |
| | | | 3.4.2 Bagi unit pensijilan, SEIA tersedia dan pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar telah dibangunkan dengan penyertaan pihak berkepentingan yang terjejas. | 3.4.2 Untuk unit pensijilan, SEIA tersedia dan pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar telah dibangunkan dengan penyertaan pihak berkepentingan yang terlibat. |
| | | | 3.4.3(C) Pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar telah dilaksanakan, disemak dan dikemas kini secara berkala dengan penyertaan. | 3.4.3(C) Pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan persekitaran dilaksanakan, dikaji semula dan dikemas kini dengan kerap melalui cara penyertaan. |
| | | | 3.4.4 SEIA akan disemak setiap dua (2) tahun sekali untuk menentukan sama ada terdapat mana-mana Komuniti yang Terkesan. SEIA ini akan diberikan kepada semua komuniti yang terkesan dalam bentuk dan bahasa yang difahami oleh semua pihak termasuk kumpulan rentan dan buta huruf. | PENUNJUK BARU |
| Prinsip 3. Mengoptimumkan | 3.5 Unit Pensijilan hendaklah mengamalkan amalan pertanian baik untuk meningkatkan kesuburan tanah | 7.4 Amalan mengekalkan kesuburan tanah atau di mana mungkin meningkatkan kesuburan tanah, | 3.5.1 Unit Pensijilan hendaklah menjalankan anggaran hasil berpotensi buah tandan segar (FFB), dengan matlamat untuk mengeluarkan hasil FFB yang optimum. | PENUNJUK BARU |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| produktiviti, kecekapan, impak positif dan daya tahan | ke satu tahap yang menjamin hasil yang optimum dan lestari.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan menentukan keperluan undang-undang negara dan amalan pertanian baik yang berkaitan dengan pengurusan pemakanan dan nutrien minyak sawit. | kepada, tahap yang akan memberi hasil yang optimum dan lestari. | 3.5.2 Rekod hendaklah didokumenkan dan disediakan yang menunjukkan pemantauan dan pengurusan perubahan dalam kesuburan tanah dan kesihatan tumbuhan. | 7.4.2 Pensampelan berkala untuk tisu dan tanah dijalankan untuk memantau dan mengurus perubahan kesuburan tanah dan kesihatan tumbuhan. |
| | | | 3.5.3 Amalan pertanian yang baik, seperti yang terkandung dalam SOP, diikuti untuk menguruskan kesuburan tanah bagi mengoptimumkan hasil dan meminimumkan impak alam sekitar. | 7.4.1 Amalan pertanian yang baik, seperti yang terkandung dalam SOP, diikuti dengan menguruskan kesuburan tanah bagi mengoptimumkan hasil dan meminimumkan kesan alam sekitar. |
| Prinsip 3. Mengoptimumkan produktiviti, kecekapan, impak positif dan daya tahan | 3.6 Keperluan Rantai Bekalan bagi Kilang<br><br>*Tidak terpakai kepada Penanam Sederhana dan Pekebun Kecil Skim) | 3.8 Keperluan Rantaian Bekalan untuk Kilang | 3.6.1 Pengeluaran tahunan sebenar tahun sebelumnya bagi produk kelapa sawit yang diiktiraf (berat tan Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirong Sawit (PK)) kilang hendaklah direkodkan dan disediakan. | 3.8.3 Anggaran tan produk CPO dan PK yang boleh dihasilkan oleh kilang yang diiktiraf akan direkodkan oleh badan pensijilan (CB) dalam ringkasan awam untuk laporan pensijilan P&C. Angka ini mewakili jumlah keseluruhan produk minyak sawit yang diiktiraf (CPO dan PK) yang boleh dihasilkan oleh kilang yang diiktiraf tersebut dalam tempoh setahun. Tan sebenar yang dihasilkan akan direkodkan dalam laporan pengawasan tahun berikutnya. |
| | | | 3.6.2 Anggaran pengeluaran tahunan bagi produk kelapa sawit yang diperakui (berat tan Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirong Sawit (PK)) kilang hendaklah direkodkan dan disediakan, berdasarkan kadar perahan minyak (OER) dan kadar perahan isirong (KER). | 3.8.13 Kadar Pengekstrakan<br>Kadar pengekstrakan minyak (OER) dan kadar pengekstrakan isirong (KER) perlu digunakan untuk mendapatkan anggaran yang sesuai bagi jumlah CPO dan PK diiktiraf daripada input yang berkaitan. Kilang perlu menentukan dan menetapkan kadar pengekstrakan mereka sendiri berdasarkan pengalaman lalu, seterusnya merekod dan melaksanakannya secara konsisten. |
| | | | | 3.8.14 Kadar pengekstrakan perlu dikemas kini secara berkala bagi memastikan ketepatan berbanding prestasi sebenar atau purata industri sekiranya bersesuaian. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3.6.3 Prosedur yang didokumenkan<br>Kilang hendaklah mempunyai prosedur dan/atau arahan kerja bertulis atau yang setara untuk memastikan pelaksanaan semua elemen model rantaian bekalan berkenaan yang telah ditetapkan.  Ini hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara berikut:<br>a) Prosedur yang lengkap dan terkini yang meliputi pelaksanaan semua elemen keperluan model rantaian bekalan.<br>b) Rekod dan laporan yang lengkap dan terkini yang boleh menunjukkan pematuhan kepada keperluan model rantaian bekalan (termasuk rekod latihan).<br>c) Pengenalpastian peranan individu yang mempunyai tanggungjawab dan kuasa menyeluruh ke atas pelaksanaan keperluan ini dan pematuhan terhadap semua keperluan yang berkenaan. Individu ini hendaklah boleh menunjukkan pengetahuan tentang prosedur kilang bagi pelaksanaan piawaian ini.<br>d) Kilang hendaklah mempunyai prosedur yang didokumenkan untuk menerima dan memproses FFB yang diiktiraf dan yang tidak diiktiraf termasuk memastikan tiada pencemaran dalam kilang IP. | 3.8.5 Prosedur yang didokumenkan<br>Kilang perlu mempunyai prosedur bertulis dan/atau arahan kerja atau seumpamanya bagi memastikan pelaksanaan kesemua elemen model rantaian bekalan yang dikenal pasti. Ini termasuk sekurang-sekurangnya yang berikut:<br>a) Prosedur lengkap dan terkini yang merangkumi pelaksanaan semua elemen keperluan model rantaian bekalan.<br>b) Rekod dan laporan yang lengkap dan terkini yang membuktikan pematuhan terhadap keperluan model rantaian bekalan (termasuk rekod latihan).<br>c) Pengenalpastian peranan individu yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan keperluan dan pematuhan terhadap semua keperluan yang berkenaan. Individu ini mestilah boleh membuktikan pengetahuan mengenai prosedur kilang untuk pelaksanaan standard ini.<br>d) Kilang perlu mempunyai prosedur yang direkodkan untuk menerima dan memproses FFB yang diiktiraf dan tidak diiktiraf termasuk memastikan tiada pencemaran dalam kilang IP. |
| | | | 3.6.4 Audit dalaman<br>i) Kilang hendaklah mempunyai prosedur bertulis untuk menjalankan audit dalaman tahunan bagi menentukan sama ada kilang;<br>(a) mematuhi semua keperluan dalam keperluan Rantaian Bekalan RSPO untuk kilang serta Peraturan RSPO tentang Komunikasi dan Tuntutan Pasaran.<br>(b) melaksanakan dan mengekalkan keperluan piawaian dalam organisasinya dengan berkesan.<br>ii) Sebarang ketidakpatuhan yang dijumpai sebagai sebahagian daripada audit dalaman hendaklah diterbitkan dan memerlukan tindakan pembetulan. Hasil audit dalaman dan semua tindakan yang diambil untuk membetulkan ketidakpatuhan hendaklah tertakluk pada semakan pengurusan sekurang-kurangnya setiap tahun. Kilang hendaklah menyimpan rekod dan laporan audit dalaman. | 3.8.6 Audit Dalaman<br>i) Kilang perlu mempunyai prosedur bertulis untuk menjalankan audit dalaman setiap tahun bagi menentukan sama ada kilang tersebut;<br>(a) mematuhi keperluan dalam keperluan Rantaian Bekalan RSPO untuk kilang dan Peraturan RSPO mengenai Komunikasi Pasaran dan Tuntutan.<br>(b) melaksanakan dan mengekalkan secara berkesan keperluan standard dalam organisasinya.<br>ii) Sebarang ketidakpatuhan yang dikesan semasa audit dalaman perlu dilaporkan dan memerlukan tindakan pembetulan. Hasil audit dalaman dan semua tindakan yang diambil untuk membetulkan ketidakpatuhan perlu disemak oleh pihak pengurusan sekurangkurangnya setiap tahun. Kilang perlu menyimpan rekod dan laporan audit dalaman. |
| | | | 3.6.5 Pembelian dan Barang masuk<br>i) Kilang hendaklah mengesahkan dan mendokumenkan berat tan dan sumber FFB yang diperakui dan yang tidak diperakui yang diterima.<br>ii) Kilang hendaklah memaklumkan kepada CB dengan segera jika terdapat unjuran pengeluaran berlebihan bagi volum yang diperakui.<br>iii) Kilang hendaklah mempunyai mekanisme yang tersedia untuk menangani FFB dan/atau dokumen yang tidak mematuhi | 3.8.7 Pembelian dan Barangan Masuk<br>i) Kilang perlu mengesahkan dan merekodkan jumlah tan dan sumber FFB diiktiraf dan tidak diiktiraf yang diterima.<br>ii) Kilang perlu memaklumkan CB secepat mungkin sekiranya dijangka akan mempunyai lebihan pengeluaran isi padu yang diiktiraf.<br>iii) Kilang perlu mempunyai mekanisme untuk mengendalikan FFB dan/ atau dokumen yang tidak mematuhi keperluan. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3.6.6 Jualan dan Barang Keluar<br>Kilang pembekal hendaklah memastikan bahawa maklumat minimum yang berikut untuk produk yang diperakui RSPO tersedia dalam bentuk dokumen. Maklumat itu hendaklah dilengkapkan dan boleh ditunjukkan sama ada dalam satu dokumen atau pelbagai dokumen berbeza yang diterbitkan untuk produk kelapa sawit yang diperakui RSPO (contohnya, nota serahan, dokumen pengiriman dan dokumentasi spesifikasi):<br>a) Nama dan alamat pembeli;<br>b) Nama dan alamat penjual;<br>c) Tarikh pemuatan atau pengiriman / penghantaran;<br>d) Tarikh dokumen dikeluarkan;<br>e) Nombor pensijilan RSPO;<br>f) Penerangan tentang produk, termasuk model rantaian bekalan yang berkenaan (Identiti Terpelihara atau Imbangan Jisim atau singkatan yang diluluskan);<br>g) Kuantiti produk yang dihantar;<br>h) Sebarang dokumentasi pengangkutan yang berkaitan;<br>i) Nombor pengenalan yang unik. | 3.8.8 Penjualan dan Barangan Keluar<br>Kilang yang membekal perlu memastikan bahawa maklumat minimum berikut bagi produk-produk yang diiktiraf RSPO disediakan dalam bentuk dokumen. Maklumat mestilah lengkap dan boleh ditunjukkan sama ada dalam bentuk dokumen tunggal atau beberapa dokumen yang dikeluarkan untuk produk-produk minyak sawit diiktiraf RSPO (sebagai contoh, nota penghantaran, dokumen penghantaran dan dokumentasi spesifikasi):<br>a) Nama dan alamat pembeli;<br>b) Nama dan alamat penjual;<br>c) Tarikh pemuatan atau penghantaran;<br>d) Tarikh dokumen dikeluarkan;<br>e) Nombor sijil RSPO;<br>f) Penerangan produk, termasuk model rantaian bekalan yang berkenaan (Identiti Terpelihara atau Jisim Imbangan atau singkatan yang diluluskan);<br>g) Kuantiti produk yang dihantar;<br>h) Sebarang dokumen pengangkutan yang berkenaan;<br>i) Nombor pengenalan yang unik. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3.6.7 Aktiviti Penyumberluaran<br>(i) Kilang tidak boleh menyumber luar aktiviti pengilangannya. Dalam kes-kes kilang menyumber luar aktiviti kepada pihak ketiga bebas (cth. subkontraktor untuk penyimpanan, pengangkutan atau aktiviti menyumber luar yang lain), kilang yang memegang sijil hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga bebas itu mematuhi keperluan Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO yang berkenaan.<br>(ii) Kilang hendaklah memastikan perkara berikut:<br>a) Kilang mempunyai pemilikan sah terhadap semua bahan input untuk dimasukkan dalam proses menyumber luar<br>b) Kilang mempunyai perjanjian atau kontrak yang mencakupi proses menyumber luar itu dengan setiap kontraktor melalui perjanjian yang ditandatangani dan dikuatkuasakan dengan kontraktor tersebut. Kilang bertanggungjawab bagi memastikan badan pensijilan (CB) mempunyai akses kepada kontraktor atau operasi yang menyumber luar jika audit dianggap perlu.<br>c) Kilang mempunyai sistem pengawalan yang didokumenkan dengan prosedur eksplisit untuk proses menyumber luar yang dimaklumkan kepada kontraktor yang berkenaan.<br>(d) Selain itu, kilang hendaklah memastikan (cth. melalui pengaturan berkontrak) bahawa pihak ketiga bebas yang terlibat memberikan akses yang berkenaan bagi CB yang bertauliah ke setiap operasi, sistem, dan semua maklumat mereka, apabila perkara ini telah diumumkan terlebih dahulu. | 3.8.9 Aktiviti Penyumberan Luar<br>(i) Kilang tidak boleh membuat penyumberan luar untuk aktiviti pengilangan. Bagi kes di mana kilang membuat penyumberan luar kepada pihak ketiga yang bebas (cth. subkontraktor untuk penyimpanan, pengangkutan atau aktiviti penyumberan luar yang lain), kilang yang mempunyai pensijilan perlu memastikan bahawa pihak ketiga yang bebas tersebut mematuhi semua keperluan yang berkaitan dengan Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO ini.<br>(ii) Kilang perlu memastikan perkara berikut:<br>a) Kilang mempunyai hak milik sah ke atas semua bahan input yang terlibat dalam proses penyumberan luar.<br>b) Kilang mempunyai perjanjian atau kontrak untuk proses penyumberan luar dengan setiap kontraktor melalui perjanjian yang ditandatangani dan boleh dikuatkuasakan dengan kontraktor. Kilang bertanggungjawab memastikan bahawa badan pensijilan (CB) mempunyai akses kepada kontraktor atau operasi penyumberan luar sekiranya audit perlu dilakukan.<br>c) Kilang mempunyai sistem kawalan yang direkodkan dengan prosedur yang jelas untuk proses penyumberan luar yang dimaklumkan kepada kontraktor berkenaan.<br>d) Kilang perlu memastikan (cth. melalui perjanjian berkontrak) bahawa pihak ketiga yang bebas akan memberi akses yang relevan kepada CB yang diiktiraf untuk mengakses operasi, sistem, dan semua maklumat yang berkaitan, apabila dimaklumkan terlebih dahulu. |
| | | | 3.6.8(C) Kilang hendaklah merekodkan dan menyediakan kepada CB terlebih dahulu sebelum menjalankan audit seterusnya terhadap nama dan butiran semua kontraktor yang digunakan untuk pengendalian fizikal produk kelapa sawit yang diperakui RSPO. | 3.8.10 Kilang perlu merekod nama dan maklumat untuk menghubungi semua kontraktor yang digunakan dalam pengendalian fizikal produk minyak sawit diiktiraf RSPO. |
| | | | | 3.8.11 Kilang perlu memberikan nama dan maklumat untuk menghubungi mana-mana kontraktor baharu yang digunakan untuk pengendalian fizikal produk minyak sawit diiktiraf RSPO kepada CB sebelum audit seterusnya. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3.6.9(C) Penyimpanan rekod<br>i) Kilang hendaklah menyimpan rekod dan laporan yang tepat, lengkap, terkini serta boleh diakses yang meliputi semua aspek keperluan Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO ini.<br>ii) Tempoh penyimpanan bagi semua rekod dan laporan hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan hendaklah mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang berkenaan serta dapat mengesahkan status perakuan bahan mentah atau produk yang disimpan dalam stok.<br>iii) Untuk Modul Identiti Terpelihara, kilang hendaklah merekodkan dan menyeimbangkan semua resit FBB yang diperakui RSPO dan penghantaran CPO dan PK yang diperakui RSPO berdasarkan masa nyata.<br>iv) Untuk Modul Imbangan Jisim, kilang:<br>a) hendaklah merekodkan dan menyeimbangkan semua resit FBB yang diperakui RSPO dan penghantaran CPO dan PK yang diperakui RSPO berdasarkan masa nyata dan / atau berdasarkan tiga bulan sekali.<br>b) Semua volum CPO dan PK yang diperakui yang hendaklah ditolak daripada sistem perakaunan bahan mengikut nisbah penukaran yang ditetapkan oleh RSPO.<br>c) Kilang hanya boleh menghantar jualan Imbangan Jisim daripada stok positif. Stok positif boleh merangkumi produk yang dipesan untuk dihantar dalam masa tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, kilang dibenarkan menjual singkat (iaitu produk boleh dijual sebelum stoknya sampai.) | 3.8.12 Penyimpanan Rekod<br>i) Kilang perlu menyimpan rekod dan laporan yang tepat, lengkap, terkini dan boleh diakses yang merangkumi semua aspek keperluan Standard Pensijilan Rantaian Bekalan RSPO ini.<br>ii) Tempoh penyimpanan bagi semua rekod dan laporan adalah sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan perlu mematuhi keperluan perundangan dan kawal atur serta boleh mengesahkan status diiktiraf bagi bahan mentah atau produk yang disimpan stok.<br>iii) Untuk Modul Identiti Terpelihara, kilang perlu merekod dan mengimbangkan semua resit FFB diiktiraf RSPO dan penghantaran CPO dan PK diiktiraf RSPO dalam masa sebenar.<br>iv) Untuk Modul Jisim Imbangan, kilang:<br>a) Perlu merekod dan mengimbangkan semua resit FFB yang diiktiraf RSPO dan penghantaran CPO dan PK yang diiktiraf dalam masa sebenar dan/atau setiap tiga bulan.<br>b) Semua isi padu CPO dan PK diiktiraf yang dihantar ditolak daripada sistem pengiraan bahan mengikut nisbah pertukaran yang ditetapkan oleh RSPO.<br>c) Kilang hanya boleh menghantar jualan Jisim Imbangan dari stok positif. Stok positif boleh merangkumi produk yang dipesan untuk penghantaran dalam masa tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, kilang dibenarkan membuat jualan jangka turun (iaitu produk dijual sebelum stoknya sampai.) |
| | | | 3.6.10(C) Pemprosesan<br>Untuk Modul Identiti Terpelihara, kilang hendaklah memastikan dan mengesahkan melalui prosedur yang didokumenkan dan penyimpanan rekod bahawa produk kelapa sawit yang diperakui RSPO disimpan berasingan daripada produk kelapa sawit yang tidak diperakui, termasuk ketika pengangkutan dan penyimpanan untuk mendapatkan pengasingan 100%. | 3.8.15 Pemprosesan<br>Untuk Modul Identiti Terpelihara, kilang perlu memastikan dan mengesahkan melalui prosedur yang didokumenkan dan penyimpanan rekod bahawa produk minyak sawit yang diiktiraf RSPO diasingkan daripada produk minyak sawit yang tidak diiktiraf, termasuklah semasa penghantaran dan penyimpanan untuk berusaha sedaya upaya mencapai 100% pengasingan. |
| | | | 3.6.11(C) Kilang juga hendaklah memenuhi semua keperluan pendaftaran dan pelaporan untuk rantaian bekalan yang sesuai melalui platform IT RSPO, terutamanya: | 3.8.4 Kilang juga perlu memenuhi semua keperluan pendaftaran dan laporan untuk rantaian bekalan yang berkenaan melalui platform IT RSPO. |

Nota:

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | i) Pengumuman Pengiriman dalam platform IT RSPO hendaklah dilakukan oleh kilang apabila produk yang diperakui RSPO dijual sebagai produk diperakui kepada loji penapis, kilang penghancur biji sawit dan peniaga tidak lebih dari tiga bulan selepas penghantaran dengan tarikh penghantaran ialah tarikh Bil Muatan atau tarikh dokumentasi penghantaran.<br>ii) Keluarkan: Volum yang diperakui RSPO yang dijual di bawah skim berbeza atau sebagai konvensional, atau dalam kes kurang pengeluaran, kerugian atau kerosakan hendaklah dikeluarkan dalam platform IT RSPO. | 3.8.16 Pendaftaran Transaksi<br>i) Pengumuman Penghantaran dalam platform IT RSPO perlu dibuat oleh kilang apabila produk yang diiktiraf RSPO dijual sebagai produk diiktiraf kepada kilang penapisan, kilang penghancur, dan pedagang tidak lebih dari tiga bulan selepas penghantaran di mana tarikh penghantaran sama dengan tarikh Bil Muatan atau tarikh dokumentasi penghantaran.<br>i) Pembuangan: Isi padu yang diiktiraf RSPO yang dijual di bawah skim berbeza atau secara konvensional, atau dalam kes kurang pengeluaran, kehilangan atau kerosakan akan dibuang dari platform IT RSPO. |
| | | | 3.6.12(C) Kilang hanya boleh membuat tuntutan tentang pengeluaran minyak yang diperakui RSPO yang mematuhi Peraturan RSPO tentang Komunikasi Pasaran dan Tuntutan. | 3.8.17 Tuntutan<br>Kilang hanya boleh membuat tuntutan ke atas pengeluaran minyak diiktiraf RSPO yang mematuhi Peraturan Komunikasi Pasaran dan Tuntutan RSPO. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| PRINSIP 4: Menghormati Komuniti Terjejas dan hak asasi manusia, dan memberikan manfaat serta memastikan pemulihan diberikan apabila diperlukan.<br><br>Principle 4. Respect community and human rights and deliver benefits | Kriteria 4.1 Penggunaan tanah bagi kelapa sawit tidak mengurangkan hak undang-undang, hak adat atau hak pengguna lain tanpa Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC). | Criteria 4.4. Penggunaan tanah untuk kelapa sawit tidak mengurangkan hak undang-undang, kebiasaan atau hak pengguna pengguna lain tanpa Keizinan berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC). | 4.1.1(C) Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) hendaklah didapatkan daripada Komuniti yang hak undang-undang, hak adat dan hak Pengguna lain (termasuk akses kepada sumber hutan, makanan, air, laluan dll) terjejas secara langsung oleh:<br>a. Penanaman Baharu<br>b. Pembangunan Baharu<br><br>Proses FPIC yang ditetapkan dalam penunjuk 4.2.11 terpakai. | PENUNJUK BARU |
| | | | 4.1.2(C) Dokumen menunjukkan pemilikan atau pajakan sah, dan/atau keizinan penggunaan tanah adat yang dibenarkan dengan sewajarnya oleh pemilik tanah adat melalui proses Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC), apabila diperlukan seperti yang dinyatakan dalam panduan FPIC, hendaklah tersedia. Dokumen berkaitan dengan sejarah pemegangan tanah dan penggunaan tanah yang sah dan lazim tersedia. | 4.4.1(C)Dokumen yang menunjukkan pemilikan sah atau pajakan, atau penggunaan tanah adat yang diberi kuasa oleh pemilik tanah adat melalui proses Keizinan berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC). Dokumen yang berkaitan dengan sejarah tempoh pemegangan tanah dan undang-undang sebenar atau penggunaan adat tanah boleh didapati. |
| | | | 4.1.3(C) Tanah baharu tidak boleh diperoleh bagi ladang dan kilang selepas 15 November 2018 melalui ekspropriasi terkini (2005 atau kemudian) dalam kepentingan negara tanpa keizinan (Domain Nyata), kecuali jika pekebun kecil mendapat manfaat daripada program reformasi agraria atau antidadah. | 4.5.7 Tanah baru tidak akan diperolehi untuk ladang dan kilang selepas 15 tahun November 2018 hasil daripada pengambilalihan baru-baru ini (2005 atau kemudian) demi kepentingan negara tanpa persetujuan (domain terkenal), kecuali dalam kes-kes pekebun kecil yang mendapat manfaat daripada reformasi pertanian atau program anti-dadah. |
| | | | 4.1.4(C) Tanah baharu yang diperoleh untuk Penanaman dan/atau Pembangunan Baharu, tidak boleh diperoleh di kawasan yang didiami oleh Komuniti dalam Pengasingan Sukarela. | 4.5.8(C) Tanah baru tidak diperolehi di kawasan yang dihuni oleh komuniti yang berada dalam pemencilan sukarela pengasingan sukarela. |
| | | | 4.1.5 Bukti hendaklah ditunjukkan supaya semua penanaman baharu mematuhi Prosedur Penanaman Baharu RSPO. | PENUNJUK BARU |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | Kriteria 4.2<br>Tiada penggunaan tanah bagi kelapa sawit jika terdapat hak undang-undang, hak adat dan/atau hak Pengguna tetapi FPIC tidak didapatkan. Proses Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) hendaklah dijalankan selari dengan Panduan FPIC RSPO jika hak undang-undang, hak adat dan hak Pengguna bagi Komuniti terjejas secara langsung oleh operasi Unit Pensijilan. Perjanjian yang dirundingkan hendaklah dibuat melalui proses FPIC. | Kriteria 4.5<br>Tiada penanaman baru dilakukan di tanah penduduk tempatan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa terdapat undang-undang, hak adat atau hak pengguna, tanpa FPIC mereka. Ini ditangani melalui sistem yang didokumenkan bagi membolehkan mereka dan pihak berkepentingan lain menyatakan pandangan mereka melalui institusi perwakilan mereka sendiri. | 4.2.1(C) Senarai Komuniti Terjejas yang ada dalam kawasan bagi mana-mana Penanaman dan/atau Pembangunan Baharu yang dicadangkan dalam operasi sedia ada, hendaklah dikenal pasti melalui SEIA atau penyemakan pelan pengurusan dan pemantauan SEIA semasa Unit Pensijilan.<br><br>Untuk mengenal pasti Komuniti Terjejas, rujuk Panduan Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC) RSPO 2022. | 4.5.1(C) Dokumen yang menunjukkan identiti dan penilaian yang membuktikan hak penggunaan dan hak adat yang sah, boleh didapati. |
| | | | 4.2.2 Unit Pensijilan hendaklah menjalankan penilaian pemegangan dan penggunaan tanah melalui penglibatan dengan Komuniti Terjejas yang dikenal pasti (termasuk Kumpulan Rentan), dan menyediakan dokumen berikut:<br>a) Sejarah pemegangan tanah;<br>b) Pemilikan atau pajakan yang sah; dan<br>c) Keizinan yang membenarkan penggunaan tanah oleh pemilik dan pengguna tanah adat yang terdahulu, atau wakil yang dipilih oleh pemilik yang sah atau pemilik adat. | 4.4.1(C)Dokumen yang menunjukkan pemilikan sah atau pajakan, atau penggunaan tanah adat yang diberi kuasa oleh pemilik tanah adat melalui proses Keizinan berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC). Dokumen yang berkaitan dengan sejarah tempoh pemegangan tanah dan undang-undang sebenar atau penggunaan adat tanah boleh didapati.<br><br>4.5.1(C) Dokumen yang menunjukkan identiti dan penilaian yang membuktikan hak penggunaan dan hak adat yang sah, boleh didapati. |
| | | | 4.2.3(C) Peta pada skala yang sesuai (1:5000 atau 1: 10000) yang menunjukkan keluasan hak pengguna tanah yang sah, hak adat atau hak pengguna tanah lain yang diperakui hendaklah dibangunkan dan disediakan, melalui Pemetaan Penyertaan dengan Komuniti Terjejas (termasuk Kumpulan Rentan, komuniti dan pihak berkuasa berhampiran yang berkenaan). | 4.4.3 (C) Peta dengan skala yang bersesuaian menunjukkan sejauh mana undang-undang, adat atau hak pengguna yang diiktiraf dibangunkan melalui pemetaan bersama yang melibatkan pihak-pihak yang mendapat kesan (termasuk komuniti kejiranan dan pihak berkuasa yang berkenaan). |
| | | | 4.2.4(C) Untuk memastikan keselamatan makanan dan air tempatan, sebagai sebahagian daripada proses FPIC, penyertaan bersama dalam SEIA dan penyertaan bersama dalam perancangan guna tanah dengan penduduk setempat, rangkaian penuh pilihan makanan dan peruntukan air akan dipertimbangkan. Terdapat ketelusan dalam proses peruntukan tanah. | 4.5.4 Untuk memastikan keselamatan makanan dan air tempatan, sebagai sebahagian daripada proses FPIC, penyertaan bersama dalam SEIA dan penyertaan bersama dalam perancangan guna tanah dengan penduduk setempat, rangkaian penuh pilihan makanan dan peruntukan air akan dipertimbangkan. Terdapat ketelusan dalam proses peruntukan tanah. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | 4.2.5 Proses FPIC ialah proses lelaran dan hendaklah disertakan bukti berdokumen bagi perkara berikut:<br>a) Maklumat Utama - Semua maklumat utama berkaitan dengan pembangunan yang dicadangkan hendaklah tersedia dan dijelaskan dalam bentuk dan bahasa yang difahami oleh Komuniti Terjejas (termasuk Kumpulan Rentan). Ini termasuk maklumat tentang penilaian impak, cadangan perkongsian manfaat, dan aturan undang-undang.<br>b) Akses Bebas kepada Maklumat – Bukti tersedia supaya komuniti terjejas dan pemegang hak mempunyai pilihan untuk mengakses maklumat dan nasihat, yang bebas daripada penyokong projek, melibatkan undang-undang, ekonomi, alam sekitar dan implikasi sosial bagi operasi yang dicadangkan pada tanah mereka.<br>c) Nasihat dan Rundingan Bersama - Satu proses yang perlu dipersetujui bersama melalui konsultasi dan rundingan dengan Niat Baik bersama komuniti dalam Penunjuk 4.2.1 untuk mencapai keputusan tentang pembangunan yang dicadangkan. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk melibatkan dan berunding dengan kumpulan Rentan. Komuniti Terjejas secara langsung hendaklah dimaklumkan tentang hak mereka untuk berkata 'tidak' kepada pembangunan sepanjang proses FPIC.<br>c) Persetujuan - Perundingan hendaklah dibuat tanpa paksaan dan secara sukarela dan hendaklah mempertimbangkan bentuk perundingan dan persetujuan yang lazim jika diminta berbuat demikian oleh pengguna atau pemegang hak. Terdapat bukti bahawa Unit Pensijilan telah menghormati keputusan Komuniti Terjejas untuk memberikan atau menolak persetujuan mereka terhadap operasi pada masa keputusan tersebut dibuat.<br>d) Implikasi perjanjian - Unit Pensijilan hendaklah menjelaskan implikasi membenarkan pembangunan, status undang-undang tanah pada tempoh tamat hak milik, konsesi atau pajakan Unit Pensijilan ke atas tanah kepada Komuniti Terjejas secara langsung. Semua komunikasi hendaklah dalam bentuk dan bahasa yang difahami oleh Komuniti Terjejas secara langsung (termasuk kumpulan Rentan dan buta | 4.4.4 Semua maklumat yang berkaitan boleh didapati dalam bentuk dan bahasa yang bersesuaian, termasuk penilaian kesan, cadangan perkongsian manfaat, dan pengaturan undang-undang.<br>4.5.2 (C) FPIC diperolehi untuk semua pembangunan kelapa sawit melalui proses yang komprehensif, termasuk khususnya, menghormati hak-hak undang-undang dan hak adat mereka ke atas wilayah, tanah dan sumber-sumber melalui institusi perwakilan masyarakat tempatan itu sendiri, dengan semua maklumat dan dokumen yang relevan disediakan, serta pilihan akses yang bersumber kepada nasihat bebas melalui, proses perbincangan dua hala, berjangka panjang dan perundingan yang didokumenkan.<br>4.5.3 Bukti boleh didapati yang menunjukkan penduduk tempatan faham bahawa mereka mempunyai hak untuk berkata 'tidak' kepada operasi yang dirancang di atas tanah mereka sebelum dan semasa perbincangan awal, semasa peringkat pengumpulan maklumat dan perundingan yang berkaitan, semasa rundingan, dan sehingga satu perjanjian dengan unit pensijilan ditandatangani dan disahkan oleh orang-orang tempatan. Perjanjian yang dirundingkan adalah bukan paksaan dan dibuat secara sukarela serta dijalankan sebelum operasi baru bermula.<br>4.5.5 Bukti yang boleh didapati melibatkan komuniti dan pemegang hak yang terkesan telah mendapat pilihan untuk mengakses maklumat dan nasihat, yang bebas daripada penyokong projek, berkenaan dengan implikasi undang-undang, ekonomi, alam sekitar dan sosial operasi yang dicadangkan di tanah mereka. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 4.2.6 Bukti bahawa Komuniti Terjejas secara langsung diwakili melalui institusi atau wakil pilihan mereka sendiri hendaklah tersedia. Ini merangkumi pilihan akses sumber kepada mana-mana penasihat undang-undang atau penasihat teknikal bebas, dan perundingan Kumpulan Rentan dalam pemilihan wakil. | 4.4.5 (C) Keterangan boleh membuktikan bahawa komuniti diwakili oleh institusi atau wakil yang mereka pilih sendiri, termasuklah peguam jika mereka mahu. |
| | | | 4.2.7 Salinan dokumen yang memperincikan proses FPIC hendaklah tersedia. Bukti tersedia bahawa Komuniti Terjejas (atau wakil pilihan mereka) memahami dan memberi persetujuan kepada proses perancangan awal operasi sebelum pengeluaran konsesi atau hak milik tanah baharu kepada operator. | 4.4.2 Salinan dokumen yang membuktikan proses pembuatan perjanjian dan perjanjian yang dirundingkan memperincikan proses FPIC tersedia dan termasuk:<br>a) Bukti bahawa pelan telah dibangunkan melalui perundingan dan perbincangan dengan niat baik dengan semua kumpulan yang terlibat dalam komuniti, dengan jaminan khusus bahawa kelompok yang terdedah, minoriti dan jantina telah dirujuk, dan maklumat tersebut telah diberikan kepada semua kumpulan yang terlibat, termasuk maklumat mengenai langkahlangkah yang diambil untuk melibatkan mereka dalam membuat keputusan<br>b) Bukti bahawa unit pensijilan telah menghormati keputusan masyarakat untuk memberi atau menahan persetujuan mereka terhadap operasi pada saat keputusan tersebut diambil<br>c) Bukti bahawa komuniti yang terkesan telah faham dan menerima implikasi kepada undang-undang, ekonomi, alam sekitar dan sosial jika membenarkan operasi di tanah , termasuk implikasi ke atas status undang-undang tanah mereka pada tamatnya tempoh hak milik unit persijilan, konsesi atau pajakan tanah.<br><br>4.5.6 Bukti boleh didapati bahawa komuniti (atau wakil mereka) memberi persetujuan terhadap fasa perancangan awal operasi sebelum pengeluaran konsesi baru atau hak milik tanah kepada operator. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 4.2.8 Perjanjian yang dirundingkan hendaklah merangkumi:<br>a) Pihak dan wakil kepada perjanjian;<br>b) Tempoh pembangunan dan sebarang implikasi perjanjian yang lain;<br>c) Pampasan dan manfaat;<br>d) Mekanisme Aduan & Rungutan;<br>e) Mekanisme penyelesaian konflik, dan<br>f) Peruntukan untuk pemantauan, rundingan semula, pembaharuan semula dan penamatan selaras dengan Undang-undang Negara yang terpakai; | PENUNJUK BARU |
| | | | 4.2.9 Perjanjian yang dirundingkan hendaklah ditandatangani oleh Unit Pensijilan, Komuniti Terjejas secara langsung dan/atau institusi yang mewakili. Salinan hendaklah diberikan kepada semua penandatangan dalam bentuk dan bahasa yang difahami oleh semua pihak dalam perjanjian. | PENUNJUK BARU |
| | | | 4.2.10 Terdapat bukti bahawa pelaksanaan Persetujuan FPIC disemak secara tahunan dengan perundingan bersama komuniti terjejas. Jurang dalam pelaksanaan hendaklah dikenal pasti semasa pemantauan tahunan dan tindakan pembetulan hendaklah diambil. | 4.4.6 Terdapat bukti bahawa pelaksanaan perjanjian yang dirundingkan melalui FPIC dikaji semula setiap tahun melalui perundingan dengan pihak yang terlibat |
| | | | 4.2.11 Jika terdapat Komuniti Terjejas dalam operasi sedia ada yang diwujudkan sebelum 2005, dan tiada persetujuan Keizinan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (FPIC), proses FPIC yang ditetapkan dalam penunjuk 4.2.1 sehingga 4.2.7 terpakai. Penunjuk 4.5.1 sehingga 4.6.1 dan 4.6.1- 4.6.6 terpakai jika berkenaan. | PENUNJUK BARU |
| | | | 4.2.12 Tuntutan pampasan dan persetujuan dicapai melalui proses penyelesaian konflik bersama Komuniti Terjejas atau mereka yang telah dirampas harta melalui pemerolehan atau peninggalan paksa bagi hak adat dan hak Pengguna terhadap tanah sebelum operasi semasa hendaklah dilaksanakan dalam kaedah yang terikat masa. | 4.8.3 Di mana terdapat bukti pengambilalihan melalui pelupusan atau paksaan pengabaian hak adat dan hak pengguna sebelum operasi semasa dan masih ada pihak yang mempunyai hak tanah adat dan hak penggunaan tanah, tuntutan tersebut akan diselesaikan menggunakan keperluan yang relevan (Indikator 4.4.2, 4.4.3 dan 4.4.4) |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | Kriteria 4.3<br>Pampasan bagi kehilangan hak undang-undang, hak adat atau hak Pengguna ditangani melalui sistem berdokumen yang membolehkan Komuniti Terjejas mengemukakan pandangan mereka melalui wakil institusi mereka atau wakil pilihan mereka. | Kriteria 4.6<br>Sebarang perundingan mengenai pampasan kerana hilangnya undang-undang, adat atau hak pengguna akan diuruskan melalui sistem yang didokumenkan bagi membolehkan masyarakat pribumi, masyarakat setempat dan pihak berkepentingan lain menyatakan pandangan mereka melalui institusi perwakilan mereka sendiri.<br><br>Kriteria 4.7<br>Di mana ia boleh menunjukkan bahawa penduduk tempatan yang mempunyai hak undang-undang, adat atau hak pengguna, mereka telah diberi pampasan untuk mana-mana pengambilalihan tanah yang dipersetujui dan pelepasan hak, tertakluk kepada FPIC mereka dan perjanjian yang dirundingkan. | 4.3.1(C) Unit Pensijilan hendaklah mewujudkan prosedur yang dipersetujui bersama dengan Komuniti Terjejas untuk mengenal pasti mereka yang layak mendapat pampasan. Prosedur ini hendaklah dilaksanakan, dipantau dan dinilai melalui cara penyertaan, dan tindakan pembetulan hendaklah diambil sebagai hasil daripada penilaian ini. Prosedur tersebut hendaklah didokumenkan dan tersedia kepada semua Pihak Berkepentingan dan Komuniti Terjejas. | 4.6.1 (C) Prosedur yang dipersetujui bersama untuk mengenal pasti undangundang, hak adat atau hak pengguna, dan prosedur untuk mengenal pasti orang yang berhak mendapat pampasan, sudah tersedia.<br>4.7.1 (C) Prosedur yang dipersetujui bersama bagi mengenal pasti orang yang berhak mendapat pampasan telah tersedia. |
| | | | 4.3.2(C) Bukti berdokumen yang menunjukkan peluang yang sama diberikan kepada lelaki dan perempuan untuk memiliki kebun kecil dan menerima pampasan (termasuk monetari dan bukan monetari) tersedia. Prosedur hendaklah merangkumi pengiraan dan pengagihan pampasan yang adil dan setara jantina (monetari dan/atau bukan monetari). | 4.6.2 C) Prosedur yang dipersetujui bersama untuk mengira dan mengagihkan pampasan yang adil dan sama rata antara jantina (dalam bentuk kewangan atau sebaliknya) ditubuhkan dan dilaksanakan, dipantau dan dinilai dengan cara penyertaan bersama, dan tindakan pembetulan diambil sebagai hasil penilaian ini.<br>4.6.3 Adanya bukti bahawa peluang yang sama telah diberikan antara lelaki dan wanita bagi mendapat hak milik tanah untuk pegangan kecil.<br>4.7.2(C) Prosedur yang dipersetujui bersama untuk mengira dan mengagih pampasan dengan adil (berbentuk kewangan atau sebaliknya) disediakan dan didokumenkan dan disediakan kepada pihak yang terlibat. |
| | | | 4.3.3(C) Proses dan keputusan mana-mana persetujuan, pampasan dan pembayaran yang dirundingkan hendaklah didokumenkan, dengan bukti penyertaan pihak yang terjejas dan disediakan kepada mereka dan wakil pilihan mereka. | 4.6.4 Proses dan hasil dari mana-mana perjanjian yang dirundingkan, pampasan dan pembayaran akan didokumenkan, dengan keterangan penyertaan pihak yang terlibat, dan disediakan secara terbuka kepada mereka. |
| | | | 4.3.4 Komuniti Terjejas yang telah kehilangan akses dan hak terhadap tanah dalam operasi sedia ada dan Penanaman dan/atau Pembangunan Baharu diberi peluang untuk mendapat manfaat daripada pembangunan dan pengurusan ladang. Bukti proses ini didokumenkan dan disediakan kepada semua komuniti terjejas dan pihak berkepentingan. | 4.7.3 Komuniti yang kehilangan akses dan hak tanah untuk pembangunan perladangandiberi peluang untuk mendapat manfaat daripada pembangunan perladangan. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | Kriteria 4.4<br>Tiada konflik tanah yang wujud dalam kawasan Penanaman dan/atau Pembangunan Baharu atau operasi sedia ada. Sebarang konflik tanah hendaklah diselesaikan melalui sistem penyelesaian konflik yang dipersetujui bersama dalam cara yang praktikal dan membina | Kriteria 4.8<br>Hak untuk menggunakan tanah dapat didemonstrasikan, dan tidak dapat dicabar secara sah oleh penduduk tempatan yang boleh menunjukkan bahawa mereka mempunyai undang-undang, adat, atau hak pengguna. | 4.4.1(C) Konflik tanah, jika ada, diselesaikan melalui proses yang dipersetujui bersama, seperti Sistem Aduan atau Kemudahan Penyelesaian Pertikaian RSPO. Proses ini hendaklah diwujudkan, didokumenkan dan dilaksanakan untuk menangani perselisihan dengan dan antara Komuniti Terjejas (termasuk mereka yang telah dirampas atau dipaksa meninggalkan tanah adat mereka dan hak pengguna tanah yang lain). Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan konflik tersebut hendaklah didokumenkan dan disediakan kepada dan difahami oleh semua pihak berkepentingan, komuniti terjejas dan wakil mereka.<br><br>Tambah Panduan: Sistem Aduan atau Kemudahan Penyelesaian Pertikaian RSPO bukan satu-satunya proses yang diterima. | 4.8.2 (C) Tidak ada konflik tanah dalam di dalam kawasan unit pensijilan. Apabila konflik tanah wujud, proses penyelesaian konflik yang boleh diterima (lihat Kriteria 4.2 dan 4.6) dilaksanakan dan diterima oleh pihak yang terlibat. Dalam kes ladang yang baru diperolehi, unit pensijilan menangani sebarang konflik yang tidak dapat diselesaikan melalui mekanisme penyelesaian konflik yang sesuai. |
| | | | 4.4.2(C) Maklumat tentang sistem Penyelesaian Konflik hendaklah tersedia kepada dan difahami oleh semua Pihak Berkepentingan, komuniti terjejas dan wakil mereka.<br><br>Untuk pampasan dalam sistem Penyelesaian Konflik, rujuk Penunjuk 4.3.1 sehingga 4.3.4. | 4.2.2 Prosedur disediakan untuk memastikan sistem itu difahami oleh pihak yang terlibat, termasuk oleh pihak yang buta huruf. |
| | | | 4.4.3 Sistem Penyelesaian Konflik hendaklah merangkumi pilihan kepada Komuniti Terjejas untuk mengakses:<br>a) nasihat undang-undang dan teknikal bebas;<br>b) pengantara pihak ketiga yang dipersetujui bersama; dan<br>c) mana-mana individu atau kumpulan yang dipilih oleh Komuniti Terjejas untuk menyokong dan/atau bertindak sebagai pemerhati. | PENUNJUK 4.4.5 (C)<br>Keterangan boleh membuktikan bahawa komuniti diwakili oleh institusi atau wakil yang mereka pilih sendiri, termasuklah peguam jika mereka mahu. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 4.4.4(C) Bagi sebarang konflik atau pertikaian berkenaan tanah, keluasan tanah yang dipertikaikan hendaklah dipetakan melalui Pemetaan Penyertaan dengan pihak yang terjejas dan pihak berkuasa berkaitan sekiranya terpakai). Rujuk Penunjuk 4.2.3 (C). | 4.8.4 Untuk mana-mana konflik atau pertikaian ke atas tanah, keseluruhan sempadan kawasan yang dipertikaikan dipetakan bersama-sama dengan penglibatan pihak yang terlibat (termasuk komuniti kejiranan yang berkenaan). |
| | | | 4.4.5 Jika terdapat atau telah terjadi pertikaian, bukti pemerolehan hak milik yang sah dan bukti bahawa pampasan yang dipersetujui bersama telah diberikan kepada semua individu yang memegang hak undang-undang, hak adat atau hak pengguna pada masa pemerolehan tersedia dan diberikan kepada pihak yang mempertikaikan. Bukti tersedia bahawa mana-mana pampasan yang diberikan telah diterima dengan mengikuti proses FPIC yang didokumenkan. | 4.8.1 Jika terdapat atau telah ada pertikaian, bukti pengambilalihan hak milik dan bukti bahawa pampasan yang telah dipersetujui bersama telah dibuat kepada semua orang yang mempunyai hak undang-undang, hak adat, atau hak pengguna pada masa pemerolehan tersedia dan disediakan kepada pihak-pihak yang dalam pertikaian, dan apa-apa pampasan diterima setelah proses dokumentasi FPIC. |
| | Kriteria 4.5<br>Terdapat sistem yang dipersetujui bersama dan yang didokumenkan untuk menangani aduan dan rungutan, yang telah dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak yang terjejas. | Kriteria 4.2<br>Terdapat sistem yang Dipersetujui bersama dan didokumenkan untuk menangani aduan dan keluhan, akan dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak yang terlibat. | 4.5.1 Sistem aduan dan rungutan yang dipersetujui bersama terbuka kepada semua pihak yang terjejas. Sistem ini menyelesaikan aduan dan rungutan dalam cara yang berkesan, tepat pada masanya dan sewajarnya, memastikan ketanpanamaan pengadu, HRD, jurucakap komuniti dan penyalur maklumat, apabila diminta, dan yang mengikuti dasar RSPO tentang menghormati hak asasi manusia dan HRD. | 4.2.1(C) Sistem yang dipersetujui bersama, yang terbuka kepada semua pihak yang terlibat, untuk menyelesaikan pertikaian dengan cara yang berkesan, tepat pada masanya dan bersesuaian, memastikan anonimiti pengadu , HRD, jurucakap komuniti dan pemberi maklumat, jika diminta, tanpa risiko pengabaian atau intimidasi dan mengikut dasar RSPO yang menghormati HRD. |
| | | | 4.5.2 Prosedur disediakan untuk memastikan bahawa sistem difahami oleh pihak yang terjejas, termasuk mereka yang mungkin buta huruf. | 4.2.2 Prosedur disediakan untuk memastikan sistem itu difahami oleh pihak yang terlibat, termasuk oleh pihak yang buta huruf. |
| | | | 4.5.3 Unit Pensijilan menyimpan dan menyediakan rekod berdokumen bagi semua aduan dan rungutan serta keputusannya. | |
| | | | 4.5.4 Unit Pensijilan memastikan pihak yang membuat aduan dan/atau rungutan dimaklumkan tentang perkembangannya, termasuk terhadap rangka masa yang dipersetujui. Bukti tersedia bahawa keputusan tersebut dimaklumkan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan. | 4.2.3 Unit pensijilan akan memastikan pihak-pihak yang mengadu akan dimaklumkan tentang kemajuan siasatan, termasuk tempoh masa yang dipersetujui dan hasilnya boleh didapati dan disampaikan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria (Cadangan NGO) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | Kriteria 4.6<br>Unit Pensijilan menyumbang kepada pembangunan lestari tempatan seperti yang dipersetujui bersama oleh Komuniti Terjejas. | Kriteria 4.3<br>Unit pensijilan menyumbang kepada pembangunan tempatan yang lestari seperti yang dipersetujui oleh masyarakat setempat | 4.6.1 Sumbangan kepada pembangunan komuniti hendaklah berdasarkan keputusan rundingan dengan Komuniti Terjejas dan hendaklah didokumenkan. | 4.3.1 Sumbangan yang membawa kepada pembangunan masyarakat yang berdasarkan hasil perundingan dengan masyarakat setempat ditunjukkan. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 5. Menyokong kemasukan pekebun kecil | 5.1 Unit Pensijilan berurusan secara adil dan telus dengan semua pekebun kecil (Bebas dan Skim). | 5.1 Unit pensijilan berurusan secara adil dan telus dengan semua pekebun kecil (Bebas dan Skim) dan perniagaan tempatan yang lain. | 5.1.1(C) Harga semasa dan tempoh sebelumnya yang dibayar untuk buah tandan segar (FFB) hendaklah tersedia kepada umum dan boleh diakses oleh semua pembekal FFB. | 5.1.1 Harga semasa dan sebelumnya yang dibayar untuk BTS dipamer secara terbuka dan boleh diakses oleh pekebun kecil. |
| | | | 5.1.2(C) Bukti dan/atau bahan komunikasi kepada semua pembekal FFB tentang penetuan harga FFB disusun dan didokumenkan. | 5.1.2(C) Terdapat bukti bahawa unit pensijilan selalu menerangkan harga BTS kepada pekebun kecil |
| | | | 5.1.3(C) Unit Pensijilan hendaklah menetapkan penentuan harga yang wajar atau kompetitif, termasuk penentuan harga premium, dengan persetujuan bersama pembekal FFB yang menyertai. Penentuan harga yang dipersetujui hendaklah didokumenkan.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional:<br>Interpretasi Nasional akan merangkumi maklumat tentang mekanisme penentuan harga negara. Sekiranya tiada penentuan harga lantai kerajaan, Interpretasi Nasional akan membangunkan prosedur untuk mengira harga yang wajar bagi FFB. | 5.1.3(C) Harga yang saksama, termasuk harga premium, apabila berkenaan, dipersetujui oleh pekebun kecil dalam pangkalan bekalan dan didokumenkan. |
| | | | 5.1.4(C) Bukti hendaklah tersedia bagi semua urusan bersama pihak yang dilantik oleh pembekal FFB, dalam semua proses membuat keputusan sepanjang tempoh rundingan penuh. Proses membuat keputusan termasuk proses yang melibatkan kewangan, pinjaman/kredit, dan pembayaran balik melalui pengurangan harga FFB untuk penanaman semula dan/atau mekanisme sokongan lain. | 5.1.4(C) Keterangan bukti disediakan supaya semua pihak, termasuk wanita dan organisasi wakil bebas yang membantu pekebun kecil atas permintaan, terlibat dalam proses membuat keputusan dan memahami kontrak. Ini termasuk yang melibatkan kewangan, pinjaman / kredit, dan bayaran balik melalui pengurangan harga BTS untuk penanaman semula dan / atau mekanisme sokongan lain jika berkenaan. |
| | | | 5.1.5 Kontrak yang sah bersama pembekal FFB ditandatangan berdasarkan persetujuan bersama dengan rangka masa yang dipersetujui, melalui proses yang adil dan telus. | 5.1.5 Kontrak adalah adil, sah dan telus dan mempunyai jangka masa yang telah dipersetujui |
| | | | 5.1.6(C) Unit Pensijilan hendaklah membayar pembekal FFBnya mengikut terma pembayaran yang dinyatakan dalam kontrak bersama resit yang menyatakan harga, berat, potongan (jika ada) dan jumlah yang dibayar dan diberikan kepada pembekal FFB. | 5.1.6(C) Pembayaran yang telah dipersetujui adalah dibuat tepat pada masanya dan resit yang memperincikan harga, berat, potongan dan amaun yang dibayar adalah diberikan. |
| | | | 5.1.7(C) Peralatan penimbang FFB hendaklah disahkan oleh pihak ketiga bebas atau pihak berkuasa kerajaan secara tahunan. | 5.1.7 Peralatan menimbang adalah ditentusahkan pada kadar yang kerap oleh pihak ketiga yang bebas (boleh jadi sebuah badan kerajaan) secara tetap (ini boleh menjadi kerajaan). |
| Prinsip 5. Menyokong kemasukan pekebun kecil | 5.2 Unit Pensijilan menyokong rangkuman penyertaan pekebun kecil dalam rantaian nilai minyak sawit yang lestari untuk meningkatkan mata pencarian mereka. | 5.2 Unit pensijilan menyokong peningkatan pendapatan pekebun kecil dan kemasukan mereka dalam rantaian nilai kelapa sawit lestari. | 5.2.1 Unit Pensijilan hendaklah menyediakan sokongan kepada pekebun kecil yang berminat untuk membekalkan FFB kepada kilangnya bagi mendapatkan pensijilan RSPO sekiranya boleh dicapai. Unit Pensijilan hendaklah melibatkan dan berunding dengan pekebun kecil ini untuk membangunkan terma yang dipersetujui bersama tentang pengurusan (iaitu, siapa yang menjalankan sistem kawalan dalaman (ICS), siapa yang memegang sijil, dan siapa yang menyimpan dan menjual bahan yang diperakui). | 5.1.8 Unit pensijilan menyokong Pekebun Kecil Bebas dengan pensijilan, jika berkenaan, memastikan perjanjian bersama antara unit pensijilan dan pekebun kecil yang menjalankan sistem kawalan dalaman (ICS), yang memegang sijil, dan yang memegang dan menjual bahan yang disijilkan.<br><br>5.2.1 Unit pensijilan berunding dengan pekebun kecil yang berminat (tanpa mengira jenis) termasuk wanita atau rakan kongsi lain dalam pangkalan bekalan mereka dalam menilai keperluan untuk menyokong peningkatan mata pencarian mereka dan minat mereka terhadap pensijilan RSPO. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 5.2.2(C) Senarai latihan yang didokumenkan diberikan dengan senarai peserta, berdasarkan dapatan penilaian keperluan kepada Pekebun Kecil Skim; dan jika terpakai, kepada pekebun kecil yang berminat, hendaklah disediakan. | 5.2.4(C) Bukti wujud bahawa unit pensijilan melatih Pekebun kecil Skim mengenai pengendalian racun perosak. |
| | | | | 3.7.1(C) Satu program yang menyediakan latihan telah tersedia dan boleh diakses oleh semua kakitangan, pekerja, pekebun kecil skim dan peladang, dengan mengambil kira keperluan khusus jantina, serta merangkumi aspek-aspek RSPO P&C yang berkenaan, dalam bentuk yang mereka faham, dan termasuk penilaian untuk latihan. |
| | | | | 3.7.2 Rekod latihan dikekalkan, jika perl secara individu. |
| | | | 5.2.3 Unit Pensijilan melalui penglibatan dengan pekebun kecil, hendaklah memberikan sokongan bagi memastikan kesahan pengeluaran FFB. | 5.2.3 Di mana berkenaan, unit pensijilan memberi sokongan kepada pekebun kecil untuk mempromosikan kesahsiah pengeluaran BTS. |
| | | | 5.2.4 Unit Pensijilan hendaklah membangunkan dan melaksanakan aktiviti tambahan yang menyumbang kepada peningkatan mata pencarian bagi pekebun kecil yang membekalkan FFB kepada kilangnya, dengan mempertimbangkan hasil perundingan penyertaan yang dijalankan bersama mereka. | 5.2.2 Unit pensijilan membangun dan melaksanakan program penambahbaikan mata pencarian, termasuk sekurang-kurangnya membina kapasiti untuk meningkatkan produktiviti, kualiti, kecekapan organisasi dan pengurusan, dan elemen khusus pensijilan RSPO (termasuk Piawaian RSPO untuk Pekebun Kecil Bebas).<br>NOTA PROSEDUR: RSPO kini sedang membangunkan piawaian berasingan untuk pekebun kecil bebas. |
| | | | 5.2.5 Laporan kemajuan tahunan bagi program sokongan pekebun kecil hendaklah diumumkan. | 5.2.5 Unit pensijilan secara kerap akan mengulas dan melaporkan secara umum mengenaikemajuan program sokongan pekebun kecil. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | 6.1 Semua bentuk diskriminasi adalah dilarang terhadap semua Pekerja. | 6.1 Mana-mana bentuk diskriminasi adalah dilarang. | 6.1.1 (C) Dasar tanpa diskriminasi yang terpakai kepada perekrutan, pengambilan pekerja, skop kerja, bayaran dan manfaat serta akses kepada latihan, kenaikan pangkat, kemudahan dan peralatan kerja hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Dasar tanpa diskriminasi hendaklah merangkumi larangan terhadap diskriminasi berdasarkan asal etnik, kasta, kerakyatan, agama, ketakupayaan, jantina, status perkahwinan, kehamilan, orientasi seksual, identiti jantina, jenis migran, status Pekerja Migran, keahlian dalam kesatuan, hubungan politik dan/atau umur. Dasar ini hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada Tenaga kerja, operasi dan pembekal, perekrut buruh. | 6.1.1(C) Dasar tiada-diskriminasi dan kesaksamaan peluang disediakan secara terbuka dan dilaksanakan sedemikian rupa untuk mencegah diskriminasi berdasarkan asal usul etnik, kasta, asal usul kebangsaan, agama, kecacatan, jantina, orientasi seksual, identiti gender, keanggotaan kesatuan, afiliasi politik atau umur.<br>6.1.2(C) Keterangan bukti diberikan bahawa pekerja dan kumpulan termasuk masyarakat tempatan, wanita, dan pekerja asing tidak didiskriminasi. Bukti termasuk tiada bayaran dikenakan untuk yuran pengambilan pekerja bagi pekerja asing.<br>6.1.3 Unit pensijilan menunjukkan bahawa pemilihan pengambilan, penggajian, akses kepada latihan dan kenaikan pangkat adalah berdasarkan kemahiran, keupayaan, kualiti dan kecergasan medikal yang diperlukan untuk pekerjaan yang tersedia.<br>6.6.2 (C) Di mana pekerja sementara atau pekerja asing bekerja, dasar dan prosedur buruh yang khusus diwujudkan dan dilaksanakan. |
| | | | 6.1.2 (C) Semua Pekerja hendaklah diberikan peluang yang sama, iaitu dalam perekrutan, pengambilan, skop kerja, bayaran dan manfaat serta akses kepada latihan, kenaikan pangkat, kemudahan dan peralatan kerja.<br>6.1.3 Semua Pekerja hendaklah menerima ganjaran yang sama bagi kerja yang sama nilainya serta penilaian yang sama berdasarkan pengalaman dan kualiti kerja mereka. | 6.1.6 Terdapat bukti bahawa bayaran setara dengan skop kerja.<br>6.6.2 (C) Di mana pekerja sementara atau pekerja asing bekerja, dasar dan prosedur buruh yang khusus diwujudkan dan dilaksanakan. |
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang | Kriteria 6.2:<br>Bayaran, keadaan kerja dan keadaan hidup bagi semua Pekerja hendaklah memenuhi standard minimum undang- | 6.2 Bayaran dan syarat untuk kakitangan dan pekerja serta pekerja kontrak sentiasa memenuhi sekurang- | 6.2.1 (C)<br>a) Kontrak pekerjaan hendaklah menetapkan terma dan syarat pekerjaan mengikut keperluan undang-undang negara atau sebarang perjanjian perundingan kolektif (jika terpakai). Terma dan syarat hendaklah merangkumi gaji, waktu bekerja biasa, potongan, | 6.2.1(C) Undang-undang buruh yang digunapakai, kesatuan dan / atau perjanjian kolektif lain dan dokumentasi gaji dan syarat adalah tersedia untuk pekerja dalam bahasa kebangsaan dan dijelaskan kepada mereka dalam bahasa yang mereka fahami. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| selamat | undang atau industri.<br><br>UoC hendaklah mengira gaji semasa dengan mengambil kira manfaat barangan sehingga penanda aras gaji sara hidup ditetapkan oleh LW-TF. | kurangnya piawaian minimum industri atau undangundang dan mencukupi untuk menyediakan upah bagi kehidupan yang baik (DLW). | kerja lebih masa, cuti sakit, kelayakan cuti, cuti bersalin, alasan bagi pemecatan dan tempoh notis.<br><br>b) Terma dan syarat kontrak pekerjaan hendaklah tersedia dan dijelaskan kepada Pekerja dalam bahasa yang difahami oleh mereka sebelum menandatangani kontrak.<br><br>c) Kontrak pekerjaan kepada semua Pekerja hendaklah dalam bentuk bertulis dan satu salinan hendaklah diberikan kepada mereka. | 6.2.2(C) Kontrak pekerjaan dan dokumen berkaitan dengan maklumat pembayaran terperinci dan syarat-syarat pekerjaan (contohnya jam kerja biasa, potongan, kerja lebihmasa, cuti sakit, hak cuti, cuti bersalin, sebab pemecatan, tempoh notis, dan sebagainya, adalah mematuhi keperluan perundangan kebangsaan) dan dokumen gaji memberikan maklumat yang tepat mengenai pampasan untuk semua kerja yang dilakukan, termasuk kerja yang dilakukan oleh ahli keluarga.<br><br>6.2.3(C) Terdapat bukti pematuhan undang-undang untuk waktu kerja biasa, potongan, kerja lebihmasa, sakit, hak bercuti, cuti bersalin, sebab pemecatan, tempoh notis dan keperluan undang-undang pekerjaan yang lain. |
| | | | 6.2.2 Prosedur untuk perekrutan, pemilihan, pengambilan, kenaikan pangkat, pencen dan penamatan kerja hendaklah didokumenkan dan disediakan kepada Pekerja atas permintaan. Prosedur pekerjaan dilaksanakan dan rekod dikekalkan. | 3.5.1 Prosedur pekerjaan untuk pengambilan, pemilihan, pengambilan pekerja, promosi, persaraan dan penamatan telah didokumenkan dan disediakan kepada pekerja dan wakil mereka.<br><br>3.5.2 Prosedur pekerjaan dilaksanakan dan rekod dikekalkan. |
| | | | 6.2.3 (C) Pindaan terhadap kontrak pekerjaan hendaklah dipersetujui oleh Pekerja. | PENUNJUK BARU |
| | | | 6.2.4 Pekerja Migran Antarabangsa yang diambil bekerja di negara asal hendaklah menandatangani kontrak pekerjaan Unit Pensijilan di negara asal. | PENUNJUK BARU |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.2.5 (C)<br>a) Penginapan yang disediakan kepada Pekerja untuk tinggal dalam Unit Pensijilan hendaklah merangkumi perumahan yang mencukupi, kemudahan sanitasi, tempat simpanan berkunci, bekalan air (termasuk bekalan Air Minuman Selamat dan akses kepada ameniti perubatan. Kemudahan dan ameniti yang disediakan hendaklah mematuhi keperluan undang-undang negara dan/atau antarabangsa yang terpakai. Panduan ILO tentang Cadangan Perumahan Pekeja, 1961 (Bil. 115) boleh dirujuk jika tiada undang-undang terpakai yang tersedia.<br><br>b) Dalam kes pemerolehan unit tidak diperakui, suatu *pelan* terikat masa (maksimum 5 tahun) akan dibangunkan yang memperincikan penaiktarafan infrastruktur. Unit pensijilan hendaklah menyemak pelan itu secara tahunan untuk memastikan kebajikan dan keselamatan pekerja dilindungi. Pelan tersebut hendaklah memenuhi keperluan undang-undang negara dan/atau antarabangsa. | 6.2.4(C) Unit pensijilan menyediakan kemudahan perumahan, kemudahan sanitasi, bekalan air, perubatan, pendidikan dan kebajikan yang memenuhi piawaian kebangsaan atau lebih, di mana tiada kemudahan awam sedemikian tersedia atau boleh diakses. Undang-undang kebangsaan, atau jika tidak ada, Panduan ILO mengenai Perakuan Perumahan Pekerja No. 115, akan digunakan. Dalam kes pengambilalihan unit yang belum bersijil, suatu pelan akan dibangunkan dengan perincian mengenai peningkatan infrastruktur. Masa yang berpatutan (5 tahun) dibenarkan untuk meningkatkan infrastruktur. |
| | | | 6.2.6 Unit Pensijilan hendaklah melakukan usaha untuk memastikan pekerja mempunyai akses kepada makanan yang sewajarnya, mencukupi dan berpatutan. | 6.2.5 Unit pensijilan berusaha untuk meningkatkan akses kepada makanan yang mencukupi dan mampu dimiliki pekerja. |
| | | | 6.2.7 Pekerjaan tetap dan sepenuh masa hendaklah digunakan bagi semua Kerja Teras dalam Unit Pensijilan.<br><br>Pekerja sambilan dan sementara yang diambil bekerja semula bagi kerja yang sama melebihi tiga kali berturut-turut hendaklah diberikan peluang untuk menjadi pekerja sepenuh masa yang tetap pada pengambilan semula keempat. Tawaran yang dilakukan hendaklah didokumenkan. | 6.2.7 Penggajian tetap dan sepenuh masa digunakan untuk semua kerja teras yang dilakukan oleh unit pensijilan. Pekerja kasual, sementara dan pekerja harian adalah terhad kepada pekerjaan yang bersifat sementara atau bermusim. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | Kriteria 6.2:<br>Bayaran, keadaan kerja dan keadaan hidup bagi semua Pekerja hendaklah memenuhi standard minimum undang-undang atau industri.<br><br>UoC hendaklah mengira gaji semasa dengan mengambil kira manfaat barangan sehingga penanda aras gaji sara hidup ditetapkan oleh LW-TF. | 6.2 Bayaran dan syarat untuk kakitangan dan pekerja serta pekerja kontrak sentiasa memenuhi sekurang-kurangnya piawaian minimum industri atau undangundang dan mencukupi untuk menyediakan upah bagi kehidupan yang baik (DLW). | 6.2.8(C):<br>a. Semua Pekerja hendaklah dibayar mengikut terma dalam kontrak pekerjaan mereka (bulanan/mingguan/harian/upah mengikut kerja/ seperti yang berkenaan).<br>b. Unit Pensijilan hendaklah menyimpan rekod bagi setiap dan semua jenis Pekerja, jam bekerja (biasa dan lebih masa), pengiraan gaji dan potongan yang sah, dan gaji sebenar yang dibayar.<br>c. Semua Pekerja hendaklah diberikan slip gaji yang menunjukkan semua butiran pembayaran dan potongan. Sebarang potongan (berkanun atau lain-lain) hendaklah tidak kurang daripada gaji minimum.<br>d. Sekiranya sebuah keluarga mempunyai berbilang Pekerja yang diambil bekerja oleh Unit Pensijilan, setiap ahli keluarga hendaklah mempunyai kontrak pekerjaan yang berasingan dan gaji yang diperoleh hendaklah ditunjukkan dalam slip gaji peribadi mereka.<br>e. Unit Pensijilan hendaklah memastikan butiran slip gaji dijelaskan kepada pekerja dalam bahasa yang difahami oleh mereka.<br>f. Unit Pensijilan hendaklah komited untuk membayar upah sehari sekiranya berlaku Force Majeure. | 6.2.6 DLW dibayar kepada semua pekerja, termasuk mereka yang bekerja mengikut kadar pajak / kuota, yang mana hitungan adalah mengikut kuota yang boleh dicapai semasa waktu kerja biasa.<br>NOTA PROSEDUR: Pasukan Petugas Buruh RSPO akan menyediakan panduan mengenai pelaksanaan DLW, termasuk butiran tentang cara menghitung DLW, yang dijangkakan untuk tahun 2019. Sekretariat RSPO akan berusaha untuk mengadakan penanda aras DLW bagi negara pengeluar minyak sawit di mana ahli RSPO beroperasi dan yang mana tiada tanda aras Global Upah Upaya Gabungan (GLWC) wujud. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.2.9(C) Semua Pekerja hendaklah dibayar gaji minimum yang sah atau gaji minimum yang dirunding dalam Perjanjian Perundingan Kolektif (CBA), mana-mana yang lebih tinggi. Dengan melihat perkara berikut:<br>a. Prestasi bonus dan bayaran lebih masa tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada gaji minimum yang sah atau gaji minimum CBA.<br>b. Bagi kerja yang dikadarkan mengikut butir, gaji yang bersekadar hendaklah dikira berdasarkan gaji minimum yang sah atau mengikut kadar di bawah CBA.<br>c. Potongan tidak boleh dilakukan daripada gaji Pekerja yang mengurangkan gaji Pekerja sehingga di bawah gaji minimum yang sah atau CBA.<br>d. Kerja lebih masa hendaklah dibayar mengikut kadar undang-undang negara atau mengikut kadar di bawah CBA. Sekiranya keperluan undang-undang dan CBA tidak tersedia, kadar bayaran bagi kerja lebih masa hendaklah tidak kurang daripada satu ke satu perempat kali ganda kadar biasa (lihat Konvensyen ILO No.1 dan No.30).<br>e. Sekiranya hari bekerja dihadkan kerana insiden/kecederaan di tempat kerja, gaji harian penuh hendaklah dibayar kepada semua jenis Pekerja. | |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.2.10 (C) Unit Pensijilan hendaklah mengira gaji semasa mereka secara tahunan mengikut prosedur pengiraan gaji semasa RSPO.<br><br>NOTA PROSEDUR: Sekretariat RSPO dan LW-TF hendaklah menyemak dan mengukuhkan panduan pengiraan gaji semasa RSPO yang sedia ada ke dalam Prosedur pengiraan gaji semasa. Prosedur Pengiraan Gaji Semasa hendaklah disediakan pada penghujung tahun 2024 dan dilaksanakan oleh Unit Pensijilan dalam tempoh enam bulan selepas Prosedur itu diterbitkan.<br><br>Bagi negara yang tiada standard gaji sara hidup ditetapkan, sehingga penanda aras yang disahkan oleh RSPO bagi negara tersebut dikeluarkan, gaji minimum negara hendaklah dibayar kepada semua pekerja. Tambahan kepada pembayaran gaji minimum, Unit Pensijilan hendaklah menjalankan penilaian gaji semasa dan manfaat barangan yang diberikan kepada pekerja dalam Unit Pensijilan selari dengan Panduan RSPO bagi Pelaksanaan Gaji Sara Hidup. | |
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | 6.3 Unit Pensijilan hendaklah menghormati hak semua pekerja untuk membentuk atau menyertai kesatuan sekerja, persatuan pilihan mereka, atau Organisasi Pekerja dengan wakil mereka sendiri untuk berunding secara kolektif. Sekiranya hak terhadap kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif dihadkan oleh undang-undang, majikan memudahkan kaedah yang selari dengan kebebasan berpersatuan dan perundingan bagi semua pekerja melalui wakil mereka sendiri. | 6.3 Unit pensijilan menghormati hak semua kakitangan untuk membentuk dan bergabung dengan kesatuan sekerja pilihan mereka dan untuk menawar secara kolektif. Di mana hak kebebasan bersekutu dan tawarmenawar kolektif adalah dihadkan di bawah undangundang, majikan memberi kemudahan bentuk kebebasan yang selari untuk berpersatuan bebas dan tawar-menawar untuk semua kakitangan tersebut | 6.3.1 (C) Dasar yang mengiktiraf kebebasan berpersatuan, hak untuk perundingan kolektif dan Perjanjian Perundingan Kolektif (CBA), jika ada, dibangunkan dan dilaksanakan. Dasar ini dan CBA hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada Pekerja dalam bahasa yang mereka fahami. | 6.3.1(C) Kenyataan dalam bahasa kebangsaan yang diterbitkan mengiktiraf kebebasan berpersatuan dan hak untuk tawar-menawar kolektif ,tersedia dan dijelaskan kepada semua pekerja dalam bahasa yang mereka fahami, dan dilaksanakan dengan jelas. |
| | | | 6.3.2 Wakil pekerja hendaklah dipilih tanpa campur tangan daripada Unit Pensijilan. Tiada campur tangan oleh Unit Pensijilan dalam pembentukan, fungsi, pentadbiran Organisasi Pekerja dan kesatuan sekerja yang berdaftar. Pekerja migran dan pekerja kontrak tidak boleh dihalang daripada menyertai Organisasi Pekerja dan kesatuan sekerja yang berdaftar.<br><br>Unit Pensijilan hendaklah memaklumkan kepada semua Pekerja bahawa tiada kesan atau penalti yang dikenakan terhadap Pekerja kerana penyertaan mereka dalam Organisasi Pekerja dan kesatuan sekerja yang berdaftar.<br><br>Kemudahan bagi Pekerja untuk berinteraksi antara satu sama lain dan wakil mereka hendaklah disediakan secara percuma dan tidak boleh dipantau oleh Unit Pensijilan. | 6.3.3 Pengurusan tidak akan mengganggu pembentukan atau pengendalian pertubuhan yang berdaftar/organisasi buruh atau persatuan, atau wakil lain yang dipilih secara bebas untuk semua pekerja termasuk pekerja asing dan pekerja kontrak. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | personnel. | 6.3.3 Minit mesyuarat antara Unit Pensijilan dengan Organisasi Pekerja dan kesatuan sekerja berdaftar hendaklah didokumenkan dan tersedia atas permintaan. Tindakan yang dipersetujui semasa mesyuarat ini dilaksanakan dan disemak secara tahunan. | 6.3.2 Minit mesyuarat antara unit pensijilan dengan ksatuan pekerja atau wakil pekerja, yang bebas dipilih, didokumentasikan dalam bahasa kebangsaan dan disediakan berdasarkan permintaan. |
| | | | 6.3.4 Ahli Organisasi Pekerja atau kesatuan sekerja berdaftar, wakil pekerja dan Pekerja tidak dikenakan diskriminasi, Ugutan atau Gangguan (termasuk ancaman), atau berhadapan dengan tindakan balas kerana penyertaan mereka. | |
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | 6.4 Unit Pensijilan tidak boleh menggunakan Buruh Kanak-kanak dan melarang bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan merangkumi maklumat tentang peraturan/panduan negara berkenaan pekerja yang melepasi umur minimum bekerja mengikut undang-undang negara tetapi di bawah umur 18 tahun. Ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya:<br>i) Umur minimum bekerja mengikut undang-undang negara;<br>ii) Waktu/ keadaan/ jenis pekerjaan yang dikawal oleh negara; | 6.4 Kanak-kanak tidak di upah atau dieksploitasi. | 6.4.1(C) Dasar bagi perlindungan kanak-kanak dan larangan dan pemulihan Buruh Kanak-kanak hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Dasar ini hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada semua tahap Tenaga kerja, kontraktor, pembekal dan perekrut buruh dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | 6.4.1 A formal policy for the protection of children, including prohibition of child labour and remediation is in place, and included into service contracts and supplier agreements.<br><br>6.4.4 The unit of certification demonstrates communication about its 'no child labour' policy and the negative effects of child labour, and promotes child protection to supervisors and other key staff, smallholders, FFB suppliers and communities where workers live. |
| | | | 6.4.2(C) Unit Pensijilan tidak boleh mengambil pekerja di bawah umur 18 tahun. Prosedur pengesahan saringan umur hendaklah didokumenkan. | 6.4.2(C) Terdapat bukti bahawa keperluan umur minimum telah dipenuhi. Fail kakitangan menunjukkan bahawa semua pekerja berada di atas umur minimum kebangsaan atau di atas polisi umur minimum syarikat , mana-mana yang lebih tinggi. Terdapat prosedur pengesahan pemeriksaan umur yang didokumenkan. |
| | | | 6.4.3(C) Perantisan bagi golongan muda yang berumur lebih daripada 15 tahun dan di bawah umur 18 yang dirancang untuk tujuan pendidikan dan latihan dibenarkan di bawah pengawasan. Perantisan bagi pekerja muda tidak boleh menganggu persekolahan atau membahayakan kesihatan dan perkembangan mereka. Perantis hendaklah dibayar dan diberikan slip gaji. | 6.4.3(C) Orang muda mungkin hanya bekerja untuk pekerjaan yang tidak berbahaya, dengan sekatan perlindungan di tempat untuk kerja itu. |
| | | | 6.4.4(C) Unit Pensijilan hendaklah memulihkan pekerja mengikut Panduan Pemulihan Buruh Kanak-kanak RSPO jika sebarang buruh kanak-kanak didapati dalam Unit Pensijilan. | |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | Kriteria 6.5<br>Semua bentuk ugutan, gangguan, penderaan atau keganasan di tempat kerja dicegah, dikurangkan dan ditangani. | 6.5 Tidak ada gangguan atau penyalahgunaan di tempat kerja, dan hak-hak pembiakan dilindungi. | 6.5.1 (C) Dasar yang melarang semua bentuk Ugutan dan Gangguan (termasuk ancaman), Gangguan Seksual dan Keganasan hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Dasar ini hendaklah merangkumi prosedur bagi penyiasatan, hukuman dan pemulihan. Dasar ini hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada semua tahap Tenaga kerja, operasi, pembekal dan perekrut buruh dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | 6.5.1(C) Dasar untuk mencegah gangguan seksual dan semua bentuk gangguan dan keganasan yang lain dilaksanakan dan dikomunikasikan kepada semua peringkat tenaga kerja. |
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | Kriteria 6.6<br>Hak Pekerja wanita dihormati dan disokong dan sekiranya keganasan dijumpai, mereka hendaklah dipulihkan. | | 6.6.1 (C) Dasar untuk melindungi hak Pekerja wanita (cth. hak pembiakan, kesihatan maternal, keselamatan wanita) hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan. Dasar ini hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada semua tahap Tenaga kerja dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | 6.5.2(C) Dasar untuk melindungi hak-hak reproduktif semua (pekerja), terutama wanita, dilaksanakan dan disampaikan kepada semua peringkat tenaga kerja. |
| | | | 6.6.2 Pekerja wanita hendaklah mempunyai akses kepada peluang dan sumber untuk memperbaik diri mereka melalui latihan dan program pembangunan kapasiti. | PENUNJUK BARU |
| | | | 6.6.3 Jawatankuasa Jantina hendaklah diwujudkan yang merangkumi kebajikan dan pemerkasaan wanita.<br><br>Jawatankuasa kebajikan dan pemerkasaan wanita hendaklah terdiri daripada pekerja wanita sahaja. Jawatankuasa tersebut hendaklah memberikan peluang sekurang-kurangnya setiap suku tahun untuk membincangkan perkara berkaitan dengan kebajikan wanita, diskriminasi, keselamatan, rungutan atau isu berkaitan tempat kerja. Selepas itu, jawatankuasa wanita hendaklah memutuskan kekerapan mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah disediakan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja, dan tersedia kepada mereka.<br><br>Unit Pensijilan hendaklah menyemak minit mesyuarat dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Tindakan ini hendaklah didokumenkan. Sokongan bagi pengambilan minit hendaklah disediakan jika diminta oleh jawatankuasa. | 6.1.5 (C) Jawatankuasa gender disediakan khusus untuk meningkatkan kesedaran, mengenal pasti dan menangani isu-isu yang membimbangkan, serta peluang dan penambahbaikan untuk wanita. |
| | | | 6.6.4 Pekerja wanita hanya perlu menjalani ujian kehamilan apabila diberikan surat perintah yang sah. Pekerjaan alternatif bagi gaji yang setara hendaklah ditawarkan kepada wanita hamil. | 6.1.4 Ujian kehamilan tidak dilakukan sebagai langkah diskriminasi dan hanya dibenarkan apabila ia diamanahkan secara sah. Suatu alternatif pekerjaan yang bersamaan akan ditawarkan untuk wanita hamil. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.6.5 Keperluan pekerja yang hamil atau yang melahirkan dalam tempoh enam bulan sebelumnya, akan disediakan oleh Unit Pensijilan selepas perundingan dengan Jawatankuasa Kebajikan Wanita. | 6.5.3 Pengurusan telah menilai keperluan ibu-ibu baru, berunding dengan ibu-ibu baru, dan tindakan diambil untuk menangani keperluan yang telah dikenalpasti. |
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | Kriteria 6.7<br>Terdapat toleransi sifar terhadap Buruh Paksa dan Pemerdagangan Manusia. Prosedur pencegahan dan pemulihan sudah tersedia.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan merangkumi maklumat tentang keperluan negara berkenaan yuran perekrutan dan kos berkaitan, sekiranya terpakai. | 6.6 Tiada bentuk buruh paksa atau pemerdagangan buruh digunakan. | 6.7.1(C) Unit Pensijilan hendaklah membangunkan dan melaksanakan dasar dan prosedur tentang pencegahan dan pemulihan:<br>(a) Buruh Paksa dan pemerdagangan manusia;<br>(b) Sebarang pembayaran yang dilakukan oleh pekerja berkaitan proses perekrutan seperti yang ditakrifkan dalam prinsip Umum ILO dan garis panduan operasi bagi perekrutan adil dan takrifan bagi yuran perekrutan dan kos berkaitan (2019);<br>(c) Ikatan Hutang dan penahanan gaji.<br>Dasar dan prosedur ini hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada semua tahap Tenaga kerja, pembekal dan perekrut buruh dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | ~~PENUNJUK BARU~~ |
| | | | 6.7.2(C) Surat pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pasport, atau permit kerja hendaklah disimpan oleh Pekerja. Dokumen ini boleh diberikan kepada Unit Pensijilan atau mereka yang bertindak bagi pihak Unit Pensijilan, bagi tujuan pemprosesan undang-undang dan imigresen yang wajib dan hendaklah dikembalikan secepat mungkin. Tempat simpanan yang selamat bagi dokumen ini hendaklah disediakan kepada pekerja yang tinggal di penginapan yang disediakan oleh UoC dan hendaklah boleh diakses dengan bebas oleh Pekerja. | 6.6.1(C) Semua kerja adalah sukarela dan yang berikut adalah dilarang:<br>• **Penahanan dokumen pengenalan atau paspot**<br>• Pembayaran untuk yuran pekerjaan<br>• Penggantian Kontrak<br>• bekerja lebih masa tanpa sukarela<br>• Kurangnya kebebasan untuk pekerja meletak jawatan<br>• Penalti untuk penamatan pekerjaan<br>• Penindasan berhutang<br>• Menahan pembayaran gaji |
| | | | 6.7.3(C) Tiada ikatan hutang, penahanan gaji, dan potongan gaji kerana tidak mampu memenuhi sasaran kerja yang tidak adil. Ini termasuk perkara yang berikut:<br>i) Penangguhan (melebihi tarikh pembayaran yang dipersetujui dalam kontrak pekerjaan) atau tiada bayaran gaji, dan menyebabkan tunggakan gaji terkumpul;<br>ii) Penipuan dalam pengiraan dan pembayaran gaji, termasuk potongan gaji yang menyalahi undang-undang;<br>iii) Mewajibkan pekerja membayar deposit kepada unit pensijilan;<br>iv) Pendahuluan gaji dan pinjaman (dan kadar faedah berkaitan) yang melebihi had yang ditetapkan oleh undang-undang;<br>v) Yuran perekrutan dan kos berkaitan | 6.6.1(C) Semua kerja adalah sukarela dan yang berikut adalah dilarang:<br>• Penahanan dokumen pengenalan atau paspot<br>• Pembayaran untuk yuran pekerjaan<br>• Penggantian Kontrak<br>• bekerja lebih masa tanpa sukarela<br>• Kurangnya kebebasan untuk pekerja meletak jawatan<br>• Penalti untuk penamatan pekerjaan<br>• **Penindasan berhutang**<br>• **Menahan pembayaran gaji** |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.7.4(C) Kerja lebih masa adalah secara sukarela dan mematuhi Undang-undang Negara dan/atau tempatan. Jumlah waktu bekerja hendaklah membenarkan rehat dan tempoh cuti yang mencukupi semasa hari bekerja, seperti yang ditetapkan oleh Undang-undang Negara dan/atau tempatan, termasuk sekurang-kurangnya 24 jam cuti berturut-turut dalam setiap tempoh 7 hari. Apabila kerja ditawarkan pada hari cuti, pekerja hendaklah bekerja secara sukarela tidak melebihi 14 hari secara berterusan. | 6.6.1(C) Semua kerja adalah sukarela dan yang berikut adalah dilarang:<br>• Penahanan dokumen pengenalan atau paspot<br>• Pembayaran untuk yuran pekerjaan<br>• Penggantian Kontrak<br>• **bekerja lebih masa tanpa sukarela**<br>• Kurangnya kebebasan untuk pekerja meletak jawatan<br>• Penalti untuk penamatan pekerjaan<br>• Penindasan berhutang<br>• Menahan pembayaran gaji |
| | | | 6.7.5(C) Pekerja hendaklah mempunyai hak untuk memasuki dan menamatkan pekerjaan mereka dengan bebas, melalui notis, seperti yang ditetapkan dalam kontrak pekerjaan. Penalti kerana tidak mematuhi tempoh notis hanya boleh dikuat kuasa jika telah dipersetujui dalam kontrak pekerjaan. Tiada kontrak penggantian. Jika peraturan negara menghendaki lebih daripada satu kontrak untuk ditandatangani oleh pekerja, standard atau peruntukan yang lebih tinggi akan terpakai. | 6.6.1(C) Semua kerja adalah sukarela dan yang berikut adalah dilarang:<br>• Penahanan dokumen pengenalan atau paspot<br>• Pembayaran untuk yuran pekerjaan<br>• Penggantian Kontrak<br>• bekerja lebih masa tanpa sukarela<br>• **Kurangnya kebebasan untuk pekerja meletak jawatan**<br>• **Penalti untuk penamatan pekerjaan**<br>• Penindasan berhutang<br>• Menahan pembayaran gaji |
| | | | 6.7.6(C) Pekerja hendaklah bebas untuk meninggalkan premis kerja selepas tamat waktu bekerja mereka, dan bebas untuk masuk atau keluar dari tempat penginapan yang disediakan oleh Unit Pensijilan dengan sekatan yang munasabah berkaitan keselamatan dan sekuriti. | |
| | | | 6.7.7(C) Pekerja hendaklah mempunyai akses kepada pengangkutan dan/atau komunikasi (telefon, kad sim, kredit). Sekatan pengangkutan dan/atau komunikasi tidak boleh digunakan sebagai tindakan tatatertib. | |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.7.8(C) Unit Pensijilan tidak boleh mengutip secara langsung atau tidak sebarang pembayaran (ruj. 6.8.1 B) berkaitan perekrutan Pekerja, termasuk melalui potongan daripada gaji dan/atau manfaat. | 6.6.1(C) Semua kerja adalah sukarela dan yang berikut adalah dilarang:<br>• Penahanan dokumen pengenalan atau paspot<br>• **Pembayaran untuk yuran pekerjaan**<br>• Penggantian Kontrak<br>• bekerja lebih masa tanpa sukarela<br>• Kurangnya kebebasan untuk pekerja meletak jawatan<br>• Penalti untuk penamatan pekerjaan<br>• Penindasan berhutang<br>• Menahan pembayaran gaji |
| | | | 6.7.9(C) Penilaian usaha wajar hak asasi manusia tahunan bagi proses perekrutan dalaman dan pihak ketiga hendaklah dijalankan oleh UoC bagi mengenal pasti dan menangani kesan hak asasi manusia yang berpotensi kepada pekerja. Penilaian hendaklah dijalankan oleh kakitangan dalaman yang tidak terlibat dalam proses perekrutan atau oleh pihak ketiga. Penilaian hendaklah merangkumi proses untuk mengenal pasti dan memulihkan sebarang pembayaran (ruj. 6.8.1 B) yang dibayar oleh pekerja semasa proses perekrutan. | |
| | | | 6.7.10(C) UoC hendaklah menyimpan rekod pemulihan bagi kes buruh paksa atau buruh terikat, pemerdangan manusia, termasuk pembayaran balik mana-mana bayaran yang berkaitan perekrutan (ruj. 6.7.1) sehingga lima tahun dan semasa sebarang kes sedang dijalankan, mana-mana yang lebih lama. | |
| | | | 6.7.11 (C) Unit Pensijilan hendaklah menyimpan rekod Pekerja dan maklumat hubungan waris jika pekerjaan ditamatkan oleh mana-mana pihak sebelum proses pembayaran balik UoC. | |
| | | | 6.7.12(C) Pekerja aktif pada tarikh pengesahan Prinsip & Kriteria RSPO 2023 hendaklah dibayar balik bagi sebarang pembayaran (ruj: 6.8.1 b) yang dibuat semasa proses perekrutan berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh UoC mengikut kriteria minimum yang ditetapkan dalam Prosedur RSPO bagi pembayaran semula kos yang ditanggung oleh pekerja semasa perekrutan.<br>NOTA PROSEDUR: Sekretariat RSPO akan mengeluarkan prosedur pembayaran semula kos yang ditanggung oleh pekerja semasa perekrutan selewat-lewatnya 24 disember 2024, yang akan dilaksanakan dan pekerja dibayar balik dalam tempoh 6 bulan dari pengeluaran oleh Unit Pensijilan. | |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 6. Menghormati hak pekerja dan keadaan kerja yang selamat | 6.8 Unit Pensijilan hendaklah melaksanakan amalan kesihatan dan keselamatan untuk melindungi pekerja daripada penyakit, jangkitan dan kecederaan pekerjaaan. | 6.7 Unit pensijilan memastikan bahawa persekitaran bekerja di bawah kawalannya selamat dan tanpa risiko kesihatan.<br><br>3.6 Pelan kesihatan dan keselamatan pekerjaan (H&S) didokumenkan, disampaikan dengan berkesan dan dilaksanakan. | 6.8.1 (C) Dasar dan prosedur Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan. Dasar dan prosedur hendaklah merangkumi peruntukan berikut:<br><br>a) Menjamin tempat kerja yang selamat dan sihat;<br>b) Mencegah kecederaan dan penyakit berkaitan kerja;<br>c) Mewujudkan prosedur bagi Pekerja untuk melaporkan dan mengemukakan isu kesihatan dan keselamatan, termasuk kecederaan dan penyakit berkaitan kerja;<br>d) Mematuhi Undang-undang Negara dan CBA yang terpakai (sekiranya terpakai); dan<br>e) Peranan dan tanggungjawab Unit Pensijilan dan Pekerja berkaitan kesihatan dan keselamatan.<br><br>Dasar dan prosedur hendaklah Disediakan secara Umum dan disosialisasikan kepada semua tahap Tenaga kerja dan operasi dalam bahasa yang difahami oleh mereka. | |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.2(C) Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan (H&S) bagi kilang Unit Pensijilan dan estet mereka hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan. Jawatankuasa H&S hendaklah merangkumi ahli daripada pengurusan dan wakil pekerja termasuk Organisasi Pekerja dan kesatuan sekerja berdaftar. Senarai ahli jawatankuasa hendaklah didokumenkan. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun.<br><br>Unit Pensijilan hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara berikut yang diuruskan melalui Jawatankuasa H&S:<br><br>a) Isu kesihatan dan keselamatan di tempat kerja termasuk pemeriksaan keselamatan tapak kerja secara berkala, latihan dan penambahbaikan yang berterusan.<br>b) Menyemak Pengenalpastian Bahaya, *Penilaian Risiko* dan Kawalan Risiko (HIRARC), dengan perundingan bersama Pekerja<br>c) Pengenalpastian kawalan yang diperlukan untuk menyingkirkan bahaya<br>d) Pengenalpastian, penyimpanan selamat, pencampuran dan penggunaan bahan kimia, termasuk racun perosak di tempat kerja dan mewujudkan prosedur berdokumen bagi penyimpanan, pengendalian, pencampuran, penggunaan dan pembuangan bahan kimia yang selamat<br>e) Penambahbaikan berterusan sistem pengurusan untuk meningkatkan prestasi H&S<br>f) Bekerjasama dengan Jawatankuasa Kebajikan Wanita untuk menangani risiko kesihatan dan keselamatan tertentu bagi Pekerja wanita<br>g) Menilai kecukupan peti pertolongan cemas, kandungan, penyelenggaraan dan peletakan/lokasi peti tersebut.<br>Mesyuarat Jawatankuasa H&S hendaklah dijalankan dalam bahasa yang difahami oleh ahlinya. Minit mesyuarat dan aktiviti H&S hendaklah didokumenkan. Unit Pensijilan hendaklah menyemak minit mesyuarat *Jawatankuasa H&S* dan mengambil tindakan susulan sewajarnya yang perlu didokumenkan. | 6.7.1(C) Orang yang bertanggungjawab untuk Keselamatan & Kesihatan dikenalpasti. Terdapat rekod mesyuarat tetap antara orang yang bertanggungjawab dan pekerja. Kebimbangan semua pihak mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan dibincangkan dalam mesyuarat ini, dan apa-apa isu yang dibangkitkan dicatatkan.<br><br>7.2.11 (C) Tiada kerja yang melibatkan racun makhluk perosak dilakukan oleh orang yang berumur di bawah 18 tahun, wanita hamil atau menyusukan atau orang lain yang mempunyai batasan perubatan dan mereka ditawarkan pekerjaan alternatif yang setara |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.3(C) Pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC) hendaklah dijalankan di kilang dan estet Unit Pensijilan untuk mengenal pasti isu kesihatan dan keselamatan termasuk impak khusus jantina (cth. impak racun perosak terhadap kesihatan pembiakan dan wanita hamil, Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) bagi pekerjaan tertentu yang sesuai). HIRARC hendaklah dijalankan oleh kakitangan yang telah dilatih dalam penilaian HIRARC sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lalu. | 3.6.1 (C) Risiko semua operasi dinilai untuk mengenal pasti isu-isu H&S. Pelan dan prosedur mitigasi didokumen dan dilaksanakan. |
| | | | 6.8.4(C) Amalan pengurangan risiko dan tindakan pembetulan ("Pelan H&S") hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan mengikut perundingan bersama Pekerja bagi kilang dan estet berdasarkan HIRARC Unit Pensijilan. Pelan H&S hendaklah dipantau dan disemak secara tahunan, termasuk kesan pelan tersebut kepada kadar kemalangan dan kehilangan masa kerja. | 3.6.1 (C) Risiko semua operasi dinilai untuk mengenal pasti isu-isu H&S. Pelan dan prosedur mitigasi didokumen dan dilaksanakan.<br>3.6.2 (C) Keberkesanan pelan H&S untuk menangani risiko kesihatan dan keselamatan kepada orang ramai dipantau. |
| | | | 6.8.5 Latihan tentang prosedur kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang khusus kerja yang dikemas kini dan asas pertolongan cemas hendaklah diberikan kepada Pekerja. Senarai latihan yang disediakan secara tahunan hendaklah didokumenkan. | |
| | | | 6.8.6 Peruntukan perubatan (cth. peti pertolongan cemas asas) dengan tarikh luput yang sah hendaklah disediakan di stesen kerja, dan boleh diakses oleh Pekerja pada setiap masa. | 6.7.4 Semua pekerja disediakan dengan rawatan perubatan dan dilindungi dengan Insurans kemalangan. Kos yang ditanggung dari insiden berkaitan pekerjaan yang membawa kepada kecederaan atau penyakit adalah dilindungi mengikut undang-undang negara atau oleh unit persijilan jika undang-undang negara tidak menawarkan perlindungan. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.7(C)<br>a) PPE yang sesuai dan secukupnya hendaklah disediakan secara percuma kepada semua Pekerja (termasuk pekerja sementara dan bermusim) berdasarkan penilaian HIRARC.<br>b) PPE hendaklah sesuai dengan saiz badan Pekerja dan aktiviti yang dijalankan (pencampuran, penggunaan, pembersihan bekas).<br>c) Pekerja hendaklah dimaklumkan tentang ketersediaan PPE, penggunaan dan penyelenggaraannya melalui latihan.<br>d) Jangka hayat bagi PPE yang disediakan hendaklah direkodkan dan PPE yang telah tamat tempoh tidak boleh digunakan.<br>e) Jika terdapat keperluan untuk PPE itu diganti, penggantian hendaklah diberikan secara percuma dan tepat pada masanya.<br>f) Kemudahan sanitasi bagi pekerja yang menggunakan racun perosak disediakan, supaya mereka dapat menukar PPE, membersihkan diri dan memakai pakaian peribadi mereka. | 6.7.3 (C) Pekerja menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang sesuai (PPE), yang disediakan secara percuma kepada semua pekerja di tempat kerja yang merangkumi semua operasi berpotensi berbahaya, seperti aplikasi racun perosak, operasi mesin, penyediaan tanah, dan penuaian. Kemudahan sanitasi untuk mereka yang menggunakan racun perosak disediakan, agar pekerja dapat menyalin dari PPE, membersihkan badan dan memakai pakaian peribadi mereka. |
| | | | 6.8.8 Kebolehcapaian kemudahan sanitasi kepada pekerja hendaklah dinilai oleh Unit Pensijilan, dengan perundingan bersama wakil pekerja. Keperluan mana-mana kemudahan sanitasi mengikut perundingan tersebut hendaklah dikekalkan dan memastikan akses selamat kepada pekerja. | 6.7.3 (C) Pekerja menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang sesuai (PPE), yang disediakan secara percuma kepada semua pekerja di tempat kerja yang merangkumi semua operasi berpotensi berbahaya, seperti aplikasi racun perosak, operasi mesin, penyediaan tanah, dan penuaian. **Kemudahan sanitasi untuk mereka yang menggunakan racun perosak disediakan, agar pekerja dapat menyalin dari PPE, membersihkan badan dan memakai pakaian peribadi mereka.** |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.9 Prosedur Tindakan Kecemasan (ERP) hendaklah ditubuhkan mengikut penilaian risiko yang dijalankan oleh Unit Pensijilan. ERP hendaklah disediakan dan disosialisasikan kepada Tenaga kerja dalam bahasa yang difahami oleh mereka. ERP hendaklah merangkumi:<br>a) Penubuhan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) yang terlatih dalam pertolongan cemas, respons kecemasan hidupan liar dan respons kecemasan bahan kimia di ladang dan operasi lain.<br>b) Butiran hubungan kakitangan yang bertanggungjawab untuk kecemasan.<br>c) Butiran hubungan dan alamat kemudahan perubahan yang terdekat (dispensari, pengamal perubatan).<br><br>Prosedur Tindakan Kecemasan hendaklah disemak secara tahunan dan semakan ini didokumenkan. | 6.7.2 Prosedur kemalangan dan kecemasan disediakan dan arahannya jelas difahami oleh semua pekerja. Prosedur kemalangan boleh didapati dalam bahasa yang bersesuaian dengan tenaga kerja. Terdapat kakitangan yang dilatih dalam pertolongan cemas dalam lapangan dan kawasan operasi lain, dan peralatan pertolongan cemas tersedia di tempat kerja. Rekod semua kemalangan disimpan dan disemak semula secara berkala.<br><br>6.7.4 Semua pekerja disediakan dengan rawatan perubatan dan dilindungi dengan Insurans kemalangan. Kos yang ditanggung dari insiden berkaitan pekerjaan yang membawa kepada kecederaan atau penyakit adalah dilindungi mengikut undang-undang negara atau oleh unit persijilan jika undang-undang negara tidak menawarkan perlindungan. |
| | | | 6.8.10 Pengawasan perubatan tahunan bagi Pekerja yang mengendalikan racun perosak hendaklah disediakan oleh Unit Pensijilan secara percuma. Tindakan untuk merawat penyakit kesihatan yang berkaitan (jika ada) hendaklah didokumenkan. | 7.2.10 (C) Pengawasan perubatan khusus tahunan untuk pengendali racun perosak, dan tindakan yang didokumen untuk merawat keadaan kesihatan yang berkaitan, ditunjukkan. |
| | | | 6.8.11 Kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan hendaklah direkod menggunakan metrik Kemalangan Masa Hilang (LTA). Proses untuk menyiasat insiden berkaitan pekerjaan hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. Laporan penyiasatan hendaklah didokumenkan. Dapatan daripada penyiasatan dihantar kepada Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan untuk tujuan pengemaskinian Pelan Kesihatan dan Keselamatan. Kos yang ditanggung daripada insiden berkaitan pekerjaan yang menyebabkan kecederaan atau penyakit, hendaklah ditanggung oleh Unit Pensijilan mengikut Undang-undang Negara. | 6.7.5 Kecederaan pekerjaan direkodkan menggunakan metrik Kemalangan Masa Hilang (LTA).<br><br>6.7.4 Semua pekerja disediakan dengan rawatan perubatan dan dilindungi dengan Insurans kemalangan. Kos yang ditanggung dari insiden berkaitan pekerjaan yang membawa kepada kecederaan atau penyakit adalah dilindungi mengikut undang-undang negara atau oleh unit persijilan jika undang-undang negara tidak menawarkan perlindungan. |

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.12(C) Racun perosak hanya dikendalikan, digunakan atau diberikan oleh individu yang telah melengkapkan latihan yang diperlukan dan sentiasa digunakan mengikut label produk. Semua langkah berjaga-jaga yang dilampirkan dengan produk diteliti, digunakan dan difahami dengan sepenuhnya oleh pekerja. Kakitangan yang memberikan racun perosak menunjukkan pemahaman dan pengetahuan tentang kemas kini terbaharu bagi aktiviti yang ditugaskan kepada mereka. | 7.2.6 (C) Racun serangga hanya dikendalikan, digunakan atau di aplikasi oleh orang yang telah menjalani latihan yang diperlukan dan sentiasa digunakan mengikut label produk. Segala langkah berjaga-jaga yang dilampirkan keatas produk itu dipatuhi, di aplikasi, dan difahami oleh pekerja (lihat Kriteria 3.6). Pekerja yang menggunakan racun perosak mesti menunjukkan bukti tentang kemaskini teratur tentang pengetahuan aktiviti yang mereka lakukan. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.1 Unit Pensijilan hendaklah melaksanakan pengurusan perosak bersepadu untuk mencegah atau mengurangkan, penggunaan racun perosak. Unit Pensijilan tidak boleh menggunakan racun perosak yang 'dilarang'. Jika racun perosak digunakan, Unit Pensijilan hendaklah mencegah, mengurangkan dan/atau membaiki kerosakan kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.<br><br>Penggunaan Agen Kawalan Biologi (BCA) ialah pilihan utama bagi pengurusan perosak.<br><br>*Interpretasi Nasional akan menentukan kawalan, langkah (amalan terbaik) dan ambang yang dikawal selia oleh negara dan/atau yang khusus industri, seperti:<br>i) racun perosak kimia yang dilarang; racun perosak kimia yang dikawal;<br>ii) penggunaan agen kawalan biologi<br>iii) penggunaan profilaktik<br>iv) Penyemburan dari udara;<br>v) pengawasan perubatan | 7.1 Perosak, penyakit, rumpai dan spesis invasif yang diperkenalkan dikendalikan dengan berkesan menggunakan teknik Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) yang bersesuaian.<br><br>7.2 Racun perosak digunakan dalam cara yang tidak membahayakan kesihatan pekerja, keluarga, komuniti atau persekitaran.<br><br>[Alihkan kedua-dua kriteria - membawa kepada pengurusan racun perosak] | 7.1.1(C) Pengurusan perosak bersepadu hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan untuk mencegah, atau mengurangkan, kekerapan, had dan jumlah penggunaan racun perosak, dan akibat daripada tidak menggunakan dan pengurangan secara keseluruhan dalam penggunaan. Risiko alam sekitar yang berkaitan dengan penggunaan Agen Kawalan Biologi hendaklah dinilai secara tahunan dan, jika diperlukan, pelan pengurangan hendaklah dibangunkan. | 7.1.1(C) Pelan IPM dilaksanakan dan dipantau untuk memastikan kawalan perosak yang berkesan<br><br>7.2.3(C) Sebarang penggunaan racun perosak dikurangkan sebagai sebahagian daripada pelan, dihapuskan jika boleh, selaras dengan pelan IPM. |
| | | | 7.1.2(C) Racun perosak yang dikelaskan sebagai amat berbahaya (Kelas 1A) dan sangat berbahaya (Kelas 1B) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, konvensyen Stockholm dan Rotterdam, paraquat dan peraturan negara tidak boleh digunakan, disimpan di kawasan yang dikawal.<br>Sekiranya digunakan untuk wabak makhluk perosak dengan bukti dan justifikasi yang kukuh (iaitu, tiada alternatif lain); kebenaran pihak kerajaan perlu didapatkan dan pelan penggunaan dan pengurusan yang teliti untuk mencegah dan mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. | 7.2.5 Racun perosak yang dikategorikan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Rotterdam, dan paraquat, tidak digunakan, melainkan dalam keadaan yang luar biasa, seperti yang disahkan oleh proses usaha wajar, atau apabila diberi kuasa oleh pihak berkuasa kerajaan untuk wabak perosak.<br>Usaha wajar merujuk kepada:<br>a) Pertimbangan ancaman dan mengesahkan mengapa ia adalah ancaman utama<br>b) Mengapa tiada alternatif lain yang boleh digunakan<br>c) Proses apakah yang digunakan untuk mengesahkan mengapa tiada alternatif lain yang kurang berbahaya<br>d) Apakah proses untuk menghadkan kesan negatif penggunaan itu<br>e) Anggaran skala masa penggunaan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadkan penggunaan kepada wabak yang khusus. |
| | | | 7.1.3 Rekod penggunaan racun perosak disimpan, termasuk nama dagang, bahan aktif, kuantiti bahan aktif yang digunakan, tempoh penggunaan, lokasi dan kawasan penggunaan serta alasan penggunaan. | 7.2.1(C) Justifikasi untuk semua racun perosak yang digunakan ditunjukkan. Produk yang terpilih dan kaedah aplikasi yang spesifik kepada perosak sasaran, rumpai atau penyakit adalah diberi keutamaan.<br><br>7.2.2(C) Rekod penggunaan racun perosak (termasuk bahan aktif yang digunakan dan LD50 mereka, kawasan yang dirawat, jumlah bahan aktif yang digunakan setiap ha dan bilangan aplikasi) disediakan.<br><br>7.4.4 Rekod input baja disenggara. |
| | | | 7.1.4 Tiada penggunaan racun perosak secara profilaksis. Jika penggunaan dibenarkan oleh peraturan negara, bukti tersedia tentang penggunaan dan pengurusan seperti yang dikenal pasti dalam peraturan negara dan/atau garis panduan amalan terbaik. | 7.2.4 Tiada penggunaan racun perosak secara propalaktik, melainkan dalam keadaan yang luar biasa, seperti yang dikenal pasti dalam garis panduan amalan terbaik kebangsaan. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.1.5(C) Unit Pensijilan tidak boleh melancarkan penyemburan racun perosak dari udara, melainkan dalam keadaan yang luar biasa, iaitu tiada alternatif lain yang boleh digunakan. Apabila penyemburan dari udara tidak boleh dielakkan, kelulusan awal daripada pihak berkuasa kerajaan diperoleh dan maklumat terperinci tentang penyemburan dari udara hendaklah diberikan kepada komuniti tempatan yang terjejas sekurang-kurangnya 48 jam sebelum penggunaan penyemburan dari udara. | 7.2.9(C) Penyemburan udara racun perosak adalah dilarang, melainkan dalam keadaan luar biasa jika tiada alternatif lain yang boleh digunakan. Ini memerlukan kelulusan awal dari pihak berkuasa kerajaan. Semua maklumat yang berkaitan diberikan kepada komuniti tempatan yang terjejas sekurang-kurangnya 48 jam sebelum aplikasi penyemburan udara. |
| | | | 7.1.6 Penggunaan spesies yang dirujuk dalam Pangkalan Data Spesies Invasif Global dan/atau CABI.org dan/atau di bawah peraturan negara, sebagai agen kawalan biologi, adalah dilarang.<br>Jika spesies yang dirujuk dalam Pangkala Data Spesies Invasif Global, yang tidak dilarang di bawah peraturan negara, digunakan; Unit Pensijilan hendaklah menunjukkan pematuhan terhadap protokol saintifik yang diterima di peringkat antarabangsa atau peraturan/panduan/amalan negara. | 7.1.2 Spesies yang dirujuk dalam Pangkalan Data Spesies Invasif Global dan CABI. org tidak akan digunakan di kawasan yang diurus, melainkan jika pelan untuk mencegah dan memantau penyebaran mereka dilaksanakan. |
| | | | 7.1.7 Pembakaran terbuka bagi kawalan makhluk perosak adalah dilarang.<br>Dalam keadaan luar biasa yang api perlu digunakan untuk mengawal makhluk perosak dan penyakit, Unit Pensijilan hendaklah memberikan bukti kelulusan awal daripada pihak berkuasa kerajaan dan melaksanakan pelan untuk mencegah, mengurangkan dan/atau membaiki kerosakan terhadap alam sekitar. | 7.1.3 Tiada penggunaan api untuk kawalan perosak melainkan keadaan luar biasa, iaitu di mana tiada kaedah lain yang berkesan wujud, dan dengan kelulusan pihak berkuasa kerajaan terlebih dahulu. [Untuk NI menentukan proses] |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.2 Unit Pensijilan hendaklah mengamalkan Konsep 3R (Pengurangan-Guna semula-Kitar semula) untuk mengurangkan sisa yang terhasil daripada operasi pengeluaran minyak sawit (proses perladangan dan pengilangan). Unit Pensijilan hendaklah melupuskan sisa dalam cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial.<br><br>*Interpretasi Nasional akan menentukan kawalan, langkah (amalan terbaik) dan ambang yang dikawal selia oleh negara dan/atau yang khusus industri, seperti: | 7.3 Sisa dikurangkan, dikitar semula, digunakan semula dan dilupuskan dengan cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial. | 7.2.1(C) Pembakaran terbuka sebagai langkah untuk melupuskan sisa dan pelupusan sisa secara langsung ke dalam saluran air adalah dilarang. | 7.3.3 Unit pensijilan tidak menggunakan pembakaran terbuka untuk pelupusan sisa. |
| | | | 7.2.2 Pelan pengurusan sisa untuk meminimumkan dan mengurangkan sisa yang terhasil daripada aktiviti operasi dan bukan operasi oleh Unit Pensijilan hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan.<br>Pelan tersebut hendaklah merangkumi pengenalpastian sisa bahaya dan tidak bahaya (termasuk sisa domestik, pepejal dan cecair). | 7.3.1 Pelan pengurusan sisa termasuk pengurangan, kitar semula, menggunakan semula dan pelupusan berdasarkan ketoksikan dan ciri-ciri berbahaya, didokumenkan dan dilaksanakan. |
| | | | 7.2.3 Sistem pemantauan untuk memantau dan mengesan sumber dan kuantiti, serta jenis sisa yang dihasilkan (terutamanya plastik) dan aktiviti yang diperiksa untuk mengenal pasti peluang pengurangan sisa hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. | PENUNJUK BARU |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | industri, seperti:<br>i) pengurusan sisa yang termasuk pemprosesan, penyimpanan dan pelupusan<br>ii) pengurusan sisa pepejal atau penggunaan berpotensi (khususnya bagi penggunaan dan pelupusan Plastik)<br>iii) senarai sisa berbahaya dan tidak berbahaya yang lazim daripada proses perladangan dan pengilangan<br>iv) pengitaran semula dan penggunaan semula nutrien, menguruskan kolam efluen, meningkatkan kecekapan pengekstrakan kilang dan pelupusan sisa yang sesuai<br>v) jenis pelupusan yang tidak diterima | | 7.2.4 Unit Pensijilan hendaklah membangunkan dan melaksanakan strategi kitar semula nutrien, yang merangkumi pengitaran semula Buah Tandan Kosong (EFB), Efluen Kilang Minyak Sawit (POME), sisa sawit dan penggunaan baja bukan organik yang optimum. | 7.4.3 Strategi kitar semula nutrien diadakan, termasuk pengitaran semula Tandan Buah Kosong (EFB), Cecair dari Kilang Kelapa Sawit(POME), sisa kelapa sawit dan penggunaan optimum baja bukan organik. |
| | | | 7.2.5 Unit Pensijilan hendaklah menunjukkan bahawa pekerja mempunyai latihan yang khusus pekerjaan untuk melaksanakan aktiviti yang dirancang mengikut Pelan Pengurusan Sisa. | 7.3.2 Pelupusan bahan buangan yang betul, mengikut prosedur yang ada difahami sepenuhnya oleh pekerja dan pengurus, ditunjukkan. |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.3 Unit Pensijilan hendaklah mencegah impak negatif terhadap tanah (hakisan dan degradasi tanah) melalui pengelakan penanaman di rupa bumi curam, tanah marginal dan tanah rapuh, dan mengamalkan amalan untuk meminimumkan dan mengawal hakisan dan degradasi tanah.<br><br>*Interpretasi Nasional akan menentukan kawalan, langkah (amalan terbaik) dan ambang yang dikawal selia oleh negara dan/atau yang khusus industri, seperti had cerun, penyenaraian jenis tanah (marginal dan/atau rapuh) tentang penanaman yang perlu dielakkan, atau bahagian kawasan ladang yang dibenarkan. | 7.5 Amalan meminimumkan dan mengawal hakisan dan degradasi tanah.<br><br>7.6 Kajian tanah dan maklumat topografi digunakan untuk penubuhan dan perancangan tapak penanaman baru, dan keputusannya dimasukkan ke dalam pelan dan operasi. | 7.3.1(C) Kawasan rupa bumi curam, dan tanah marginal dan tanah rapuh hendaklah dikenal pasti dan dipetakan. | 7.5.1(C) Peta mengenal pasti tanah yang di pinggiran dan rapuh, termasuk medan curam, boleh didapat |
| | | | | 7.6.1(C) Untuk menunjukkan kesesuaian jangka panjang tanah penanaman kelapa sawit, peta tanah atau tinjauan tanah yang mengenal pasti tanah yang dipinggiran dan rapuh, termasuk kawasan yang curam, diambil kira dalam perancangan dan operasi. |
| | | | 7.3.2(C) Tiada penanaman dan/atau pembangunan baharu di rupa bumi curam. | 7.5.3 Tiada penanaman baru kelapa sawit di kawasan curam. |
| | | | 7.3.3 Penanaman dan/atau pembangunan baharu di tanah marginal dan/atau tanah rapuh perlu dielakkan. Jika penanaman terhad di tanah marginal dan tanah rapuh dicadangkan, Unit Pensijilan hendaklah membangunkan dan melaksanakan pelan untuk mencegah impak negatif. Pelan tersebut hendaklah merangkumi kawalan (amalan terbaik) dan ambang tertentu yang dikawal selia oleh negara seperti yang dikenal pasti dalam Interpretasi Nasional (NI). | 7.6.2 Penanaman yang luas di tanah-tanah pinggiran dan rapuh, dielakkan, atau, jika perlu, dilakukan mengikut amalan terbaik pelan pengurusan tanah. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | Interpretasi Nasional juga akan menyertakan takrifan 'penanaman ekstensif', 'tanah marginal', 'tanah rapuh' dan 'cerun curam'. | | 7.3.4(C) Unit Pensijilan hendaklah mengelakkan penanaman semula di rupa bumi curam, tanah marginal dan tanah rapuh.<br>Jika penanaman semula terhad di rupa bumi curam dan/atau penanaman semula terhad di tanah marginal dan tanah rapuh berlaku, Unit Pensijilan hendaklah memastikan aktiviti penanaman semula dijalankan mengikut amalan pengurusan tanah yang terbaik. | 7.5.2 Tiada penanaman semula kelapa sawit di kawasan yang curam. |
| | | | 7.3.5 Tinjauan tanah dan maklumat topografi menunjukkan perancangan sistem perparitan dan pengairan, jalan dan infrastruktur lain dalam Unit Pensijilan. | 7.6.3 Kajian tanah dan maklumat topografi akan menjadi panduan perancangan sistem perparitan dan pengairan, jalan raya dan infrastruktur lain. |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.4 Unit Pensijilan hendaklah melarang pembersihan tanah di atas tanah gambut, tanpa mengira kedalaman, selepas 15 November 2018. Semua penanaman di atas tanah gambut (sebelum 15 November 2018) diuruskan dengan bertanggungjawab dan tanah gambut yang tiada tanaman dilindungi dan diuruskan dengan bertanggungjawab.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan menentukan takrifan kebangsaan bagi tanah gambut, dan kawalan (amalan terbaik) dan ambang tertentu yang dikawal selia oleh negara bagi aktiviti di atas tanah gambut. | 7.7 Tiada penanaman baru di tanah gambut, tanpa mengambilkira kedalamannya, selepas 15 November 2018 dan semua tanah gambut diuruskan secara bertanggungjawab. | 7.4.1(C) Tiada penanaman dan/atau pembangunan baharu boleh dilakukan di atas tanah gambut, tanpa mengira kedalaman, selepas 15 November 2018. | 7.7.1(C) Tiada penanaman baru di gambut tidak kira tahap kedalamannya, selepas 15 November 2018 di kawasan pembangunan sedia ada dan baru. |
| | | | 7.4.2 Unit Pensijilan hendaklah memetakan dan membuat inventori bagi semua kawasan tanah gambut (ditanam atau tidak) mengikut Prosedur RSPO bagi Inventori Tanah Gambut. Unit Pensijilan hendaklah menyediakan peta kepada Sekretariat (melalui CB) tentang pensijilan awal dan pensijilan semula. | 7.7.2 Kawasan tanah gambut dalam kawasan yang diuruskan telah diinventori, didokumenkan dan dilaporkan (berkuatkuasa dari 15 November 2018) kepada Sekretariat RSPO.<br>NOTA PROSEDUR: Peta dan dokumentasi lain tentang tanah gambut disediakan dan dikongsi bersama selaras dengan panduan audit RSPO Peatland Working Group (PLWG) (lihat Nota Prosedur untuk 7.7.5 di bawah). |
| | | | 7.4.3(C) Sebarang aktiviti yang mungkin menganggu integriti atau hidrologi termasuk pembinaan baharu longkang, jalan, empangan, ban, tetambak dan/atau talian kuasa, di atas tanah gambut terpencil yang tidak ditanam adalah dilarang. | 7.7.7(C) Semua kawasan yang tidak di tanam dan diasingkan bagi kawasan tanah gambut (tidak kira tahap kedalamannya) dilindungi sebagai “kawasan konservasi gambut”; perparitan baru, bangunan jalan dan talian kuasa oleh unit pensijilan di tanah gambut adalah dilarang; tanah gambut dikendalikan selaras dengan ‘BMP RSPO untuk Pengurusan dan Pemulihan Tanaman Semula Jadi yang Berkaitan dengan Penanaman Kelapa Sawit di Gambut’, versi 2 (2018) dan panduan audit berkaitan. |
| | | | 7.4.4(C) Unit Pensijilan hendaklah melindungi dan menguruskan semua tanah gambut terpencil (yang tidak ditanam), mengikut Manual RSPO tentang BMP bagi Pengurusan dan Pemulihan Tanah Gambut. | |
| | | | 7.4.5 Jika langkah pencegahan kebakaran di kawasan tanah gambut diperlukan, sebarang aktiviti yang menganggu tanah gambut hendaklah dilakukan dengan mengikuti sepenuhnya peraturan negara. Contoh bagi langkah pencegahan kebakaran adalah kolam pembinaan, penyekat kebakaran dan laluan masuk untuk memadam kebakaran. | |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.4.6(C) Untuk menentukan kelestarian penanaman semula di atas tanah gambut, Unit Pensijilan hendaklah menjalankan penilaian drainabiliti bagi kelapa sawit yang ditanam di atas tanah gambut sekurang-kurangnya 15 tahun selepas penanaman awal (kitaran pertama) dengan laporan DAP yang diluluskan.<br>Bagi kitaran seterusnya penanaman semula di atas tanah gambut, penilaian drainabiliti hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya lima tahun sebelum penanaman semula dengan laporan DAP yang diluluskan.<br><br>Penilaian hendaklah dijalankan mengikut Prosedur Penilaian Drainabiliti RSPO. | 7.7.5(C) Bagi ladang-ladang yang ditanam di atas gambut, penilaian drainabiliti dijalankan mengikut Prosedur Penilaian Drainabiliti RSPO, atau kaedah lain yang diiktiraf oleh RSPO, sekurang-kurangnya lima tahun sebelum penanaman semula. Hasil penilaian digunakan untuk menetapkan jangka masa untuk penanaman semula di masa hadapan, serta untuk perancangan menghentikan penanaman kelapa sawit sekurang-kurangnya 40 tahun, atau dua kitaran, yang mana lebih besar, sebelum mencapai batasan penenggelaman semulajadi graviti gambut. Apabila kelapa sawit dimansuhkan, ia digantikan dengan tanaman yang bersesuaian untuk jadual air yang lebih tinggi (paludikultur) atau dipulihkan dengan tumbuh-tumbuhan semulajadi. |
| | | | 7.4.7 Jika keputusan penilaian menunjukkan fasa pemberhentian penanaman kelapa sawit, sekurang-kurangnya 40 tahun, atau dua kitaran, mana-mana yang lebih lama, sebelum mencapai had drainabiliti graviti semula jadi bagi tanah gambut, Unit pensijilan hendaklah mempunyai pelan untuk menggantikan dengan tanaman yang sesuai bagi kawasan muka air tanah yang lebih tinggi (paludikultur) atau dipulihkan dengan vegetasi semula jadi. | |
| | | | 7.4.8(C) Unit Pensijilan hendaklah menguruskan semua ladang sedia ada di atas tanah gambut mengikut peraturan negara, berpandukan Manual RSPO tentang Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) untuk Penanaman Kelapa Sawit sedia ada di Tanah Gambut.<br><br>Jika tiada peraturan negara, semua ladang sedia ada di atas tanah gambut hendaklah diuruskan mengikut Manual RSPO tentang Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) bagi Penanaman Kelapa Sawit sedia ada di Tanah Gambut. | 7.7.6(C) Semua penanaman sedia ada di gambut diuruskan mengikut ‘Manual RSPO mengenai Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) untuk penanaman kelapa sawit sedia ada di gambut ‘, versi 2 (2018) dan panduan audit berkaitan. |
| | | | 7.4.9 Sistem pemantauan dan pengurusan bagi penanaman sedia ada di tanah gambut hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan.<br>Perkara berikut hendaklah didokumenkan dan disediakan:<br>(a) sisa tanah gambut,<br>(b) pengurusan paras air dan<br>(c) pengurusan penutup bumi. (Pautan ke 7.4.8) | 7.7.3(C) Mendapan tanah gambut dipantau, didokumenkan dan diminimumkan.<br>7.7.4(C) Pengurusan air dan tanaman penutup tanah di dokumenkan dan tersedia. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.5 Unit Pensijilan hendaklah menunjukkan usaha untuk mengekalkan kualiti dan ketersediaan permukaan dan air bawah tanah; serta mengurangkan dan memulihkan perkara yang terjadi.<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan menentukan kawalan, langkah (amalan terbaik) dan ambang yang dikawal selia oleh negara dan/atau yang khusus industri, seperti:<br>i) Garis panduan atau standard pembuangan POME<br>ii) Saiz dan lokasi serta kaedah pemulihan jalur riparian atau tahap larian maksimum yang diterima<br>iii) Perlindungan riparian dan/atau penimbal parit, kelebaran (m) minimum penimbal<br>iv) Mencegah impak negatif daripada pembinaan dan penyelenggaraan jalan dll | 7.8 Amalan mengekalkan kualiti dan ketersediaan permukaan dan air bawah tanah. | 7.5.1(C) Pelan pengurusan air untuk mencegah impak negatif kepada pengguna lain di kawasan tadahan; dan menggalakkan penggunaan sumber air yang lebih cekap dan ketersediaan yang berterusan hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan.<br><br>Pelan pengurusan air hendaklah:<br>• Bertujuan untuk memastikan kecekapan penggunaan dan ketersediaan semula sumber;<br>• *Perlindungan terhadap saluran air semula jadi, riparian dan zon penimbal lain* (Pautan ke 7.6.2);<br>• Mengekalkan corak hidrologi semula jadi dan aliran sungai;<br>• Memastikan penggunaan dan pengurusan air oleh operasi tidak memberi impak buruk kepada penggunaan lain dalam kawasan tadahan, termasuk komuniti tempatan dan pengguna air biasa (Pautan ke 3.2);<br>• Mengelakkan pencemaran pada permukaan dan air bawah tanah melalui larian tanah, nutrien atau bahan kimia, atau hasil daripada *pelupusan air* yang tidak wajar (Pautan ke 7.3.3) termasuk Efluen Kilang Minyak Sawit (POME). | 7.8.1(C) Pelan pengurusan air diadakan dan dilaksanakan untuk mempromosikan penggunaan sumber air yang lebih cekap dan ketersediaan yang berterusan dan untuk mengelakkan kesan negatif terhadap pengguna lain dalam tadahan. Pelan tersebut akan menangani perkara-perkara berikut:<br>a) Unit pensijilan tidak menyekat akses kepada air bersih atau menyumbang kepada pencemaran air yang digunakan oleh masyarakat<br>b) Pekerja mempunyai akses yang mencukupi untuk air bersih. |
| | | | 7.5.2(C) Saluran air semula jadi, riparian dan zon penimbal lain hendaklah dilindungi dan dikekalkan selaras dengan peraturan/garis panduan negara, berpandukan Manual RSPO tentang BMP untuk Pengurusan dan Pemuliharan Rizab Riparian.<br><br>Jika tiada peraturan/garis panduan negara, Manual RSPO tentang BMP untuk Pengurusan dan Pemuliharan Rizab Riparian hendaklah dipatuhi. | 7.8.2(C) Jalan air dan kawasan paya dilindungi, termasuk mengekalkan dan memulihkan zon riparian dan lain-lain zon pemampan selaras dengan ‘Manual RSPO mengenai BMP untuk pengurusan dan pemulihan rizab riparian’ (April 2017). |
| | | | 7.5.3 Jika saluran air semula jadi, riparian dan zon penimbal lain telah rosak disebabkan oleh aktiviti terdahulu, satu pelan bagi aktiviti pemulihan hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. | PENUNJUK BARU |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.5.4(C) Unit Pensijilan hendaklah merawat efluen kilang Minyak Sawit (POME) sebelum pembuangan ke saluran air mengikut peraturan negara. Unit Pensijilan hendaklah membangunkan pelan pemantauan untuk merekod dan memantau had parameter bagi pembuangan POME.<br><br>Jika tiada peraturan negara, Permintaan Oksigen Biokimia (BOD) bagi pembuangan kilang hendaklah direkodkan dan dipantau; dan BoD pembuangan kilang yang memasuki saluran air, tanah lembap dan badan air hendaklah berada di bawah 50 mg O2 setiap liter. | 7.8.3 Kumbahan kilang dirawat mengikut peraturan kebangsaan. Kualiti pelepasan kumbahan kilang, khususnya Permintaan Oksigen Biokimia (BOD), sentiasa dipantau. |
| | | | 7.5.5 Unit Pensijilan hendaklah memantau dan merekod penggunaan air dalam proses pengilangan minyak sawit. Unit Pensijilan hendaklah membangunkan dan melaksanakan pelan untuk menambah baik kecekapan penggunaan air. | 7.8.4 Penggunaan air kilang setiap tan FFB dipantau dan direkodkan. |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.6 Unit Pensijilan hendaklah menunjukkan usaha dalam mengurangkan penggunaan bahan api fosil melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharu yang optimum | 7.9 Kecekapan penggunaan bahan api fosil dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dioptimumkan. | 7.6.1 Pelan untuk meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api fosil serta meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu telah tersedia, dipantau dan dilaporkan. | 7.9.1 Pelan untuk meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api fosil dan untuk mengoptimumkan tenaga boleh diperbaharui disediakan, dipantau dan dilaporkan. |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.7 Unit Pensijilan hendaklah menunjukkan usaha untuk meminimumkan dan mengurangkan pelepas gas rumah hijau (GHG) yang berkaitan dengan aktiviti sedia ada dan pembangunan baharu. | 7.10 Pelan untuk mengurangkan pencemaran dan pelepasan, termasuk gas rumah hijau (GHG), dibangunkan, dilaksanakan dan dipantau dan perkembangan baru direka untuk mengurangkan pelepasan GHG | 7.7.1(C) Pelepasan GHG dikenal pasti dan dinilai bagi unit pensijilan. Pelan untuk meminimumkan pelepasan GHG dilaksanakan, dipantau melalui pengiraan GHG sawit dengan sasaran pengurangan Syarikat dan dilaporkan pada umum. | 7.10.1(C) Pelepasan GHG dikenalpasti dan dinilai untuk unit pensijilan. Pelan untuk mengurangkan atau meminimumkannya dilaksanakan, dipantau melalui kalkulator GHG Palm dan dilaporkan kepada awam. |
| | | | 7.7.2(C) Unit Pensijilan hendaklah meminimumkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) bagi pembangunan baharu melalui penilaian sumber yang berpotensi bagi pelepasan yang mungkin terhasil secara langsung daripada pembangunan tersebut menggunakan Prosedur Penilaian GHG RSPO bagi Pembangunan Baharu. | 7.10.2(C) Bermula 2014, stok karbon di kawasan pembangunan yang dicadangkan dan sumber utama pelepasan yang boleh diakibatkan langsung dari pembangunan dianggar dan suatu perancangan untuk meminimumkan mereka disediakan serta dilaksanakan (berikutan Prosedur Penilaian GHG RSPO untuk Pembangunan Baru). |
| | | | 7.7.3(C) Pelan untuk mengurangkan atau meminimumkan bahan cemar utama (selain daripada GHG) dikenal pasti melalui *penilaian impak* (Pautan dengan 3.2) hendaklah dibangunkan dan dilaksanakan. | 7.10.3(C) Pencemar utama lain dikenalpasti dan perancangan untuk mengurangkan atau meminimumkan ia dilaksanakan dan dipantau. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam ‘Definisi’ ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.7.4 Unit Pensijilan hendaklah memantau perkembangan terhadap mengurangkan dan/atau meminimumkan bahan cemar utama yang dikenal pasti dan ringkasan perkembangan hendaklah disediakan pada umum bersama dengan dokumen pengurusan Unit Pensijilan yang berkaitan. | PENUNJUK BARU |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.8 Unit Pensijilan hendaklah melarang penggunaan api bagi pembersihan tanah dan/atau penanaman semula<br><br>*Untuk Interpretasi Nasional: Interpretasi Nasional akan menentukan sebarang peraturan yang berkaitan dengan larangan pembakaran terbuka | 7.11 Api tidak digunakan untuk menyediakan tanah dan dielakkan di kawasan yang diuruskan. | 7.8.1(C) Penyediaan tanah bagi penanaman baharu dan/atau pembangunan tidak boleh dilakukan melalui pembakaran terbuka. | 7.11.1(C) Tanah untuk penanaman baru atau penanaman semula tidak disediakan dengan pembakaran. |
| | | | 7.8.2 Unit Pensijilan hendaklah mempunyai dan melaksanakan, melalui penglibatan pihak berkepentingan yang bersebelahan, langkah pencegahan dan kawalan api bagi semua kawasan di bawah pengurusan langsungnya. | 7.11.2 Unit pensijilan menetapkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan kebakaran untuk kawasan-kawasan yang diuruskan secara langsung oleh unit pensijilan. |
| | | | | 7.11.3 Unit pensijilan melibatkan pihak berkepentingan yang berdekatan mengenai langkah pencegahan dan kawalan kebakaran. |
| Prinsip 7. Melindungi, Memulihara dan Menambah Baik Ekosistem dan Alam Sekitar | 7.9 Unit Pensijilan tidak menyebabkan pembasmian hutan atau merosakkan mana-mana kawasan yang dikehendaki untuk melindungi dan meningkatkan kawasan Nilai Tinggi Pemuliharaan (HCV), hutan Stok Karbon Tinggi (HCS), tanah gambut dan kawasan pemuliharaan yang lain. Kawasan HCV, hutan HCS, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain; termasuk spesies Nadir, Terancam dan Dalam Bahaya (RTE) dan habitat penting yang dikenal pasti hendaklah dipantau, dilindungi dan/atau ditingkatkan. | 7.12 Pembukaan tanah tidakmenyebabkan penebangan hutan atau merosakkan kawasan yang diperlukan untuk melindungi atau meningkatkan Nilai Tinggi Konservasi (HCV) atau hutan Tinggi Stok Karbon (HCS). HCV dan hutan HCS di kawasan yang diuruskan dikenal pasti dan dilindungi atau dipertingkatkan. | NOTA PROSEDUR untuk 7.9<br>RSPO komited dalam mengimbangi mata pencarian lestari dan pengurangan kemiskinan dengan keperluan untuk memulihara, melindungi dan menambah baik ekosistem. Dalam usaha untuk memastikan sumbangan yang berkesan bagi menghentikan pembasmian hutan, RSPO melalui proses penyemakan P&C 2018 telah mengenal pasti tujuh (7) Negara Litupan Hutan Tinggi [masukkan pautan kepada laporan] (HFCC): i) Republik Demokratik Kongo (DRC); ii) Republik Kongo; iii) Liberia; iv) Gabon; v) Myanmar; vi) Kepulauan Solomon; dan vii) Papua New Guinea (PNG).<br><br>RSPO juga memperakui bahawa 'HFFC' ini terdesak memerlukan peluang ekonomi yang membolehkan komuniti memilih laluan pembangunan mereka sendiri, di samping memberikan manfaat sosio-ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Oleh itu, prosedur yang disesuaikan perlu dibangunkan untuk menyokong pembangunan lestari minyak sawit oleh orang asli dan komuniti tempatan yang mempunyai hak undang-undang atau hak adat dalam HFCC. | |
| | | | 7.9.1(C) Pembersihan tanah sejak November 2005 tidak merosakkan hutan primer atau mana-mana kawasan yang dikehendaki untuk melindungi atau meningkatkan HCV. Pembersihan tanah sejak 15 November 2018 tidak merosakkan mana-mana HCV atau hutan HCS. Analisis Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) yang bersejarah hendaklah dijalankan sebelum sebarang pembersihan tanah baharu, selaras dengan dokumen panduan LUCA RSPO. | 7.12.1(C) Pembukaan tanah sejak November 2005 tidak merosakkan hutan primer atau mana-mana kawasan yang diperlukan untuk melindungi atau meningkatkan HCV. Pembukaan tanah sejak 15 November 2018 tidak merosakkan HCV atau hutan HCS. Sejarah Analisis Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) dilakukan sebelum sebarang pembukaan tanah baru, selaras dengan dokumen panduan LUCA RSPO. |
| | | | 7.9.2(C) Sekiranya terdapat pembersihan tanah tanpa penilaian awal HCV sejak November 2005, atau tanpa penilaian awal HCV-HCSA sejak 15 November 2018, Prosedur Pampasan dan Pemulihan diguna pakai. | 7.12.8(C) Di mana terdapat pembukaan tanah tanpa penilaian HCV yang terdahulu sejak November 2005, atau tanpa penilaian HCV-HCSA sebelumnya sejak 15 November 2018, Prosedur Remediasi dan Pampasan (RaCP) terpakai. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.9.3(C) HCV, hutan HCS dan kawasan pemuliharaan lain dikenal pasti seperti berikut:<br>(a) Bagi ladang sedia ada dengan penilaian HCV yang dijalankan oleh penilai yang diluluskan oleh RSPO dan tiada pembersihan tanah baharu selepas 15 November 2018, penilaian HCV semasa bagi ladang tersebut kekal sah.<br>(b) Sebarang pembersihan tanah baharu (dalam ladang sedia ada atau ladang baharu) selepas 15 November 2018 didahului dengan penilaian HCV-HCS, menggunakan Peralatan HCSA dan Manual Penilaian HCV-HCSA. Ini akan merangkumi perundingan pihak berkepentingan dan mengambil kira pertimbangan peringkat landskap yang lebih luas.<br><br>NOTA PROSEDUR bagi 7.10.3: Untuk butiran langkah peralihan, rujuk Tambahan Lampiran 5: Peralihan RSPO daripada penilaian HCV ke Penilaian HCV-HCS. | 7.12.2(C) HCV, hutan HCS dan kawasan pemuliharaan lain dikenalpasti seperti berikut:<br>a) Bagi ladang yang sedia ada dengan penilaian HCV yang dijalankan oleh penilai yang diluluskan oleh RSPO dan tiada pembukaan tanah baru selepas 15 November 2018, penilaian semasa HCV bagi ladang-ladang itu tetap sah<br>b) Sebarang pembukaan tanah baru (di ladang sedia ada atau penanaman baru) selepas 15 November 2018 didahului oleh penilaian HCV-HCS, menggunakan HCSA Toolkit dan Manual Penilaian HCV-HCSA. Ini akan termasuk rundingan pihak berkepentingan dan mengambil kira pertimbangan yang lebih luas.<br>NOTA PROSEDUR untuk 7.12.2: Untuk perincian langkah-langkah peralihan, rujuk Lampiran 5: Peralihan RSPO dari penilaian HCV kepada penilaian HCV-HCSA. |
| | | | 7.9.4(C) Di Landskap Litupan Hutan Tinggi (HFCL) dalam HFCC, satu prosedur khusus akan terpakai kepada kes kes-kes legasi dan pembangunan oleh orang asli dan komuniti tempatan yang mempunyai hak undang-undang dan hak adat, dengan mengambil kira proses pelbagai pihak berkepentingan serantau dan negara. Sehingga proses ini dibangunkan dan disahkan, 7.9.3 terpakai.<br><br>NOTA PROSEDUR bagi 7.9.4: Manfaat yang boleh dibuktikan kepada komuniti tempatan diperlukan; Pengiktirafan yang jelas tentang tanah undang-undang dan tanah adat berdasarkan perancangan penggunaan tanah penyertaan; pembangunan hendaklah selari dengan keperluan komuniti tempatan; dengan keseimbangan antara pemuliharaan dan pembangunan. Prosedur juga merangkumi penanaman pada tanah/ladang pertanian yang sebelumnya atau yang terbiar. Semua keperluan P&C yang lain terpakai, termasuk keperluan FPIC dan HCV. | 7.12.3(C) Dalam Landskap Perlindungan Hutan Tinggi (HFCL) dalam HFCC, prosedur khusus akan digunakan untuk kes-kes warisan dan pembangunan oleh pribumi dan masyarakat tempatan dengan perundangna atau hak adat, dengan mengambil kira proses pelbagai pihak berkepentingan serantau dan kebangsaan. Sehingga prosedur ini dibangunkan dan disokong, 7.12.2 terpakai.<br>NOTA PROSEDUR untuk 7.12.3: Harus ada manfaat yang dapat dibuktikan kepada masyarakat setempat; pengiktirafan yang jelas terhadap tanahtanah perundangan dan adat berdasarkan perancangan penggunaan tanah secara partisipatif; pembangunan harus berkadar dengan keperluan masyarakat setempat; dengan keseimbangan antara pemuliharaan dan pembangunan. Prosedur ini juga akan menanam penanaman di tanah / ladang pertanian sebelumnya atau terbengkalai. Semua keperluan P&C yang lain terpakai, termasuk keperluan FPIC dan HCV. |

Nota: Istilah yang definisinya telah diberikan dalam 'Definisi' ditulis dalam huruf condong.

| Prinsip | Cadangan Kriteria Disemak (Draf 2) | Kriteria (P&C 2018) | Cadangan Penunjuk Disemak (Draf 2) | Penunjuk (P&C 2018) |
|---|---|---|---|---|
| | | | 7.9.5(C) Jika HCV, hutan HCS selepas 15 November 2018, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain telah dikenal pasti, kawasan ini dilindungi dan/atau ditambah baik. Satu pelan pengurusan bersepadu untuk melindungi dan/atau menambah baik HCV, hutan HCS, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain telah dibangunkan, dilaksanakan dan disesuaikan jika diperlukan, dan mengandungi keperluan pemantauan. Pelan pengurusan bersepadu disemak sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun. Pelan pengurusan bersepadu dibangunkan dengan perundingan bersama pihak berkepentingan yang berkaitan dan merangkumi kawasan pengurusan langsung serta sebarang pertimbangan peringkat landskap yang lebih luas (jika dikenal pasti). | 7.12.4(C) Di mana HCVs, hutan HCS selepas 15 November 2018, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain telah dikenal pasti, mereka dilindungi dan / atau dipertingkatkan. Pelan pengurusan bersepadu untuk melindungi dan / atau meningkatkan HCV, hutan HCS, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain dibangunkan, dilaksanakan dan disesuaikan dengan keperluan, dan mengandungi keperluan pemantauan. Pelan pengurusan bersepadu disemak sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun. Pelan pengurusan bersepadu dibangunkan melalui perundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dan termasuk kawasan yang diurus langsung dan pertimbangan tahap landskap yang lebih luas yang relevan (di mana ia dikenalpasti). |
| | | | 7.9.6 Jika hak komuniti tempatan telah dikenal pasti di kawasan HCV, hutan HCS selepas 15 November 2018, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain, tiada pengurangan ke atas hak ini, tanpa bukti perjanjian yang dirundingkan, diperoleh melalui FPIC, yang menggalakkan penglibatan mereka dalam penyelenggaraan dan pengurusan kawasan pemuliharaan tersebut. | 7.12.5 Di mana hak komuniti tempatan telah dikenal pasti di kawasan HCV, hutan HCS selepas 15 November 2018, tanah gambut dan kawasan pemuliharaan lain, tidak ada pengurangan hak-hak ini tanpa bukti perjanjian rundingan, diperoleh melalui FPIC, menggalakkan penglibatan mereka dalam penyelenggaraan dan pengurusan kawasan pemuliharaan ini. |
| | | | 7.9.7 Semua spesies nadir, terancam atau dalam bahaya (RTE) dilindungi, sama ada spesies itu dikenal pasti dalam penilaian HCV ataupun tidak. Suatu program untuk sentiasa mendidik tenaga kerja tentang status spesies RTE hendaklah tersedia. Langkah tatatertib yang sesuai diambil dan didokumenkan selaras dengan peraturan syarikat dan undang-undang negara jika mana-mana individu yang bekerja untuk syarikat didapati menangkap, mencederakan, mengumpul, memperdagangkan, memiliki atau membunuh spesies ini. | 7.12.6 Semua spesies jarang ditemui,dan terancam (RTE) dilindungi, sama ada atau tidak mereka dikenalpasti dalam penilaian HCV. Suatu program untuk selalu mendidik tenaga kerja mengenai status spesies RTE dibuat. Langkah-langkah tatatertib yang sesuai diambil dan didokumenkan mengikut peraturan syarikat dan undang-undang negara jika mana-mana individu yang bekerja untuk syarikat itu didapati menangkap, membahayakan, mengumpul, berdagang, memiliki atau membunuh spesies ini. |
| | | | 7.9.8 Status HCV, hutan HCS selepas 15 November 2018, ekosistem semula jadi lain, kawasan pemuliharan tanah gambut dan spesies RTE dipantau. Hasil daripada pemantauan ini dimasukkan semula ke dalam pelan pengurusan. | 7.12.7 Status HCV, hutan HCS selepas 15 November 2018, ekosistem semula jadi lain, kawasan konservasi gambut dan spesies RTE adalah dipantau. Hasil pemantauan ini disalurkan semula ke dalam pelan pengurusan. |